



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**

*Senate*

**PARLIMEN KETUJUH**

*seventh Parliament*

**PENGGALPERTAMA**

*First Session*

---

**Jilid I            Bil. 34            Hari Khamis            10hb Disember, 1987**

---

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

**Y.B. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim**  
**Y.B. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif**  
**Y.B. Tuan Haji Hussein bin Ahmad** (Ruangan 1)

PENGUMUMAM TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

**Mengalu-alukan Ahli Baru** (Ruangan 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1988** (Ruangan 41)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan**  
**daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan 108)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 10hb Disember, 1987**

**Mesyuarat dinmlakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim
2. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.
3. Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAH AHLI-AHLI BARU**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad, ilmbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif, yang telah dilantik semula sebagai Ahli-ahli Dewan Negara dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**RANCANGAN RTM/TVRI MENGENAI FILEM-FILEM**

1. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Penerangan menyatakan dalam perjanjian pertukaran filem antara RTM dan TVRI, sepanjang tahun ini apa judul filem Malaysia ditayangkan oleh TVRI dan berapa filem Indonesia ditayang oleh RTM. Benarkah berlaku lagi keadaan filem kita tidak ditayangkan di pawagam-pawagam di Indonesia.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, rancangan pertukaran rancangan-rancangan RTM dan TVRI tidak mendapat kerjasama daripada pihak RRI atau Radio Republik Indonesia seperti yang diharap-harapkan. Filem-filem Indonesia yang disiarkan melalui RTM tidaklah didapati melalui RRT. Filem-filem ini disewa oleh pengedar-pengedar filem dan Bahagian Bekalan Filem. Berikut ialah butir-butir lanjut mengenai tayangan-tayangan filem Indonesia yang disiarkan dalam tahun ini melalui RTM:-

<b>Tajuk Filem</b>	<b>Tarikh Siaran</b>
1. Madu dan Racun	28.5.87
2. Di bawah Lindungan Kaabah	31.5.87
3. Bunga Bangsa	2.7.87
4. Panji Tengkorak VS Jaka Umbaran	23.7.87
5. Wali Sambilan	3.8.87
6. Sunan Gubung Jati	25.8.87
7. Jalur Kuning	3.9.87
8. Senyum Sang Tokoh	10.9.87
9. Pesantren Giri	1.10.87
10. Ibulah Syurga	9.10.87
11. Dua Tokoh	15.10.87
12. Cinta Putih	29.10.87
13. Tokoh	4.11.87
14. Sewangi. Melati Bahari	12.11.87

Filem-filem Malaysia amat kecil bilangannya yang ditayangkan di Indonesia. FINAS sebagai agensi yang bertanggungjawab sedang berikhtiar untuk memajukan lagi usaha ini.

**Tuan Haji Jaafar bin Haron:** Mengikut penerangan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, filem-filem kita kurang mendapat kerjasama dari Indonesia. Jadi, ini adakah hubungan atau apakah benar masyarakat Indonesia tidak meminati filem keluaran Malaysia dan dalam masalah ini juga apakah lagi tindakan atau peranan FINAS yang berkesan lagi dalam masalah ini.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, sebab yang pasti tidak dapatlah saya memberi di sini kenapa filem-filem kita Malaysia di Indonesia kurang- menoapat sambutan. Daripada apa yang kita dapat tahu mungkin sebanyak sedikit daripada bahasa yang agak lain daripada cara Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia manakala bahasa Indonesia atau filem-filem Indonesia lebih diminati di Malaysia jika dibandingkan dengan filem-filem kita di Indonesia.

Dan itu mungkin satu sebab yang menyebabkan kenapa kurang penerimaan filem-filem kita di Indonesia.

Kedua, FINAS juga sedang berusaha di mana untuk membolehkan filem-filem kita menembusi pasaran ataupun penerimaan di Indonesia ialah dengan cara mengadakan joint production, dengan izin, iaitu pengeluaran bersama di mana pengeluar-pengeluar Indonesia dan Malaysia menggabungkan tenaga dan kewangan untuk mengeluarkan filem-filem yang bermutu yang boleh diadakan dalam dua cara bahasa iaitu Bahasa Indonesia atau Bahasa Malaysia yang boleh mendapat pasaran yang saksama di kedua-dua negara.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar penerangan dari Timbalan Menteri Penerangan bahawa-sanya filem kita tidak begitu banyak mendapat tempat di TVRI oleh kerana masalah bahasa. Jadi kita juga di sini tidak boleh mengikuti Bahasa Indonesia sebagaimana kita mengikuti Bahasa Kebangsaan. Jadi soalan saya adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan tayangan gambar filem daripada Indonesia ini.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada rancangan RTM untuk mengurangkan filem-filem ini, malah kita sekarang sedang mencari jalan untuk mengimbangkan kemasukan filem-filem Malaysia ke Indonesia melalui joint venture, dengan izin, yang saya telah terangkan tadi.

#### HUTANG KERAJAAN

2. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) nisbah servis hutang terbaru;
- (b) jumlah h.utang negara sehingga bulan September 1987, termasuk angka-angka pecahan pinjaman asing dan dalam negeri; dan
- (c) tindakan-tindakan yang diiribil untuk mengurangkan hutang negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan:-

- (a) Nisbah khidmat bayaran hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1987 adalah dijangka sebanyak 6.5%.

- (b) Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 30/9/1987 adalah sebanyak \$79.1 billion yang mana \$51.6 billion adalah pinjaman dalam negeri dan \$27.5 billion adalah pinjaman luar negeri. Pinjaman-pinjaman ini tidak termasuk pinjaman-pinjaman pihak swasta dan pinjaman-pinjaman OBA, dengan izin, ataupun Off Budget Agencies ataupun non-financial private enterprises, dengan izin.
- (c) Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan hutang negara untuk mengawalinya telah mengambil langkah-langkah yang berikut:-
- (i) mengurangkan pinjaman yang diambil dari luar negeri;
  - (ii) mempelbagaikan pegangan matawang dalam portfolio hutang negara supaya tidak bergantung kepada satu atau dua matawang sahaja;
  - (iii) membuat bayaran awal untuk menyelesaikan pinjaman-pinjaman luar yang merapunyai kadar faedah yang tinggi seperti dinyatakan di dalam Ucapan Belanjawan Kerajaan akan membuat bayaran lebih awal atau pre-payment, dengan izin, sejumlah \$5,000 juta bagi 1987 dan 1988.

- (d) menbatalkan sebahagian pinjaman bagi projek-projek yang dalam pelaksanaan atau yang ditangguhkan berikutan dengan pengurangan belanja pembangunan Kerajaan.

#### PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL

3. **Tuan G. Rajoo** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) hasil Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Vancouver, Kanada baru-baru ini;
- (ii) apakah pendirian Malaysia terhadap Pertubuhan Komanwel ini sekarang memandangkan suatu ketika dahulu Malaysia tidak begitu senang dengan perjalanan Pertubuhan Komanwel ini; dan
- (iii) apakah tindakan yang membuat Malaysia berubah sikap terhadap Pertubuhan Komanwel.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

- (i) Sukalah saya menyatakan bahawa Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel yang telah berlangsung di Vancouver, Kanada pada 13hb hingga 17hb Oktober, 1987 bolehlah dikatakan berjaya di dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu-isu serantau dan antara-bangsa sama ada politik ataupun ekonomi. Isu-isu seperti 'apartheid' dan Afrika Selatan, Cyprus, Kampuchea, soal-soal berkaitan dengan kotnoditi dan najis dadah merupakan isu yang telah diberi perhatian yang berat dan dibincangkan dengan mendalam.



Umpamanya dalam isu 'apartheid' negara-negara anggota Komanwel melainkan Britain menyokong usaha-usaba pertubuhan tersebut untuk mengenakan sekatan secara meluas dan lebih ketat sebagai tindakan terhadap dasar 'apartheid' Rejim Afrika Selatan, Sebagai usaha terbaru ketua-ketua negara Komanwel melainkan Britain bersetuju menubuhkan satu Jawatankuasa Menteri-menteri Luar Negeri untuk memberi dorongan kepada tindakan-tindakan yang dipersetujui mengenai isu Afrika Selatan termasuk sekatan. Satu lagi keputusan positif yang dicapai ialah persetujuan kesemua negara Komanwel untuk meneruskan bantuan kepada negara-negara front-line yang bertujuan untuk membebaskan negara-negara tersebut daripada bergantung penuh dari segi ekonomi kepada Afrika Selatan dan untuk mempertingkatkan kebolehan mereka menentang rejim tersebut. Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel telah juga bersetuju meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Komanwel di bawah kerjasama teknikal ataupun, dengan izin, Commonwealth Fund For Technical Cooperation, dan telah memberi sokongan

kepada aspek-aspek kerjasama tersebut dalam bidang-bidang seperti perdagangan, industri, tenaga, pertanian, maritim dan najis dadah.

- (ii) Malaysia berpendapat bahawa Komanwel merupakan salah satu pertubuhan antarabangsa yang boleh memainkan peranan yang penting dalam mencari penyelesaian mengenai isu-isu semasa dan juga soal-soal berkaitan dengan ekonomi dan sosial.

Memang benar bahawa pada satu masa dahulu Kerajaan meragukan kebolehan Pertubuhan Komanwel untuk memupuk kerjasama antarabangsa kerana perkembangan-perkembangan yang negatif di dalam Pertubuhan itu. Ini termasuklah dasar menaikkan yuran pelajaran tinggi oleh beberapa negara maju seperti Britain, Kanada, Australia dan New Zealand, dengan tidak mengambil kira implikasi dasar itu kepada negara-negara yang sedang membangun.

(iii) Kerajaan telah mengkaji dengan teliti terhadap keanggotaan Malaysia di dalam Pertubuhan Komanwel untuk menentukan sama ada Malaysia akan meneruskan keahliannya dalam Pertubuhan itu ataupun sebaliknya. Hasil daripada kajian itu dan juga berasaskan kepada perkembangan yang berlaku semasa Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel di Vancouver itu Kerajaan yakin bahawa Pertubuhan Komanwel boleh memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha mencari penyelesaian kepada isu-isu politik dan ekonomi dunia dan juga dalam bidang kerjasama antarabangsa.

Malaysia bukan sahaja akan terus memainkan peranan aktif di dalam Pertubuhan Komanwel, tetapi seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ianya juga akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel dalam tahun 1989.

#### RACUN PEROSAK SAYUR-SAYURAN

**4. Tuan Shalk Dawood** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah Kementerian beliau untuk mengatasi penggunaan berlebihan bahan kimia perosak makhluk pada sayur-sayuran tempatan yang telah mengakibatkan eksport ke Singapura merosot.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti pengembangan serta analisa sisa

baki racun perosak bagi sayur-sayuran telah di.jalankan oleh pihak Jabatan Pertanian jauh sebelum masalah sisa baki racun perosak pada daun bawang di Singapura berlaku. Pihak Republik Singapura juga telah menjalankan analisa ke atas sayur-sayuran dari Malaysia tetapi mereka hanya telah mendapati paras tinggi bagi racun kulat dithiocarbamate, dengan izin, dalam daun bawang pada hujung bulan Februari 1987. Akibatnya pihak Singapura telah memusnahkan semua eksport daun bawang dari Malaysia yang mengandungi paras tinggi racun kulat tersebut.

Sebagai tindakan segera Kementerian Pertanian telah memberhentikan eksport daun bawang ke Singapura selama dua minggu. Di samping itu petani-petani telah diminta mengbasilkan contoh sayur-sayuran mereka kepada Jabatan Pertanian untuk dianalisa pada tiap-tiap hari bagi menentukan paras racun kulat dalam sayur-sayuran mereka.

Selain dari daun bawang, beberapa jenis sayur-sayuran berdaun juga didapati mengandungi. sisa baki yang tinggi. Keadaan kemudiannya telah dikawal walaupun terdapat beberapa orang penanam yang masib tidak mengikut arahan tentang cara-cara yang betul menggunakan racun kulat tersebut. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi. masalah ini adalah seperti berikut:-

- (1) Penguatkuasaan Akta Makanan, 1983. Peraturan-peraturan Makanan 1985 telah dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan mulai 1hb April 1987 dan difahamkan bahawa seorang penanam sayur telah didakwa kerana terdapat paras sisa baki kulat yang tinggi dalam hasil sayurannya;

- (2) Mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pembangunan. Bilangan kakitangan pembangunan di Cameron Highlands telah bertambah kepada 8 orang sejak April, 1987 termasuk dua orang pegawai yang boleh berhubung dalam bahasa Cina dan mereka telah menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti seperti mengadakan ceramah dan memberi latihan kepada pekebun-pekebun sayur, perbincangan dengan penjual-penjual racun perosak, pengedaran risalah pertanian serta pengumpulan sampel untuk analisa sisa baki. Mereka juga telah melawat sebanyak 519 orang petani untuk memberikan maklumat serta nasihat dalam penggunaan racun perosak. Mereka akan meneruskan lawatan-lawatan seperti ini.
- (3) Menandakan bakul-bakul sayur (tagging). Pihak Kementerian Pertanian dengan kerjasama FAMA dan Persatuan Pekebun-pekebun Sayur di Cameron Highlands telah memulakan satu system tagging bagi bakul-bakul sayur dan dieksportkan supaya identity petani yang menyalahgunakan racun perosak senang dipastikan. Sistem ini akan diperbaiki dengan menggunakan serialised tags, dengan izin, yang akan diedarkan kepada para petani tidak lama lagi.
- (4) Analisa sayur-sayuran. Analisa sayur kulat dithiocarbamate dalam sayur-sayuran masih diteruskan oleh Jabatan Pertanian. Pada masa sekarang contoh-contoh sayur dari Cameron

Highlands dihantar ke makmal dua kali seminggu dan keputusannya dikemukakan kepada pekebun-pekebun yang berkenaan dengan secepat mungkin. Dari keputusan-keputusan setakat ini didapati bahawa paras sisa baki racun kulat telah berkurangan dibandingkan dengan paras yang didapati pada awal tahun ini.

- (5) Kerjasama dari Republik Singapura. Pihak Singapura sentiasa melaporkan kepada Kementerian Pertanian melalui telex mengenai kes-kes di tana paras sisa baki racun kulat dithiocarbamate telah metebihi paras yang ditetapkan. Maklumat-maklumat ini kemudiannya disampaikan kepada Pegawai-pegawai Pengembangan di Cameron Highlands untuk tindakan selanjutnya. Pada bulan Oktober daripada lebih kurang 2,400 contoh yang dianalisa oleh pihak Singapura, hanya 116 contoh yang tidak lulus ujian paras sisa baki dibandingkan dengan 152 pada bulan September.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, adakah tindakan diambil untuk memperketatkan penyalahgunaan racun atau Kimia perosak oleh penanam-penanam sayur? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan Dewan yang mulia ini berapa orang penanam sayur telah didakwa di mahkamah bersabit dengan kesalahan menggunakan racun kimia terhadap sayur-sayur yang dieksport?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk mendakwa petani adalah di bawah Kementerian Kesihatan dan bukan di bawah Kementerian Pertanian di bawah Akta Makanan. Daripada apa yang kita dapat tahu seorang sahaja telah didakwa dalam mahkamah.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah penanam-penanam sayur atau petani-petani ini diberi kursus cara mana menggunakan racun perosak ini dan menjamin bahawa tanaman itu selamat untuk dimakan?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kami memberikan kursus dalam ceramah dan mesyuarat dalilog serta latihan kepada pekebun-pekebun sayur. Pegawai-pegawai Pengembangan juga ada melawat ladang-ladang dan menunjukkan kepada petani bagaimana mereka boleh menggunakan racun ini untuk menyelamatkan pengguna-pengguna.

#### INDUSTRI SEDERHANA/KECIL

5. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri. Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan yang telah dilancarkan oleh Kementeriannya untuk memperkembangkan bahagian industri sederhana dan industri kecil semenjak Kementeriannya mengambil-alih Bahagian Industri Sederhana dan Kecil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bio Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, pemindahan Bahagian Perusahaan Kecil dan Sederhana daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah tidak melibatkan perubahan atau pindaan ke atas program-program yang dijalankannya dahulu. Program-program yang telah dirancang dahulu telah diteruskan pelaksanaannya.

Program-program yang dijalankan ialah:-

- (i) Program Pemasaran;
- (ii) Program Pembangunan Usahawan;
- (iii) Program Pengenalan mengenai Teknologi dan

- (iv ) Program Perancangan, Penyelidikan dan Pengumpulan  
Data.

#### **KILANG MEMBUAT PELURU**

**6. Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah kilang MJC (kilang membuat peluru) yang membuat peluru penabur diusahasama oleh syarikat tempatan dengan Belgium dan siapa pemilik saham kilang tersebut. Mengapakah harga peluru penabur di negara ini begitu mahal. meskipun terdapat kilang tempatan yang membuatnya.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M. G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Mat Jan Catridges Malaysia (Sdn). Bhd. adalah sebuah syarikat milik penuh warganegara Malaysia di mana seratus peratus sahamnya dipegang oleh bumiputera.

Mengenai dakwaan bahawa harga peluru tempatan mahal, dari siasatan tentang harga peluru di pasaran tempatan yang dibuat oleh Kementerian ini adalah didapati bahawa harga peluru keluaran Syarikat MJC adalah lebih murah jika dibandingkan dengan harga peluru-peluru yang diimport.



**Puao Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah sambutan pembelian kepada peluru-peluru ini, maksud saya adakah pasaran pembelian peluru-peluru ini baik dan laris. Pihak-pihak manakah selain daripada Kerajaan yang membeli peluru-peluru. Boleh atau tidak lain syarikat ditubuhkan untuk mengedarkan peluru-peluru. Tiga soalan, Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, peluru-peluru digunakan oleh Angkatan Tentera dan pihak Polis dan dikeluarkan oleh lain syarikat, iaitu Malaysia Explosive Sendirian Berhad ini dipunyai oleh Kerajaan, ekuitinya 100% dipunyai oleh Kerajaan.

Tentang peluru yang dikeluarkan oleh Mat Jan Sendirian Berhad, peluru ini yang biasanya digunakati oleh orang-orang tempatan.

**Tuan Koh Im Pin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum ada kilang MJC kita boleh membeli berbagai jenis peluru-peluru penabur dari negara lain seperti Holland, Czechoslovakia, Italy, Belgium, Jepun, British dan lain-lain. Harganya adalah murah, iaitu hanya 35 sen hingga 45 sen sebiji sahaja. Mengapa peluru buatan yang diimport dari negara lain harganya 40 sen sebiji, tetapi peluru buatan negara kita harganya adalah 55 sen sebiji. Jika MJC tidak boleh mengurangkan harganya dan menambahkan penghasilannya untuk memenuhi pasaran, bolehkah pihak berkuasa memberi kuasa kepada pelesen-pelesen mengimport peluru penabur semula?

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga industri tempatan, Kerajaan ada satu sekatan import yang dikenakan ke atas 'cartridges 12 coach' pada Disember, 1985 dan masih berlaku hingga sekarang. Pada masa itu satu permohonan diterima oleh Kerajaan, iaitu dari Mat Jan dan ianya telah diluluskan.

Tentang dakwaan harga itu tinggi, berdasarkan rekod di sini, peluru yang kita import dari Remington, USA harganya 52 sen; Wenchester, Australia 55 sen; Ailey dari UK 48 sen Feuchi dari Singapura Hoffhand Sports Limited 48 sen, tetapi keluaraa dari MJC hanya 46 sen.

#### DISIPLIN ANGGOTA TENTERA

7. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kerana suasana disiplin yang begitu ketat" menyebabkan anggota tentera:

- (a) mudah mengamok;
- (b) mohon berhenti;
- (c) lari dari tugas; dan
- (d) berapa ramai anggota yang terlibat dengan perbuatan amok mohon berhenti dan lari dari tugas hingga masa ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan,

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah diakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di. dalam Dewan yang mulia ini bahawa kedudukan tentera kita di dalam disiplin yang baik. Memang disiplin yang terdapat di dalara Angkatan Tentera Malaysia sekarang adalah memuaskan dan sesuai dengan kehendak-kehendak ketenteraan. Tiap-tiap Anggota Tentera hendaklah mempunyai ketahanan mental dan fizikal supaya mereka benar-benar berwibawa mernpertahankan keutuhan kerjaya sebagai seorang tentera dan diyakini oleh seluruh rakyat jelata bagi diamanahkan kedaulatan negara.

Menyentuh masalah mengamok, mohon berhenti dan lari dari tugas, ini bukanlah kerana disiplin yang berada pada tentera kita semata-mata. Sebaliknya, mengikut apa yang direkodkan lebih merupakan masalah-masalah peribadi. Di antara mereka yang mohon berhenti mengikut perkara para 49(f) Army and Airforce (Term of Service) Regulations 1961 adalah mereka mohon berhenti kerja untuk melanjutkan pelajaran atau mendapat tawaran-tawaran kerja yang lebih baik atau untuk meneruskan perniagaan warisan atau memajukan tanah-tanah warisan.

Menyentuh di dalam masalah yang lari daripada tugas, keadaannya adalah beransur baik jika dibandingkan daripada angka-angka yang tercatat di dalam tahun 1981 dengan apa yang ada pada tahun 1987 ini adalah jauh amat baik, kerana apa yang tercatat dalam tahun 1981 ada seramai 1,461 orang, maka manakala pada tahun 1987 ini seramai 672 orang,

Menyentuh di dalam masalah mengamok, ini adalah sesuatu yang luar biasa kerana apa yang berlaku pada baru-baru ini hanyalah Prebet Adam bin Jaafar sahaja.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pertahanan supaya peristiwa Adam Jaafar yang baru-baru berlaku di Jalan Chow Kit ini tidak diulang lagi.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada tentera atau seorang rakyat biasa yang melakukan kesalahan di negara ini tidak dapat mengelakkan diri daripada tindakan perundangan.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang ada kaitan dengan soalan (b). Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian berkenaan apakah benar dakwaan mengatakan seseorang Anggota Tentera itu diwajibkan membayar harga minuman keras bagi Kelab Anggota Tentera walaupun ianya bukan kaki peminum. Kalau benar, tidakkah ini bercanggah dengan dasar-dasar Kerajaan yang hendak menerapkan nilai-nilai Islam di dalam negara ini?

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini svidah perkara lain. Pihak Kementerian bersedia memberi jawapannya apakala mengemukakan soalan ini nanti.

#### PEJABAT TDC

**8. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan ada berapakah jumlah pejabat TDC di negara kita dan adakah pejabat-pejabat yang ada sekarang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan lain-lainnya.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia mempunyai sebanyak 6 Pejabat-pejabat Wilayah, Kedudukan pejabat-pejabat tersebut adalah seperti berikut:-

- (1) Pejabat Wilayah Tengah bertempat di Kuala Lumpur bagi kawasan Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan;
- (2) Pejabat Wilayah Selatan bertempat di Johor Bahru bagi kawasan Negeri Johor dan Melaka;
- (3) Pejabat Wilayah Utara bertempat di Pulau Pinang bagi kawasan Negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak;

- (4) Pejabat Wilayah Pantai Timur bertempat di Kuala Terengganu bagi kawasan Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang;
- (5) Pejabat Wilayah Sabah bertempat di Kota Kinabalu bagi kawasan Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (6) Pejabat Wilayah Sarawak bertempat di Kuching bagi kawasan Negeri Sarawak.

Memandangkan kepada perkembangan yang pesat dalam Industri pelancongan, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan beberapa pejabat-pejabat baru, terutamanya di kawasan-kawasan yang sedang membangun dari segi pelancongan.

Pejabat-pejabat ini akan berfungsi bukan sahaja untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan pelancongan yang sedia ada tetapi juga meliputi kegiatan-kegiatan utama yang lain seperti pemasaran dan memberi penerangan kepada para pelancong asing dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemampuan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan lain-lain kegiatan, pegawai dan kakitangan yang sedia ada, walaupun menghadapi beban tugas yang semakin bertambah dari semasa ke semasa, tetapi akan terus cuba untuk meningkatkan keupayaan seberapa daya yang mungkin.

Memanglah, jika dilihat dari perkembangan serta keperluan tugas pegawai dan kakitangan yang sedia ada masih belum mencukupi, tetapi Kementerian akan terus mengambil langkah-langkah menambahkan pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa dengan mengadakan perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan sesuai dengan keadaan kewangan negara sekarang ini.

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Saleh:** Soalan tambahan, adakah Kementerian berkenaan dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) sedar bahawa gadis-gadis Eropah ala hippies ini sekarang sudah mencari rezeki secara pelacuran?

**Tuan Abdul Rahmao bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak sedar.

#### **GURU BERKELAYAKAN DI KELAS P.O.L.**

9. Puan **Valli Muthusamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian menjalankan rancangan pelatihan untuk memastikan supaya terdapat guru-guru berkeelayakan yang cukup untuk menjalankan kelas-kelas P.O.L. semasa waktu-waktu sekolah biasa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian

Pendidikan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan supaya terdapat guru-guru berkelayakan yang cukup untuk menjalankan kelas-kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil semasa waktu-waktu sekolah biasa.

Di antara langkah yang diambil termasuklah menambah pengambilan guru-guru pelatih di maktab-maktab dan universiti untuk mengajar matapelajaran ini.

Kementerian Pendidikan juga mengadakan kursus Dalam Cuti untuk guru-guru bahasa Cina dan bahasa Tamil. Selepas kursus ini, guru-guru ini akan dilantik menjadi guru-guru tetap.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sedar bahawa satu kurikulum yang dicadangkan bagi guru-guru P.O.L. di sekolah-sekolah menengah oleh Kementerian Pendidikan ini dan bilakah akan dikuatkuasakan kurikulum tersebut?

Soalan kedua, adakah Yang Berhormat: Timbalan Menteri Pendidikan sedar bahawa kebanyakan kelas P.O.L. itu hanya dijalankan pada penggal kedua. Sekiranya benar, apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bagi mengarahkan supaya kelas-kelas itu dijalankan pada penggal yang pertama?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengumumkan di sini bahawa sistem KBSM akan dimulakan pada tahun hadapan (1988) dan pengajaran Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil hanya akan mengikut sistem KBSM pada tahun 1988. Matapelajaran lain akan bermula pada tahun 1989.

Berkaitan dengan soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawasanya kita memang memulakan kelas P.O.L. agak lewat sedikit sebab kita hendak mematuhi syarat yang termaktub di dalam Akta

Pelajaran bahawasanya kita mesti mempunyai 15 ibu-bapa meminta membuka kelas P.O.L. dan kepada kelas-kelas yang sentiasa memenuhi syarat itu, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk memulakan kelas P.O.L itu lebih awal lagi.

Kelewatan ini berkaitan dengan pengambilan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Cina dan bahasa Tamil. Pada masa sekarang kita kekurangan lebih kurang 3,800 guru bahasa Cina dan bahasa Tamil dan kita terpaksa melantik Guru Sandaran untuk mengajar dan proses untuk melantik Guru-guru Sandaran itu akan mengambil masa dan kita mesti menentukan bahawa kita telah mempunyai cukup guru terlatih pada awal tahun atau bulan Januari, selepas itu barulah kita akan berusaha melantik Guru-guru Sandaran. Sabab itu pelaksanaan kelas P.O.L. akan mengambil masa sedikit.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kelayakan yang diperlukan bagi guru-guru kelas P.O.L.?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada membezakan kelayakan dan semua guru-guru hendaklah mempunyai 4 Kepujian matapelajaran termasuk juga kepujian dalam Bahasa Malaysia di dalam SPM. Sekiranya guru-guru itu hendak mengajar atau dilantik untuk mengajar bahasa Cina ataupun bahasa Tamil, guru tersebut tidak kira Guru Pelatih atau Guru Sandaran mestilah mempunyai Kepujian di dalam bahasa Cina ataupun bahasa Tamil.

#### PELANCONGAN - PENGURUSAN PROJEK

10. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah penyelarasan projek pelancongan dibuat di seluruh negara.



**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu tujuan utama mewujudkan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ialah untuk memastikan bahawa projek-projek pelancongan di seluruh negara kita dirancang dengan sistematik dan berkesan bagi memenuhi kehendak dan citarasa pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa.

Rancangan dan penyelarasan projek-projek pelancongan ini dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan melalui sistem Jawatankuasa di mana sebuah Jawatankuasa Induk Pelancongan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan dan dianggotai oleh Menteri-menteri Negeri dan Ahli-ahli EXCO yang bertanggungjawab mengenai pelancongan telah dicubuhkan.

Jawatankuasa ini akan mengkaji semua cadangan bagi projek-projek pelancongan, baik yang akan dimajukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonurni Negeri ataupun dari pihak swasta. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pertindihan di dalam projek-projek yang akan dimajukan dan juga untuk menentukan bahawa projek-projek ini menepati akan kehendak dan permintaan pelancong-pelancong. Antara lain, tugas-tugas Jawatankuasa Induk Pelancongan ini adalah seperti berikut:

- (a) menggubal dan mengesyorkan dasar-dasar berhubung dengan pembangunan industri pelncongan negara;
- (b) menyelaraskan dan memastikan pelaksanaan keputusan-keputusan mengenai pelancongan oleh pihak Jemaah Menteri dan Jawatankuasa Peringkat Menteri mengenai galakan pelancongan;
- (c) menimbang cadangna berhubung dengan perancangan dan pelaksanaan pembangunan pelancong n negara;  
dan

- (d) menyelaras dan mengawasi pertumbuhan dan kemajuan industri pelancongan negara sejajar dengan keperluan semasa yang dijalankan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkenaan yang lain.

Di peringkat Pegawai pula, sebuah Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Product Development telah juga dibentuk. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan dianggotai oleh beberapa Kementerian-kementerian tertentu serta juga dari pihak swasta seperti persatuan Hotel Malaysia, Persatuan agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia dan juga Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Tugae-tugas Jawatankuasa Peringkat Pegawai ini, antara lain, ialah seperti berikut:

- (a) menyelaras keputusan-keputusan mengenai pelancongan;
- (b) mengenalpasti dan mengkaji produk atau projek-projek baru pelancongan Kerajaan dan swasta;
- (c) mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia ada;
- (d) menentukan masalah-masalah yang mungkin timbul dan mencadangkan syor-syor untuk mengatasinya.
- (e) menentukan bahawa tidak berlaku pertindihan dalam projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri;
- (f) mengemukakan cadangan-cadangan yang dianggap sesuai kepada Jawatankuasa untuk Pelancongan untuk diluluskan;

- (g) mengkaji dan menimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil. Sebanyak tiga Jawatankuasa Kecil telah dibentuk di bawah Jawatankuasa Product Development di Peringkat Pegawai itu. Jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Kecil Infrastruktur, Jawatankuasa Kecil Super-Struktur dan Jawatankuasa Kecil Projek-projek Baru;

Dengan sistem jawatankuasa ini penyelarasan bagi projek-projek pelancongan di seluruh negara dapat dilaksanakan dengan baik supaya pertindihan dan pembaziran di dalam menjayakan projek-projek ini dapat dielakkan.

**Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan adakah atau tidak di dalam programnya untuk menghighlightkan kebudayaan nasional khususnya dalam bidang seni tari, seni lakun dan juga seni suara dan untuk mengadakan theatre supaya kebudayaan nasional ini dapat ditonjolkan terutama sekali kepada pelancong-pelancong luar negeri dan juga kepada pelancong-pelancong dalam negeri.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, kesenian adalah salah satu sahaja daripada perkara di dalam memperkenalkan identiti kita kepada pelancong-pelancong. Sebenarnya aspek-aspek lain dari segi bagaimana kita menerima pelancong ataupun kemudahan-kemudahan yang kita beri kepada pelancong juga termasuk di dalam cara-cara kita hendak menarik pelancong, Jadi kita akan memberikan tumpuan kepada semua bidang-bidang ini dan kita akan menyelaraskan semua perkara-perkara yang boleh menarik minat pelancong-pelancong. Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah sebahagian daripada apa yang akan diberi perhatian yang teliti oleh Jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah rnenerangkan tentang penyelarasan projek yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Saya ingin bertanya sudahkah Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan diwujudkan sepenuhnya di negeri-negeri. Sebab setahu saya di Kedah, Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan belum lagi diwujudkan sepenuhnya kerana masih menumpang dengan Pejabat Belia dan Sukan.

**Tuan Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertdua, mengikut soalan asalnya penyelarasan projek pelancongan, tetapi Yang Berhormat tadi telah bertanya tentang Pejabat Kebudayaan. Memang pihak Kementerian dengan agensi-agensi pusat telahpun berunding dan insya Allah tidak berapa lama lagi. kita akan dapat .menubuhkan Pejabat Kebudayaan dan Pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi pelancongan kita juga bercadang untuk menubuhkan tiga lagi pejabat wilayah jika ada kemampuan kewangan iaitu di Pulau Langkawi, Kuantan dan Melaka.

Di samping itu, Kementerian juga bercadang untuk menambahkan lagi bukan pejabat wilayah tetapi lebih merupakan pusat penerangan dalam cadangan yang akan datang.

**RUMAH PEGAWAI PENJARA**

11. **Puan Hajjah Salbiah binti Mobd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian atau Kerajaan akan menyediakan rumah kepada Pegawai Penjara khususnya di Pulau Pinang memandangkan ramai yang menyewa rumah di kampung-kampung dan ada yang berulang-alik dari rumah ke tempat kerja dari jauh. Tidakkah boleh pihak Kerajaan membeli flat yang sedia ada dan berdekatan untuk dijadikan quarters mereka itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang ada menyediakan rumah-rumah untuk pegawai-pegawai penjara. Walau bagaimanapun, jumlah yang dapat disediakan tidak mencukupi untuk menampung kesemua mereka yang memerlukannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, keperluan rumah kediaman di kalangan pegawai-pegawai penjara di Pulau Pinang tidaklah begitu rumitkan. Pada masa ini terdapat 141 unit rumah disediakan untuk pegawai-pegawai penjara Pulau Pinang di mana jumlah ini telah dapat menampung 70.5% dari jumlah bilangan pegawai-pegawai penjara berkenaan dan mereka yang tidak menikmati kemudahan tersebut telah dibayar elaun sewa rumah.

Pada masa ini pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membeli flat atau rumah-rumah yang berdekatan dengan penjara untuk dijadikan "quarters".

**GURU MELAGAKAN MURID PEREMPUAN**

12. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Pendidikan menerangkan apakah kesudahan penyiasatan tentang guru di Kota Bharu melagakan kepala dua murid perempuan sehingga salah seorang tercedera matanya. Apakah tindakan yang dibuat pada guru-guru yang sakit jiwa seperti itu.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maluman Ahli Yang Berhormat, kes guru melagakan kepala dua orang murid perempuan di Sekolah Kebangsaan Kem Pengkalan Chepa, Kelantan ini berada di bawah siasatan pihak polis. Hasil siasatan juga didapati guru berkenaan mengalami tekanan jiwa dan kini sedang menerima rawatan di hospital. Tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas guru tersebut jika bersabit kesalahan di mahkatnah. Namun demikian, dengan sukarela pihak berkenaan usaha sedang dijalankan oleh pihak sekolah, Lembaga Pengurus Sekolah dan PIBG untuk menyelesaikan kes tersebut.

Antara tindakan yang dilakukan pada guru-guru yang sakit jiwa seperti ini ialah:-

- ( i) mengeluarkan amaran secara lisan dan bertulis kepada guru berkenaan supaya sentiasa berkelakuan baik;

- (ii) mengurangkan beban tugas guru berkenaan di sekolah sementara beliau menerima rawatan di hospital;
- (iii) mengenakan kawalan yang rapi ke atas guru berkenaan dan melakukan penyeliaan dari semasa ke semasa; dan
- (iv) memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada guru berkenaan.

#### LPN - TUDUHAN PENYELEWENGAN PEGAWAI

**13. Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Pertanian menyatakan siapakah kambing-kambing hitam di LPN yang telah menjejaskan prestasi LPN dan apakah tindakan yang telah dibuat bagi mengatasi dan memulihkan keadaan itu.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pertanian memang ada menerima aduan-aduan dan tuduhan-tuduhan daripada pihak-pihak tertentu mengenai prestasi yang tidak memuaskan termasuk tuduhan-tuduhan penyelewengan oleh pegawai dan kakitangan Lembaga Padi dan Beras Negara. Hal ini tidaklah dinafikan tetapi bilangan mereka itu adalah kecil sahaja daripada keseluruhan pegawai dan kakitangan LPN yang seramai 4,282 orang pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak 8 tahun yang lalu terdapat hanya seramai 112 pegawai dan kakitangan yang telah dibuang dan ditamatkan perkhidmatan mereka kerana bersabit dengan kesalahan-kesalahan dan beberapa kes penyelewengan serta 100 orang dikenakan hukuman tatatertib.



Dalam masalah ini LPN adalah sentiasa mengambil berat dan usaha-usaha yang positif untuk mengemaskan jentera pentadbirannya ke arah metnbaiki dan meningkatkan mutu prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan LPN dan antara lain menambahkan lagi kursus-kursus dan latihan-latihan dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek meningkatkan produktiviti serta nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia.

Dalam pada itu tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada kepada sesiapa sabaja tidak kira pangkat atau kedudukan untuk membersihkan mereka yang dikatakan "kambing-kambing hitam" demi kepentingan perkhidmatan dan imej Lembaga ini. Dengan itu semoga "kambing-kambing hitam" yang ada boleh bertukar bulu menjadi "kambing berwarna putih." **[Ketawa]**

#### PERKHIDMATAN AWAM -MENGURANGKAN BILANGAN

14. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengurangkan bilangan kakitangannya memandangkan bahawa semakin banyak perkhidmatan dan tanggungjawab Kerajaan telah diswastakan sedangkan kadar kakitangan Kerajaan Malaysia berbanding dengan penduduk adalah di antara yang tertinggi di dunia.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi dasar Kerajaan untuk memperkemaskan saiz Perkhidmatan Awam dengan mengurangkan bilangan kakitangannya. Langkah-langkah ke arah ini telah diambil sejak tahun 1982.

Memang benar bahawa bilangan kakitangan Kerajaan adalah besar jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara ini. Kita mempunyai lebih kurang 800,000 orang kakitangan Kerajaan tidak termasuk Angkatan Bersenjata.

Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, dengan penswastan Jabatan Telekom sahaja mulai awal tahun ini sebanyak 30,080 jawatan telahpun dapat dikeluarkan dari senarai Perkhidmatan Awam sementara 21,624 jawatan yang kosong telah dimansuhkan sehingga kini.

**Tuan Azumu bin Tak:** Soalan tambahan. Adakah benar ada wujudnya polis di mana pegawai-pegawai Kerajaan tidak diberi tanggungjawab dan tugas langsung sebagai satu daripada tindakan disiplin.

**Tuan Othman bin Abdul:** Dakwaan Ahli Yang Berhormat: itu adalah tidak benar. Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan adalah diberi tanggungjawab masing-masing untuk menjalankan tugas-tugas Kerajaan.

#### PERISTIWA "DR. ZAINAL" DI HOSPITAL

15. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** mtnta Menteri Kesihatan menyatakan sekali-sekala peristiwa "**Dr. Zainal**" muncul dan yang paling akhir ialah di Pulau Pinang selepas di Kuala Lumpur, apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk mencegah berlakunya peristiwa seperti ini..

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Abli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan untuk mencegah dari berlakunya peristiwa seperti itu. Tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) menguatkuasakan penggunaan tanda nama bagi semua kakitangan di hospital-hospital;
- (ii) menguatkuasakan kad pengenalan diri. Penggunaan kad pengenalan tersebut sedang dilaksanakan di sebilangan Hospital Besar. Pihak Kementerian sedang menyediakan garis panduan mengenai kawalan keselamatan di semua hospital, termasuk cadangan penggunaan kad pengenalan diri;
- (iii) semua pegawai perubatan yang baru melaporkan diri untuk bertugas diperkenalkan kepada semua kakitangan di wad dan kakitangan di jabatan yang berkenaan;

- (iv) pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa berasaskan random checking dilakukan ke atas kad pengenalan diri untuk menentukan sama ada butir-butir maklumat yang terdapat pada kad tersebut adalah sama dengan pemegangnya; dan
- (v) semua kakitangan telah diminta untuk melaporkan kepada pengawal keselamatan atau penyelia hospital sekiranya ada sesiapa yang mereka syaki merayau-rayau di dalam bangunan hospital atau di dalam kawasan hospital,

#### RANCANGAN RTM - SUSUNAN

**16. Puan Hajjah Azizah binti Haji Nohd. Said** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu walaupun pihak Kementerian Penerangan berjanji akan menyusun semula rancangan RTM dengan diambil kira penerapan nilai-nilai Islam, rakyat aau penonton RTM maslh tidak puas hati dengan program-program, khususnya rancangan hiburan dan bilakah pihak Kementerian akan mengambil dayausaha membaiki lagi rancangan hiburan RTM, supaya generasi muda tidak meniru pakaian, potongan rambut, gaya lakonan dan pergaulan bebas yang dipamerkan dalam kaca TV melalui rancangan hiburan itu.

#### **Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:**

Tuan Yang di-Pertua, RTM senantiasa berusaha untuk memperbaiki rancangan-rancangannya sama ada yang berbentuk informasi seperti berita, dokumentari, majalah atau rancangan-rancangan hiburan. Rancangan-rancangan hiburan yang disiarkan telah ditapis terlebih dahulu seperti menunjukkan rambut: panjang, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan sebagainya. RTM senantiasa berikhtiar untuk menyelitkan nilai-nilai murni dalam semua siaran rancangan-rancangannya.

Rancangan-rancangan hiburan RTM adalah berpandukan garis-garis panduan dan penapisan RTM di mana unsur-unsur dari nilai-nilai positif termasuk nilai-nilai Islam adalah dipentingkan. Rancangan-rancangan hiburan itu disajikan dengan berbagai-bagai cara khususnya bagi menarik minat penonton-penonton di peringkat remaja dan belia kerana mereka inilah yang mewarisi khazanah bangsa dan masa depan. Sebab itulah rancangan-rancangan hiburan tradisional, moden dan semasa dibuat tanpa menonjolkan unsur-unsur barat yang tidak sesuai dengan budaya kita sendiri.

#### HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

17. **Tuan Bee Yarg Sek** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperluaskan atau membina semula Hospital Besar Alor Setar memandangkan bilangan penduduk bandar ini telah bertambah dengan pesat dan/berbagai pembangunan telah berlaku.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar ibahawa kemudahan perkhidmatan dari semua segi. bagi Hospital Besar Alor Setar perlu dipertingkatkan ke tahap yang sewajarnya untuk/memenuhi keperluan perkhidmatan perubatan penduduk-penduduk. Keputusan telah dibuat untuk memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan hospital itu di tapak yang sama.

Satu pelan induk untuk membangunkan semula Hospital Besar Alor Setar dengan cara teratur telahpun disediakan sejak Rancangan Malaysia Keempat pun dan proses membina semula hospital diteruskan dengan pembinaan sebuah wad blok empat tingkat.

Keutamaan terus diberi dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi projek pembangunan hospital ini dan sebuah lagi wad blok empat tingkat sedang dibina dan kerja-kerja memperbaiki sistem elektrik, bekalan air dari pembuangan najis dan sebagainya telah dimulakan juga.

Di samping projek-projek tersebut, sebuah bangunan Dobi baru serta sebuah blok Perkhidmatan Pusat yang akan mengandungi di antara lain, dewan bedah, Unit Rawatan Rapi, Unit Rawatan Jantung dan Unit Rawatan Kemalangan Kebakaran dan sebagainya akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

#### LAPANGAN TERBANG KECIL SITIAWAN

18. **Tuan Mohd. Wadji bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan dan memberi penjelasan mengenai tapak dan tempat lapangan-lapangan terbang kecil di Sitiawan, Perak.

- (i) apakah perancangan yang dicadangkan ke atas kawasan lapangan terbang kecil itu dan sama ada ianya boleh dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan; dan
- (ii) sejauh manakah benarnya perancangan telah diatur dan disusun bagi mewujudkan sebuah lapangan terbang gantian di Sitiawan bagi tujuan-tujuan galakan pelancongan ke Pulau Pangkor.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa rancangan berkenaan tapak Padang Terbang Sitiawan yang sedia ada. Padang Terbang tersebut masih boleh digunakan untuk menampung pesawat-pesawat kecil. Dengan demikian, apa-apa rancangan ke atasnya belum lagi dapat dipertimbangkan oleh mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan padang terbang baru bagi Sitiawan dan bagi maksud ini, tindakan-tindakan masih diambil mengenai tapak yang sesuai baginya.

**PENYELUDDPAN**

19, **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa peratuskah kadar penyeludupan cukai di negara ini:

- (a) bertambah atau berkurangan;
- (b) penyeludupan yang paling banyak melalui jalan mana, darat, laut, udara; dan
- (c) apakah langkah-langkah bagi mengatasinya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kadar penyeludupan barang-barang ke negara ini tidaklah diketahui kerana jumlah sebenar barang-barang yang diseludup tidak diketahui. Atas sebab-sebab yang sama juga, tidaklah dapat dinyatakan sama ada penyeludupan barang-barang secara keseluruhan ke negara ini telah bertambah ataupun berkurangan.

Penyeludupan yang paling banyak berlaku ialah melalui jalan darat iaitu di kawasan sempadan dengan negara-negara jiran kita. Sebabnya ialah kawasan Ini sangat luas dan tidak boleh dikawal secara ketat, yang mana memudahkan pihak-pihak penyeludup untuk menyeludup barang-barang melaluinya.

Langkah-langkah utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja bagi mengatasi penyeludupan ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan sekatan jalan raya di tempat-tempat tertentu dan membuat rondaan di darat dan di-laut;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan impoma-impoma, ini perkataan baru, Tuan Yang di-Pertua, iaitu informers, dengan izin, dalam bahasa Inggeris bagi mendapatkan maklumat mengenai penyeludupan dan memberi hadiah kepada mereka sebagai galakan untuk memberi maklumat;

- (iii) membuat serbuan dan serangan hendap berdasarkan maklumat yang diperolehi mengenai penyeludupan tersebut; dan
- (iv) menjalankan operasi bersama dengan Unit Pencegah Penyeludupan, serta pihak Kastam Thailand.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 31 adalah**



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang." [9hb Disember, 1987]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada banyak lagi Rang Undang-undang lain yang akan dibentangkan dalam Persidangan Dewan kita kali ini dan ada di antaranya mempunyai kaitan dengan tajuk-tajuk yang boleh disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seimbang dengan perbahasan kita atas Rang Undang-undang Perbekalan bagi 1988. Maka oleh itu, saya memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat peluang mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat mengambil bahagian dengan sepenuhnya dalam perbahasan Rang Undang-undang yang akan dibentangkan nanti.

Sekarang saya jemput Yang Bethorinat Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat untuk menyambung ucapannya pada petang semalam selama 10 minit sahaja dan selepas itu saya akan menjemput seorang Ahli sahaja lagi untuk berucap tidak boleh lebih daripada 20 minit sahaja.

Selepas itu, saya akan raenjemput Yang Berhormat Menteri-menteri untuk menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah.

### 3.40 ptg.

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya, menyentuh tajuk B.14 peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Oleh kerana kedudukan projek-projek perumahan yang bertindih di antara JPN, SEDC dan pemaju-pemaju swasta, suka saya menarik perhatian Kementerian ini supaya menyemak semula membangun projek-projek sendiri khususnya membeli tanah dan membuat rumah murah untuk diberi kepada rakyat buat sepenggal. Kementerian Perumahan boleh menolong dengan membeli rumah-rumah murah yang sudah siap oleh SEDC atau pemaju swasta kerana rumah-rumah yang dibina oleh SEDC atau pemaju swasta walaupun berupa projek yang berharga murah \$25,000 ke bawah, tetapi golongan berpendapatan rendah masih tridak mampu membeli melalui pemaju atau SEDC kerana pembelian mereka ini melalui pinjaman bank yang terpaksa membayar dengan harga lebih kurang \$200 sebulan berbanding dengan JPN sendiri. Kalaulah Kementerian masih juga ingin meneruskan konsep asalnya untuk membina 80,000 unit rumah untuk setiap tahun, itu adalah cara yang paling berkesan. Kedua, Kementerian mestilah mendapat kerjasama pihak Bank Negara bagi menurunkan kadar faedah atas pembelian rumah kos rendah yang dijual oleh pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tajuk B.17 peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan, walaupun agak sederhana namun harapan kita supaya dapat disalurkan kepada projek-projek yang benar-benar boleh memberi kekesanan kepada belia hari ini. Kementerian ini boleh mendaftar semua belia-belia, baik dari kalangan siswazah atau mereka yang gagal atau lulus SRP dan SPM di tiap-tiap jajahan dan

daerah dan merancang satu kursus atau bimbingan dengan berhubung dengan Kementerian-kementerian yang boleh bekerjasama. /Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan misalnya, menyalurkan belia-belie yang sudah dibimbing melalui kesenian untuk dipertunjukkan kepada pelancong-pelancong. Melalui Kementerian Pertanian untuk menggerakkan satu tenaga petani muda yang akan bergerak terus mengikut keadaan dan tempat. Satu Kementerian lagi yang boleh dirujuk ialah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Kalau semua tenaga ini boleh dicantumkan dan diadakan satu perkampungan dan penempatan khusus belia yang besar di tiap-tiap negeri, yang mana di situ belia dilatih, dibimbing mengikut pertanian ataupun kraftangan dan pertukangan misalnya, di situ pula pemasaran dibuat dengan belia-belie ini diberi upah mengikut banyaknya kerja yang disediakan bagi setiap orang. Kalau ini boleh diusahakan, kita akan dapat mengatasi masalah yang selalu berbangkit bila lawatan-lawatan ke luar negeri ada permintaan besar untuk barangan tempatan misalnya tetapi tidak dapat dipenuhi dengan sekali gus. KARYANEKA yang diasaskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Siti Hasmah patutlah diberi sokongan penghayatannya kerana apa yang dibuat oleh jiran sebelah kita, saya terpaksa membawa sekali lagi ke sana kerana perkampungan yang saya maksudkan sudah dibuat di sana. Mereka bukan sahaja menyekat para belia daripada menganggur dan menjadi manusia liar, bahkan dapat mendisiplinkan mereka.

Menyentuh tajuk B.18 peruntukan kepada Kementerian Perusahaan Utama, suka saya menarik perhatian di dalam masalah pengeksporan minyak sawit yang belum ditapis adalah satu kerugian yang besar kalau diteruskan kerana dalam keadaan kemelasetan yang ada dan penganggur yang bertambah, peluang ini boleh diberi kepada kegiatan penampungan ekonomi negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Lembaga Tembakau Negara di bawah Kementerian, ini juga, saya sungguh bangga dengan peranan dan prestasinya yang berjaya menarik petani-petani untuk mengusahakan tanaman tembakau dan melalui kegiatan ini telah mengubah corak hidup petani-petani di negeri yang terlibat. Saya mengucapkan syabas dan mengharapkan akan diikuti oleh Lembaga-lembaga lain dalam Kementerian yang lain yang mana setiap pengwujudan Lembaga adalah bertujuan yang sama untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab seterusnya menghasilkan pulangan yang memuaskan. Kalau Lembaga Tembakau Negara dapat berfungsi dengan baik, maka saya berkeyakinan Lembaga-lembaga Lain juga akan dapat mengikutinya. Dalam pada itu juga kita masih berharap di pihak Lembaga Tembakau Negara dalam masalah memberi kuota biarlah kalau boleh seimbang di antara pengilang dan pengawit. Seboleh-bolehnya kuota pengilang untuk mengimport dari luar disemak semula dan pihak Lembaga mengawal mutu supaya pengawit-pengawit akan mengeluarkan gred-gred yang bermutu tinggi. Dengan ini tidak akan berlaku potongan kuota yang sampai 30% kepada setiap pengawit bagi tahun 1988 ini, yang bererti pula potongan yang terus kepada petani sendiri sebanyak 30% juga bagi setiap petani, sedangkan saya kira ini tidak patut terjadi di tengah-tengah kegemilangan kegiatan perusahaan ini akan terbantut hanya kerana masalah-masalah kuota dari pihak pengilang.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk Bil memperuntukkan sejumlah wang yang agak besar dan harapan kita di saat-saat negara menghadapi beban hutang untuk menarapung pembelian makanan, berhutang untuk makan, sedangkan makanan itu boleh diusahakan sendiri dengan bermodal tanah dan bahan-bahan atau baja-baja dari benih dan tenaga dan keringat rakyat. 30 tahun masa yang lama untuk terus membeli bahan-

bahan yang boleh diusahakan sendiri. Kita benar-benar berharap kepada Kementerian Pertanian, selamatkan beban negara, import lembu daging, biri-biri, ayam dan beberapa jenis lagi makanan sudah cukup lama. Tahun 1988 dijadikan tahun pemulihan tenaga dan semangat ke arah bekerja, bekerja agar berjaya raenghastlkan sesuatu walau untuk semusim menanam untuk memetik tomato atau jagung atau limau nipis yang tidak kurang berjuta diimport ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan untuk menubuh Pusat Serenti di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalara B.12 menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi kelambatan satu-satu lesen di-proses dan harapan kita supaya kepercayaan yang diberi akan dapat dibuktikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang didukung oleh seorang wantta, "Ayuh! Yang Berhormat Datin, buktikan kegigihan anda!"

Satu pendekatan ke arah pencapaian mutu pendidikan berkesan ialah mengikut profesion masing-masing. Guru-guru hendaklah ditugaskan di tiap bilik darjah dan Kementerian Pendidikan di bawah tajuk B.26 hendaklah mengambil Pegawai-pegawai Tadbir yang merangkumi keseimbangan tenaga lelaki dan wanita bagi mentadbir di tiap-tiap Pejabat Pelajaran Daerah supaya tidak berlaku seperti yang ada di hari ini dan saya juga berterima kasih kepada Timbalan Menteri Pendidikan memberi peluang untuk dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai kenaikan pangkat dan kekurangan guru-guru dan kaki-tangan wanita di seluruh negara yang rata-rata tidak begitu mendapat tempat jika dibandingkan dengan peratusan mereka yang lebih daripada lelaki. Apa yang diharapkan setiap kenaikan pangkat dipilih mengikut prestasi dan kebolehan tanpa mengira lelaki atau wanita. Mudah-mudahan mereka yang terlibat dapat menyumbangkan khidmat mereka tanpa rasa ketidakpuasan di hati.

Akhirnya, B.39 memperuntukkan tidak sedikit jumlahnya kepada Jabatan Pendaftaran -Negara tanpa kita sedari bertimbun-timbun kad pengenalan yang tidak dituntut. Ini disebabkan tidak menyemak semula tentang bayaran-bayaran, terutama mengenai satu-satu kad pengenalan hilang. Di sini kadang-kadang kad yang hilang ditemui kembali, mereka tidak menuntut kerana terpaksa membayar selain daripada \$7 bayaran pertama, bayaran akan bertambah mengikut keadaan berapa kali kehilangan. Dan ini juga kerana tidak ada rekod di negeri masing-masing, rekod-rekod berada di Ibupejabat di Kuala Lumpur. Saya rasa ini juga patut kita semak dan mengatasinya.

Akhirnya, sekali lagi B.37 Jabatan Imigresen. Kita berterima kasih kepada Jabatan ini yang dapat mengawal kemasukan-kemasukan yang tidak diingini. Dalam pada itu saya suka menyentuh tentang peranan yang boleh diambil oleh Jabatan ini untuk sama-sama menarik pelancong dan menambah pendapatan negara. Kalau boleh di tiap-tiap sempadan, Rantau Panjang di Kelantan misalnya, kita ghairab menyekat kemasukan dan pengeluaran, juga kita lupa kelumpuhan ekonomi akan berlaku di pihak kita dengan memagari berpuluh-puluh anggota di Sepanjang sempadan pekan Rantau Panjang agak kaku dan lumpuh. Satu kerugian, satu kehilangan dan satu penderitaan kepada rakyat di pekan itu, yang sudah tidak menjadi rahsia bahawa dengan kemasukan orang-orang Thailand yang kadang-kadang tidak begitu cukup dokumen-dokumennya untuk datang membeli-belah disekat begitu rupa.

Jabatan ini harus memikirkan satu kemasukkan harian dan sehingga berapa jauh jaraknya untuk mereka mendapat pas kemasukan sementara. Mudah-mudahan pekan kecil itu akan dapat memberi sumbangan mata pencarian yang berterusan kepada rakyat di situ.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1988. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

### **3.51 ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan. Rang Undang-undang ini atau Belanjawan yang telah disampaikan telah mengambil kira dan mempertimbangkan masalah-masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan dan rakyat jelata di negara tercinta kami yang diakibatkan oleh kemelesetan ekonomi yang melanda seluruh dunia pada masa kini.

Pembangunan yang sederhana dalam negara ini telah dijamin oleh simpanan dan hasil-hasil pendapatan tertentu negara kita. Pada masa yang sama Kerajaan tidak pula membebankan tanggungan rakyat dengan cukai-cukai yang melampau. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan semasa menyampaikan Belanjawan yang Kerajaan dan rakyat pada masa kini patut menumpukan perhatian sepenuhnya dalam memperbaiki ekonomi negara.

Saya telah melawat dan juga mengalami kehidupan di beberapa negara yang paling maju dalam dunia ini, tetapi pada saya dan tidak syak lagi ada kebanyakan penduduk-peududuk Malaysia, negara yang paling seronok untuk tinggal adalah tidak lain dan tidak bukan tanah

air tercinta kita iaitu Malaysia. Ia telah kurniakan dengan sumber-sumber semula jadi yang melimpah. Tuhau telah membekalkan kepada kita iklim, cuaca yang menyenangkan hati serta menjauhkan daripada beberapa bencana alam yang dahsyat. Keluaran utama kita pada masa kini telah mendapati harga yang baik. Kita mempunyai jumlah penduduk yang sederhana kecil, tetapi mereka adalah muda dan berpendidikan. Kita mempunyai Kerajaan yang mempunyai lebih daripada 2/3 peratus majoriti dalam Dewan Rakyat dan juga mempunyai sokongan 100% daripada Senate.

Dengan merujuk kepada perkara-perkara tersebut di atas. negara kita seharusnya mempunyai ekonomi yang baik dan keadaan politik yang stabil. Ia haruslah merupakan tempat pelaburan paling baik bagi pelabur-pelabur asing dan syurga bagi sesiapa yang tinggal di sini. Malangnya, keadaan yang sebenarnya adalah agak berbeza. Ekonomi kita adalah masih lemah dan masyarakat kita adalah tidak bersatu padu. Ramai penduduk-penduduk pada masa sekarang telah memohon untuk meninggalkan negara ini dan bermigrasi ke luar negeri. Ada yang untuk sementara, tetapi kebanyakannya adalah tinggal secara tetap. Salah satu sebabnya adalah walaupun negara kita adalah politik tersendiri, tetapi peringkat ekonomi negara kita adalah bergantung kuat kepada faktor-faktor luar. Sama ada kita suka atau tidak, ekonomi kita adalah dipengaruhi oleh, misalannya "lobbies ASA", di Amerika Syarikat, oleh syarikat-syarikat Multi-National Jepun dan Amerika serta Kerajaan-kerajaan dan penduduk-penduduk negara-negara Eropah.

Oleh yang demikian, dasar luar negara kita mestilah ada yang



menuju kepada penyemaian persahabatan dengan seberapa banyak negara yang boleh. Kita mestilah beramah-tamah, mempunyai pendirian teguh dan sudah tentu mempunyai penghormatan diri sendiri. Berbagai-bagai Kedutaan kita telah cuba untuk mencerminkan imej baik negara kita di seluruh dunia. Duta kita ke Bangsa-bangsa Bersatu, bersama-sama dengau pegawainya, misalnya, telah cuba dengan sedaya upaya untuk meyakinkan lain-lain negara supaya bersama-sama kita menghapuskan masalah dadah dalam dunia ini secara tabah hati. Apa yang kita buat dalam negara berkenaan hal ini telah membayangkan secara jelas apa yang kita sedang cuba untuk meyakinkan orang lain untuk berbuat demikian.

Kami telah menerima penghormatan yang tidak dapat dinafikan dari negara-negara lain dalam hal ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa polisi lain yang berkehendakkan perkhidmatan luar negeri kita untuk menjelaskan dan menerangkan dengan pertimbangan ber-skilled, dengan izin, atau dengan kepandaian dan secara tabah hati, barangkali tidak banyak mendapat kejayaan. Kita telah mengeji diskriminasi kaum yang wujud di Afrika Selatan dan telah mengambil langkah yang betul terhadap negara itu, selaras dengan pengejian kami terhadap polisi mereka yang kita benci. Walau bagaimanapun, sikap kita terhadap "coup" di dalam negara FIJI dan polisi di dalam negara kita sendiri atas hasil-hasil yang berdasarkan garisan perkauman secara tulen, membuat negara-negara lain susah hendak mempercayai yang kita adalah bertentangan dengan diskriminasi berasaskan perkauman.

Selain daripada itu, kita mempunyai keyakinan diri sendiri yang pelabur-pelabur asing adalah cukup matang, tidak akan dipengaruhi

oleh khabar-khabar angin dan propaganda yang tidak berasas dalam membuat keputusan melabur atau tidak melabur dalam negara kita. Mereka pasti mempunyai cara dan jalan dalam mencari kebenaran. Tanggungjawab kita dan Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur asing adalah memastikan bahawa kebenaran itu adalah yang menarik pelaburan.

Di kalangan negara-negara ASEAN, kita harus mempunyai persefahaman yang kukuh, tidak bersaing sesama sendiri dalam syarat perdagangan yang merugikan kita semua. Kita sentiasa mendengar yang eksport kita selalu diancam oleh eksport negara jiran kita yang hampir sama, yang merupakan ahli-ahli dalam persatuan ASEAN. Melalui rundingan yang tetap yang sepatutnya selalu diadakan, kita bolehlah menghapuskan kebanyakan masalah-masalah yang mengancam ekonomi negara kita.

Sepertimana yang telah dikatakan sebelum ini tugas kita yang paling penting buat masa sekarang adalah memperbaiki atau memulihkan ekonomi negara kita yang memberatkan kita itu. Langkah pertama menuju penyelesaian ini adalah rakyat jelata negara ini sama-sama berganding bahu bersatu padu menikul beban yang berat ini. Ahli-ahli politik yang terus membicarakan agihan harta dalam ekonomi berdasarkan pctauman itu haruslah menyedari bahawa tidaklah berguna membicarakan harta-harta ekonomi sedangkan negara kita tiada apa yang boleh dibahagikan. Sebaliknya sekiranya ekonomi negara kita adalah berkembang maju atau diperbaiki melalui penggabungan tenaga rakyat jelata dalam negara, maka tiada perlu kita berkata-kata tentang pembahagian harta dalam negara, tiap-tiap satu harus menerima lebih daripada apa yang mereka patut ada.

Ini telah saya sebut terdahulu adalah bukan merupakan mimpi yang mustahil dengan memandangkan sumber-sumber yang ada di negara kita. Sekiranya kita terus menerus mengekalkan pemecahan berdasarkan kaum atau agama yang berbeza maka kita akan terus berada di bawah bukan sahaja di seluruh dunia malah di kalangan negara-negara ASEAN sedangkan kita mungkin boleh berada di kemuncaknya.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di beberapa minggu yang lepas harus telah membuka mata orang-orang awam terhadap pemimpin-pemimpin yang tidak mempedulikan walaupun negara kita mungkin sekali diceburi oleh rusuhan kaum asalkan mereka akan mendapat sokongan undi dari kaum mereka sendiri pada pilihanraya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin tersebut yang berpendidikan tinggi dan selalunya disanjung tinggi pada amnya boleh sekali tiba-tiba menjadi 'serigala perkauman' atau 'communal wolf' dengan izin, sekiranya masa dan tempat adalah bersesuaian dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin sebagai ini haruslah sentiasa diawasi dan jangan dipercayai. Sekarang kita sudah ada satu Kerajaan yang kukuh dan stabil. Kita memerikan suatu masyarakat yang berharmoni untuk memperbaiki ekonomi kita. Satu masyarakat yang berharmoni dalam sesuatu negara yang mempunyai berbagai kaum dan agama hanya boleh wujud sekiranya anak-anak kita dididik tanpa mempunyai, dengan izin, bias, terhadap mana-mana kaum atau agama. Sistem pendidikan yang ada sekarang mungkin mempunyai penyatu paduan sebagai salah satu matlamat tetapi hasilnya pula adalah sangat berbeza. Banyak perbincangan-perbincangan yang berpokokkan polarisasi perkauman di kalangan sekolah, kolej atau universiti telah diruncingkan tetapi apa yang diabaikan adalah akibat negatif yang disebabkan oleh pengasingan murid-murid sekolah dalam sekolah yang berdasarkan kaum dan agama berasaskan. Misalnya Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kolej MARA, Sekolah Independent Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, murid-murid dari sekolah-sekolah tersebut adalah merupakan pembentukan pemimpin-pemimpin masa akan datang kita. Sekiranya tahun-tahun pembentukan dalam sekolah tidak mampu membuka peluang kepada pelajar-pelajar untuk mencampur gaul dan memahami sama sendiri di kalangan berbagai kaum, masalah perkauman sudah tentu akan kekal kalau tidak menjadi makin buruk lagi.

Oleh yang demikian, untuk kebaikan kita semua usaha-usaha haruslah diambil oleh Kerajaan dan Lembaga Pengelolaan Sekolah-sekolah sedemikian untuk membuka peluang kepada semua orang-orang Malaysia tidak kira kaum atau agama untuk belajar bersama-sama, kalau tidak latihan sedemikian tidak selaras dengan apa yang disyaratkan. Sementara Kerajaan patut membuka peluang sekolah-sekolah perkauman kepada rakyat Malaysia untuk belajar, bermain, bercampur gaul dengan rakyat Malaysia semua, Sekolah Tinggi Cina Persendirian bersama-sama dengan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina juga harus memperuntukkan insentif biasiswa memberikan galakan kepada orang-orang Malaysia yang lain untuk menyertai mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak menimbulkan dalam masa soalan tetapi kerana masa itu saya tidak diberikan peluang iaitu berkenaan dengan POL atau Bahasa Ibunda. Memandangkan bahawa di negara kita ini adalah berbagai-bagai Bahasa Ibunda ada Bahasa Kadazan, ada Bahasa Punjabi, ada Bahasa Cantonese, Bahasa Hokkien dan lain-lain. Pada pendapat saya perkataan POL atau Bahasa Ibunda diperaturan Akta Pendidikan itu tidak berapa tepat kerana ikut Peraturan itu kalau misalnya ada lebih daripada 15 orang yang hendak belajar Bahasa Ibunda, Kerajaan mestilah mengadakan kelas-kelas yang tersebut. Kalau buat begini saya fikir Kerajaan tidak mampu. Maka saya cadangkan bahawa POL atau Bahasa Ibunda ini dihadkan kepada Bahasa Tamil dan Bahasa Cina sahaja.

Dalam hal kadar pengangguran yang makin tinggi dalam negara kita, kita juga perlu mengkaji semula sistem-sistem pendidikan kita kepada sistem yang menjamin kehendak-kehendak gunatenaga bagi perindustrian. Pengajaran skel-skel teknologi dan penanaman .sains-sains teknologi, disiplin perindustrian dan mempunyai kepercayaan pada diri sendiri serta kepujian kepada kerja-kerja yang berorientasi harus diberi perhatian yang berat.

Selanjutnya untuk menggalakkan sekolah-sekolah kita mempersaingkan kecekapan sama sendiri, pengawalan pentadbiran dari peringkat pusat haruslah diperkurangkan. Kuasa-kuasa tertentu haruslah dipulangkan kepada Lembaga Pengelolaan Sekolah atas misalnya pemilihan guru-guru atau Guru Besar dan, dengan izin, flexibilitasnya, haruslah diberi kepada sekolah-sekolah sendiri untuk mengambil masuk anak-anak murid yang ibu bapanya adalah murid-murid tua sekolah tersebut dan yang berbangga atas sekolah itu supaya tiap-tiap sekolah itu akan kukuh, teguh dan mempunyai yang mustahak identiti mereka sendiri.

Pada masa sekarang kebanyakan sekolah-sekolah tidak lainlah seperti kilang-kilang dengan tiada identiti dan murid-murid tua juga tidak ada perasaan megah terhadap sekolah mereka sendiri. Saya mesti mengulangi dan menitikberatkan yang asas pemulian ekonomi kita adalah tidak lain daripada mewujudkan masyarakat yang rajin, aman dan harmoni. Tanpa asas ini semua sumber-sumber yang ada tidak akan memberi apa-apa bantuan. Walaupun terdapat asas sebegini yang kukuh dan sumber-sumber yang ada, kita juga memerlukan daya pulangan ekonomi yang bertambah dan mudah ubah pembahagian sektor-sektor serta pembangunan teknologi. Walaupun memperbagaikan ekonomi telah diperkenalkan untuk satu masa yang lama tetapi yang perlu ditegaskan adalah memperbagaikan ekonomi haruslah diarah dengan baik kepada yang terpilih. Kawasan istimewa yang kita boleh memperkembangkan, teknologi kita dengan paling maju.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa 20 minit sudah cukup. Saya benarkan 2 minit lagi.

**Tuan Chan Choong Tak:** Terima kasih. Selain daripada perlu kita menggalakkan perusahaan persendirian bebas dan jentera pasaran melalui galakan penguasaan. Jangan menggalakkan mentaliti subsidi menjaga kepentingan awam dalam sektor Kerajaan dan menitikberatkan suasana perdagangan yang bersih dalam sektor persendirian. Menggalakkan kepercayaan diri sendiri yang baru, memuji kerja-kerja yang berorientasi di kalangan penduduk melalui pendidikan adalah sia-sia sahaja sekiranya sistem ekonomi yang dilatih pula menggalakkan pembesaran kuasa diri sendiri melalui hubungan khas dengan penaungnya. Perlindungan khas terhadap perniagaan yang well-connected, dengan izin, yang tidak dihukum walaupun ia menjalankan penipuan juga akan

menjadi satu ejekan terhadap seruan Kerajaan dalam industri, koperatif dan disiplin bekerja. Satu minit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Chan Choong Tak:** Dalam analisa yang akhir sekali kejayaan sekarang rancangan pembangunan mestilah berasaskan sokongan-sokongan dari orang ramai. Orang ramai dijangka memberi sokongan sekiranya faedah-faedah rancangan itu adalah didapati melebihi apa yang mereka akan mungkin berkorban. Oleh kerana tiada orang yang akan menerima faedah dari rancangan-rancangan akan datang sebelum ianya dilancarkan kepercayaan orang adalah diasaskan atas keyakinan sendiri yang Kerajaan adalah cukup ikhlas dan jujur dalam kewajipan untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Dalam hal ini kejujuran dan keyakinan diri sendiri, pucuk pimpinan adalah amat penting untuk menanam dan memperolehi keyakinan orang ramai yang terlibat.

Sekali lagi saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil giliran pertama bagi menjawab. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

#### **4.15 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1988 seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.



Dalam tempoh perbahasan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perpaduan, polarisasi kaum, pengangguran, Buku Merah Dua, Perkhidmatan Awam, Urusan Pusat Khidmat Kontraktor Bumiputera, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, sambutan Maal Hijrah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormt Senantor Haji Shaharom Maasom, Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Senator C. Krishnan dan Yang Berhormat Senator Azman Atar telah membangkitkan mengenai masalah polarisasi kaum, perpaduan kaum dan peranan Jabatan Perpaduan Negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Perpaduan Negara telah memainkan peranan yang diharapkan untuk membantu Kerajaan mengekalkan perpaduan dan muhibah di antara kaum. Ianya dilaksanakan melalui dua strategi jangka panjang iaitu strategi penggalakan, di mana Kecajaan menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi melalui kegiatan-kegiatan kemasyarakatan dan riadah yang dikendalikan oleh Rukun Tetangga. Tni bagi memupuk semangat perpaduan yang teguh, menanam sikap tolong menolong dan berbaik-baik di antara kaum ke arah keharmonian masyarakat.

Di samping itu usaha-usaha dijalankan bagi menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan kepada belia melalui dailog, ceramah, seminar dan lain-lain. Usaha-usaha ini bertujuan menjadikan mereka sentiasa berdisiplin, taat setia dan sentiasa menghormati di antara kaum.

Jabatan ini juga menganjurkan kelas-kelas TABIKA Perpaduan yang disertai oleh murid-murid dari berbagai keturunan. Kurikulum-kurikulum kelas TABIKA ini dapat mewujudkan perasaan percaya-mempercayai, sedia bekerjasama dan hormat-menghormati adat resam berbagai kaum supaya perezaan kefahaman kebudayaan dapat dikurangkan.

Di samping itu juga aktiviti-aktiviti pendidikan tidak formal diadakan seperti Khemah Kerja Kejiranan yang disertai oleh belia-belia dari berbagai keturunan dari kawasan sejiran bagi menerapkan pengetahuan mengenai adat resam dan penjelasan mengenai dasar-dasar negara.

Melalui strategi pencegahan pula, Jabatan tersebut mengendalikan program Sistem Pengesanan Perhubungan Sosial. Suster ini bertujuan mengesan pola perhubungan baik di dalam dan di antara kaum serta agama dan seterusnya menyelaraskan tindakan-tindakan pencegahan supaya keretakan dalam masyarakat tidak beriak atau dapat diredakan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee supaya fungsi dan matlamat Jabatan Perpaduan Negara dikaji semula, sukacita saya nyatakan bahawa fungsi dan matlamat Jabatan Perpaduan Negara sememangnya telah dikaji semula dan sedang mengalami perubahan bersesuaian dengan keadaan masa.

Buat masa ini Jabatan ini mempunyai Panel Penasihat Perpaduan yang diwakili dari ketua-ketua kaum, akademik, perniagaan, profesional, pentadbiran dan lain-lain lagi. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini Jawatankuasa Perpaduan Negeri ditubuhkan yang mempunyai fungsi dan peranan yang sama dengan Panel Penasihat Perpaduan di peringkat kebangsaan iaitu menasihati Kerajaan mengenai hal-hal bersangkutan dengan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara. Malah di setengah negeri telah ditubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telah juga membangkitkan mengenai pengangguran di kalangan siswazah. Sebagaimana termaklum, di bawah Skim Siswazah Khidmat Sambilan kira-kira 4,000 orang siswazah dilantik cara sambilan dan ditempatkan di Jabatan-jabatan Kerajaan di seluruh negara. Secara tidak langsung program ini memberi latihan kepada para siswazah tentang sistem pentadbiran Jabatan Kerajaan dan Perkhidmatan Awam kita. Setelah setahun setengah program ini berjalan adalah diharapkan siswazah-siswazah berkenaan mengambil peluang dari skim ini untuk mendalami selok-belok pentadbiran awam supaya mereka boleh menjadi calon yang baik untuk memasuki perkhidmatan awam. Bagaimanapun, sejajar dengan hasrat Kerajaan memperkecilkan saiz perkhidmatan awam dan meningkatkan prestasi kakitangan, maka Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pengambilan secara besar-besaran. Dengan itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah.

Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah mengadakan Skim Latihan Khas di mana siswazah-siswazah dipilih untuk menyertai program ini. Matlamat program seperti ini ialah untuk memberi kemahiran tertentu kepada siswazah-siswazah supaya mereka boleh berdikari seperti menjalankan perniagaan sendiri, di samping itu juga Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sedang merangka beberapa program lagi untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Program-program itu ialah Skim Siswazah Tani, Skim Latihan Kemahiran, Skim Penempatan di Sektor Swasta, Skim Pekerjaan di Sektor Awam, Skim Melanjutkan Pelajaran dan Skim Khidmat Sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran adalah satu masalah nasional, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak membantu mengatasi masalah ini. Ianya juga bukanlah masalah baru kepada negara ini. Semua pihak terutama ibu bapa diminta bertenang kerana Kerajaan sedang berusaha mencari jalan yang sesuai untuk mengatasinya. Bagi siswazah sendiri, mereka hendaklah mengubah sikap kepada bersedia menggunakan ilmu yang dipelajari untuk berdikari tanpa terlalu bergantung kepada Kerajaan untuk menyediakan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telah menyentuh mengenai pelaksanaan Buku Merah Dua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan buku tersebut adalah untuk mengambil langkah-langkah bagi mengemaskinikan proses pembangunan negara. Melalui pelaksanaan buku ini adalah diharapkan sistem perancangan, pelaksanaan dan pengesahan projek akan dapat diperbaiki lagi melalui pengumpulan dan pemusatan maklumat-maklumat yang lebih lengkap dan tepat. Pelaksanaan Merah Dua juga merangkumi usaha-usaha untuk memperkemaskan jentera pentadbiran daerah, iaitu sebuah agensi yang paling hampir dengan rakyat.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga telah menyentuh mengenai kerosakan Balai-balai Raya dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan di kampung-kampung. Di sini ingin saya tegaskan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut disediakan adalah atas keperluan dan permintaan rakyat untuk memudahkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan. Usaha-usaha untuk menjaga dan membaiki kemudahan seumpamanya adalah menjadi tanggungjawab semua pihak dan tidak sepatutnya diserahkan bulat-bulat kepada Jawatankuasa Kemajuan dan

Keselamatan Kampung. Rakyat hendaklah mempunyai sikap dan semangat sayangkan harta Kerajaan supaya ianya dapat disimpan dalam keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senatior Haji Shaharom Maasom telah meminta Kerajaan supaya mengadakan Akta bagi mengawal penyelewengan orang perseorangan yang mengendalikan jemaah haji ke Mekah dan meminta Kerajaan mewajibkan pemergian haji melalui Tabung Haji. Suka saya nyatakan di sini bahawa Akta atau peraturan baru tidaklah perlu kerana Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dan pindaan-pindaan yang dibuat dalam tahun 1973, di samping beberapa peraturan yang telah diadakan kebelakangan ini telah dapat mengawal dengan berkesan pemergian jemaah haji ke Tanah Suci, sama ada secara swasta atau persendirian. Mereka yang dibenarkan menguruskan jemaah haji secara swasta dikehendaki men deposit dan menyelenggara dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia wang deposit sejumlah \$30,000 secara Bank Draft atau Banker's Order. Mereka juga dikehendaki men deposit atau mengadakan jaminan bank dengan Tabung Haji bagi jumlah wang senilai dengan tambang kapal terbang pergi-balik ke Jeddah bagi tiap-tiap bakal haji yang menunaikan Fardhu haji yang dikelolakan. Bayarannya ialah sebanyak \$2,500 bagi tiap orang bakal haji dari Semenanjung, \$2,690 bagi setiap orang bakal haji dari Sarawak, \$2,840 bagi setiap orang bakal haji dari Sabah atau jaminan bank sejumlah \$100,000 mengikut matia yang kurang.

Cadangan supaya Kerajaan mewajibkan pemergian jemaah haji melalui Tabung Haji tidaklah perlu pada masa ini kerana semua bakal haji sama ada secara swasta atau persendirian perlu mendapat kelulusan Tabung Haji dan Menteri yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal haji. Tujuan Kerajaan berkehendakkan bakal-bakal haji

menggunakan perkhidmatan Tabung Haji ialah supaya mereka ini dapat pergi dan balik dengan selamat.

Sekiranya ini dapat dilakukan oleh pihak swasta dan Tabung Haji berpuas bati di atas perkhidmatan yang diadakan, maka Tabung Haji tiada halangan bagi mereka berbuat demikian;

Berikutan dengan teguran oleh Ahli Yang Berhormat: terhadap 'package haji' di mana jemaah haji membayar lebih tetapi apabila balik lewat tidak ada sarapan, Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa langkah-langkah sedang diambil supaya perkhidmatan 'package' akan dipertingkatkan lagi mulai tahun ini dan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telah menegur mengenai perayaan sambutan Ma'al Hijrah. Di sini saya ingin jelaskan bahawa sambutan perayaan tersebut diadakan secara rasmi oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Di samping itu, perayaan secara persendirian diadakan juga oleh persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan. Dalam menjayakan perayaan tersebut beberapa buah buku telah diterbitkan menerangkan antara lain kepentingan hijrah dan tema sambutan perayaan tersebut, iaitu "Ke arah Kemajuan dan Keagungan Ummah". Disamping satu khutbah Jumaat khas telah juga dikeluarkan dan dibaca di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga perayaan tersebut bukanlah monopoli Kerajaan dan semua pihak boleh merayakannya. Dalam hal ini Kerajaan tidak ada niat memaksa acara-acara dan tajuk-tajuk serta kandungan syarahan dan sebagainya. Adalah tidak menjadi kesalahan selagi aktiviti dan ucapan di perayaan tersebut tidak melanggar undang-undang negara.

Mengenai kitab 'Mastika Hadith' yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan bahawa kitab tersebut dicetak khas oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia untuk Rancangan Takmir Masjid. Kitab tersebut digunakan untuk mengajar di masjid-masjid di bawah rancangan tersebut. Walaupun kurangnya sambutan terhadap kelas tersebut, namun demikian sekurang-kurangnya diadakan kelas pengajian di masjid-masjid.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Ujang dan Senator Habidah binti Jusoh mengenai kelas pengajian di bawah Rancangan Takmir Masjid, kelas tersebut diadakan adalah di antara usaha-usaha Kerajaan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan sudah pasti yang menghadirinya mereka yang berminat untuk mempelajari Ilmu agama. Rancangan tersebut dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan peranan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam ialah membayar elaun guru-guru dan menyelaraskan pelaksanaan rancangan itu.

Mengenai kitab 'Mastika Hadith' yang dijual kepada orang ramai adalah dicetak oleh Kerajaan dan harganya adalah murah di mana Kerajaan telah memberikan subsidi terhadap kos pengeluaran. Kitab-kitab itu boleh didapati di kedai-kedai buku atau Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom membangkitkan janji Kerajaan hendak menaikkan taraf Mahkamah Syariah sama dengan Mahkamah Majistret. Ingin saya jelaskan bahawa soal menyamakan taraf mahkamah tersebut tidak timbul sama sekali kerana kedua-dua mahkamah dari struktur dan fungsinya adalah berlainan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memperkemaskan sistem dan memperkuatkan sistem kehakiman syarak. Antara usaha-usaha tersebut Kerajaan telah memperluaskan bidangkuasa mahkamah syariah dengan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah), 1965. Di samping itu melalui Universiti Islam Antarabangsa, Kerajaan mengadakan program kursus Diploma Undang-undang dan Kehakiman Syarak bagi kadi-kadi di seluruh riegara. Di samping itu juga Kerajaan sedang menggubal prosedur berkaitan dengan Mahkamah Syariah bertujuan untuk memperkemaskan dan menyelaraskan perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Ujang menggesa supaya diselaraskan perjalanan Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara. Di sini ingin saya jelaskan bahawa usaha-usaha untuk menyelaskan perjalanan Mahkamah Syariah di seluruh negara adalah suatu proses yang memakan masa yang panjang dan melibatkan berbagai bentuk tindakan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga menggesa disegerakan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di seluruh negara, suka saya memaklumkan undang-undang tersebut telah digubal dan telah diterima oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Undang-undang tersebut telah diterimapakai dan dilaksanakan di beberapa buah negeri seperti negeri Kedah, Kelantan, Melaka, Wilayah Persekutuan dan Terengganu. Negeri-negeri lain sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan undang-undang tersebut.



Seterusnya, Ahli Yang Berhormat berkenaan meminta supaya Pusat Islam menggubal Undang-undang bagi Baitulmal untuk mengadakan skim pinjaman untuk membeli kenderaan dan untuk perkahwinan supaya umat Islam dapat mengelakkan diri dari amalan riba. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan tersebut telah ada dilaksanakan oleh beberapa buah Syarikat Kerjasama dan bagi projek-projek yang besar-besar kemudahan ini boleh diperolehi dari Bank Lslam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Behrormat Senator Abu Bakar Lajim menyatakan bahawa terdapat persaingan antara Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan Unit Penyertaan Bumiputera (UPB) di Kementerian.-kementerian. Sebenarnya tidak terdapat persaingan antara PKK dengan unit-unit itu. Objektif dan aktiviti-aktiviti kedua-duanya adalah saling melengkapi iaitu untuk mempertingkatkan lagi mutu dan prestasi para kontraktor Bumiputera.

Berhubung dengan aduan yang diterima mengenai kontraktor-kontraktor, PKK akan mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor setelah penyiasatan rapi dibuat. Aduan-aduan yang diterima oleh PKK daripada agensi-agensi pelaksana dirujuk kepada kontraktor berkenaan untuk ulasan mereka dan ulasan itu dirujuk pula kepada agensi pelaksana untuk ulasan balas. Butir-butir aduan dan ulasan-ulasan daripada kontraktor dan agensi pelaksana dijadikan asas untuk dibuat sesuatu keputusan. "Benefit of the doubt", dengan izin, adalah diberi kepada kontraktor yang terlibat dan apa-apa tindakan terhadap kontraktor berkenaan hanya diambil setelah tiada jalan lain untuk memperbaiki keadaan.

Perlu dijelaskan bahawa kegagalan kontraktor untuk menyiapkan satu-satu projek yang dilaksanakan, dalam masa yang ditetapkan dalam kontrak, akan membawa akibat yang buruk kepada Kerajaan, agensi pelaksana dan juga rakyat yang memerlukan projek tersebut. Dari

segi kontraktor-kontraktor Bumiputera pula, penyalahgunaan taraf Bumiputera yang diberikan kepada mereka hanya akan merugikan mereka sendiri di samping mengurangkan peluang kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk menjadikan PKK sebagai sebuah Lembaga atau Perbadanan, di sini ingin saya menjelaskan bahawa Pusat Khidmat Kontraktor masih dapat menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepadanya oleh Kerajaan. Di dalam hal ini cadangan untuk menjadikan pusat ini sebuah Lembaga akan diambil perhatian.

Menyentuh tentang pengujudan kontraktor elit, pada dasarnya Kerajaan sedang melaksanakan perkara ini. Di bawah Konsep Payung telah dipersetujui untuk didaftarkan di peringkat kebangsaan tiga syarikat gabungan, iaitu:

Pertama, Gabungan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Bumiputera seluruh Malaysia,

Kedua, Gabungan ahli-ahli Koperasi Pembangunan Negara,

Ketiga, Gabungan ahli-ahli Persatuan Pertubuhan Peladang Malaysia.

Di peringkat negeri pula setiap negeri akan didaftarkan sebuah syarikat Gabungan Ahli Kontraktor Bumiputera, Koperasi Pembangunan Negeri dan Persatuan Pertubuhan Peladang. Tujuan pendaftaran ketiga-tiga jenis syarikat gabungan ini di bawah Konsep Payung adalah supaya mereka ini mencebur diri dalam projek-projek yang besar dan dapat pula mengagih-agihkan kerja-kerja berkenaan kepada ahli-ahlimasing-masing.

Sehingga sekarang ini PKK telahpun mendaftarkan 10 buah Syarikat Gabungan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Bumiputera, 3 buah syarikat ahli-ahli gabungan Koperasi Pembangunan, A buah syarikat ahli-ahli gabungan Persatuan Pertubuhan Peladang.

Selain daripada pendaftaran yang disebutkan di atas, Kerajaan melalui PKK membenarkan juga syarikat-syarikat kontraktor kelas rendah bergabung untuk memasuki satu-satu tender dalam kelas yang lebih tinggi dengan syarat syarikat-syarikat berkenaan hendaklah bertaraf Bumiputera dan daripada jenis yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Lajim juga mencadangkan ditubuhkan sebuah Institut menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R & D) bagi sektor pembinaan. Di sini ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak membelakangkan R & D bagi sektor pembinaan di mana pada masa ini telah wujud satu bahagian penyelidikan perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada masa ini, Kerajaan masih tidak perlu mewujudkan sata R & D khas dalam aspek pembinaan. Peruntukan R & D dalam bidang ini telah disalurkan melalui institusi yang sedia ada yang terlibat dalam penyelidikan bahan-bahan dan rekabentuk pembangunan seperti di FRIM, SIRIM dan beberapa universiti tempatan di mana peruntukan khas telahpun diberi bagi menjalankan projek-projek pembinaan tersebut, termasuklah rekabentuk dan "landscaping". Kerajaan juga memberi galakan terhadap kegiatan R & D kepada pihak swasta melalui penyediaan infrastruktur penyelidikan dan melalui galakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Embun telah menyentuh mengenai modenisasikan pentadbiran Jabatan-jabatan Kerajaan supaya dapat berkhidmat lebih berkesan kepada rakyat. Ingin saya jelaskan bahawa usaha-usaha membawa perubahan dan memodenkan pentadbiran Kerajaan akan terus menjadi keutamaan.

Usaha-usaha akan diteruskan memberi kemudahan dan menambah keselesaan orang ramai yang berurusan dengan Jabatan Kerajaan.

Dalam hubungan ini, program-program pembaharuan dan pemodenan akan terus dipergiatkan bagi meningkatkan lagi prestasi dan keupayaan Jabatan-jabatan Kerajaan iaitu meliputi bidang-bidang perubahan sikap dan nilai, pembaikan sistem dan prosedur kerja, peningkatan tahap perkhidmatan kepada orang ramai, peningkatan kawalan dan penjimatan kos, pengurusan teknologi maklumat serta aspek-aspek pentadbiran yang lain lagi.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Maasom telah mencadangkan supaya dibuat kajian untuk menyatukan PTA dengan PTD. Ingin saya jelaskan bahawa satu kajian terperinci dan menyeluruh yang menyentuh segala aspek perkhidmatan tersebut sedang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee telah meminta Kerajaan supaya mengurangkan saiz perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan mengambil langkah-langkah positif bagi mengawal saiz perkhidmatan awam. Ini bertujuan supaya bilangan perjawatan serta penjawat-penjawat perkhidmatan awam adalah pada tahap yang optimum selaras dengan fungsi yang perlu dikendalikan dan perkembangan teknologi.

Langkah-langkah mengurangkan saiz perkhidmatan awam bukanlah perkara baru tetapi telah dilaksanakan sejak tahun 1982 lagi.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya umur bersara untuk pilihan sendiri dikurangkan kepada 45 tahun bagi melaksanakan perkara ini Kerajaan belum bercadang hendak mengubah umur persamaan anggota Perkhidmatan. Awam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin yang mengharapkan agar Badan Pencegah Rasuah akan lebih aktif dan bersedia meningkatkan kerja mereka supaya negara tidak menjadi musnah kerana rasuah.

Suka saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa BPR tidak pernah mengabaikan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya di dalam mencegah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang ditegah oleh undang-undang. Badan Pencegah Rasuah sentiasa bersedia menerima maklumat dan aduan dari orang ramai, kemudian membuat siasatan lanjut dan seterusnya sekiranya ada cukup keterangan tentang kesalahan rasuah, pihak BPR akan membawa kes tersebut ke mahkamah. Tindakan-tindakan oleh pihak BPR adalah tegas dan adil menurut Undang-undang Rasuah yang telah diperuntukkan kepadanya untuk merapastikan jentera pentadbiran Kerajaan serta Perkhidmatan Awam sentiasa bersih, cekap dan amanah.

Tindakan-tindakan berbentuk risikan, siasatan, pencegahan dan pendakwaan dipertingkatkan serta dikemaskinikan dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan masa dan kehendak keadaan memandangkan perbuatan rasuah kian menjadi kompleks dan sophisticated. Saya berkeyakinan penuh bahawa BPR berupaya melaksanakan usaha-usaha pencegahan rasuah di dalam negara kita dan memastikan rasuah tidak akan menjadi amalan hidup rakyat khususnya di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan, yang menyatakan amalan "under the table" dengan izin, sudah menjadi perkara biasa, umpamanya di dalam urusan sesuatu tender Kerajaan. Saya ingin menjelaskan bahawa prosedur dan tata-cara kerja yang telah ditetapkan oleh undang-undang di dalam urusan pemberian tender sememangnya dipatuhi. Tambahan apa-apa keputusan yang dicapai merupakan keputusan sesuatu jawatankuasa tender dan bukannya melalui pemilihan seseorang individu.

Oleh yang demikian, sekiranya sesiapa pun mempunyai bukti-bukti yang nyata bahawa telah berlaku penyelewengan atau perbuatan rasuah di dalam sesuatu pengeluaran tender, pihaknya boleh mengemukakan aduannya kepada BPR atau pihak-pihak yang berkuasa yang lain yang berkait dengan pemilihan tender tersebut.

Suka juga saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan dan keberkesanan usaha-usaha pencegahan rasuah oleh BPR bukan sahaja terletak kepada kemampuan pegawai-pegawainya tetapi merupakan pengembelian usaha dari orangramai adalah sama pentingnya juga.

Berhubung dengan tarat kesihatan penduduk-penduduk setingan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada maklumat Perangkaan Penting Semenanjung Malaysia keluaran 1985. Dari maklumat tersebut adalah didapati kadar mortality bayi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 9.75% manakala bagi keseluruhan Semenanjung Malaysia ialah 16.95%. Ini sudah menunjukkan bahawa taraf kesihatan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk penduduk-penduduk setingan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia. Di samping itu kadar tersebut juga adalah mencerminkan kadar yang paling rendah berbanding dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia.

Menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk setinggan-setinggan, pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutamanya bagi penduduk-penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Di antara kemudahan-kemudahan ini ialah:-

- (1) kemudahan bekalan air bersih seperti mengadakan paip umum atau public standpipe, dengan izin;
- (2) mengadakan projek menggantikan tandas-tandas haram dan tidak sesuai seperti tandas lubang, tandas gantung, tandas atas tebing sungai dengan tandas curah yang lebih sempurna dan
- (3) mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan ibu-ibu mengandung, kanak-kanak dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan pentadbiran Kuala Lumpur pula, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dt Dewan yang mulia ini bahawa pentadbiran Kuala Lumpur pada masa sekarang adalah berasaskan kepada Akta 190 iaitu Akta Ibu Kota 1960. Akta tersebut meletakkan tanggungjawab pentadbiran kepada Pesuruhjaya yang mendapat gelaran "Dato' Bandar Kuala Lumpur", menurut Akta Bandaraya 1971. Datuk Bandar ialah satu institusi yang mempunyai kedudukan perbadanan atau a body corporate, dengan izin, dan beliau dibantu oleh sebuah Lembaga Penasihat. Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan pula adalah berkuasa memberi arahan bercorak khusus dan am kepada Dato' Bandar dalam menjalankan pentadbirannya. Menyedari hakikat ini maka adalah jelas pidak wujud sama sekali pertindihan kuasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Azman Atar.

Berkaitan dengan projek penswastan jejambat-jejambat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, suka saya tegaskan bahawa Jemaah

Menteri telah meluluskan supaya membenarkan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya memberi kuasa kepada Dato' Bandar Kuala Lumpur bagi menjalankan kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Dalam erti kata yang lain Yang Araat Berhormat Perdana Menteri sedia maklum mengenai perkara ini dan maksud penyelewengan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berbangkit sama sekali.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya mohon maaf. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang ditimbulkan itu telahpun dicatatkan dan akan diberi perhatian kelak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator-senator ialah mengenai jenayah rogol, orang asli, kewarganegaraan dan tahanan ISA.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said mencadangkan supaya penjenayah rogol diambil tindakan dengan setegas-tegasnya oleh Kerajaan. Senator itu juga mencadangkan supaya Kerajaan memperhebatkan lagi gerakan pencegahan. Berhubung dengan ini



sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap jenayah rogol ini. Kerajaan sedang dan akan mengambil tindakan tegas terhadap perogol. Kerajaan telah menubuhkan Unit Khas di Polis DiRaja Malaysia untuk menyiasat kes-kes rogol dengan memberi latihan-latihan yang sesuai kepada anggota yunit ini bagi memperingkatkan keberkesanan siasatan dan membawa penjenayah ke muka pengadilan. Di samping itu pasukan polis juga mempertingkatkan rondaan di kawasan-kawasan yang seringkali berlaku jenayah termasuk jenayah rogol.

Yang Berhormat Renatur Hajjah Azizah Mohd. Said dan Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee menyarankan supaya Kerajaan menjalankan siasatan dengan seberapa segera ke atas tahanan ISA baru-baru ini dan membebaskannya jika mereka didapati tidak lagi mengancam kepada keselamatan negara.

Mengenal saranan ini, Kerajaan sedang menjalankan siasatan dengan penuh berhati-hati dan mereka yang didapati tidak lagi mengancam keselamatan negara akan dibebaskan. Sehingga ini Kerajaan telah membebaskan seramai 26 orang daripada jumlah 106 yang ditahan baru-baru ini setelah didapati mereka tidak lagi mengancam keselamatan negara.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang mencadangkan supaya dalam usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam, pakaian anggota Polis wanita sekarang ditukarkan kepada pakaian yang menutup aurat. Berhubung dengan cadangan Senator itu, pihak Polis DiRaja Malaysia mempunyai jawatankuasa untuk menimbangkan pakaian seragam anggota Polis termasuk pakaian anggota Unit Polis DiRaja Malaysia.

Senator Haji Hassan Nam menyarankan supaya diperbanyakkan lagi rumah-rumah untuk anggota Polis terutama untuk anggota Senoi Prak di pedalaman Perak. Berhubung dengan ini, sememangnya Kerajaan memberi perhatian ke atas masalah ini dan ianya akan dilaksanakan dari masa ke semasa berdasarkan kepada kemampuan.

Senator Haji Hassan Nam juga menimbulkau beberapa isu berkaitan dengan Orang Asli. Berhubung dengan cadangan menyerapkan sekolah Orang Asli ke Kementerian Pendidikan dan menambah dari Darjah Tiga ke Darjah Lima, dimaklumkan bahawa pegawai luar dan pembantu-pembantu luar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang bertugas di bidang pendidikan di kawasan pedalaman sedang dilatih menjadi guru terlatih dan mereka akan diserapkan ke Kementerian Pendidikan setelah mereka berjaya dalam kursus tersebut. Program penyerapan ini akan diteruskan supaya anak-anak Orang Asli mendapat pelajaran bukan sahaja setakat Darjah Lima, malah ke peringkat lebih tinggi lagi.

Mengenai masalah mewartakan satu kawasan Orang Asli, kelewatan berlaku kerana urusannya perlu dikaji dengan teliti bagi memastikan yang Orang-orang Asli memang tinggal menetap di kawasan-kawasan berkenaan. Mengenai penglibatan Orang-orang Asli dalam rancangan FELDA, FELCRA dan Industri Kraftangan, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah membincangkan perkara ini dengan agensi-agensi berkenaan.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah mengenalpasti jenis kraf-tangan Orang Asli yang boleh dimajukan oleh Orang Asli dan usaha-usaha sedang dibuat untuk memajukannya.

Yang Berhormat Senator Dahlan bin Haji Embun menyarankan supaya masa kemasukan di sempadan Malaysia antara 6.00 pagi hingga 6.00 petang dikaji semula demi kepentingan pelancungan. Mengenai saranan ini, sukalah saya memaklumkan bahawa setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk mengkajinya kerana dari segi keperluan waktu masuk sekarang ini iaitu dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang adalah meraadai. Walau bagaimanapun, saya akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Haji Maasom menimbulkan masalah kesilapan mencatatkan butiran penting dalam kad pengenalan. Masalah kesilapan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah merupakan kesilapan manusia. Kesilapan seumpama ini tidaklah menyeluruh. Kesilapan ini boleh diperbetulkan dengan pemegang kad pengenalan itu datang ke Pejabat Pendaftaran untuk digantikan dengan yang baru.

Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Mohd Said mengesyorkan supaya pemohon kewarganegaraan hendaklah fasih berbahasa Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehendak-kehendak Perlembagaan mengenai pengetahuan Bahasa Malaysia bagi permohonan kewarganegaraan dibahagi kepada dua peringkat mengikut peringkat pengetahuan yang dikehendaki di bawah peruntukan Perlembagaan yang berkaitan: Peringkat pengetahuan yang mudah dalam Bahasa Malaysia bagi pemohon-petnohoti di bawah Perkara 16 Perlembagaan dan peringkat pengetahuan bahasa yang memadat bagi pemohon di bawah Perkara 19 Perlembagaan.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom Haji Maasom juga telah membangkitkan masalah kemasukan buku-buku agama dari Indonesia. Beliau mengatakan ada di antara isi buku itu yang berlawanan dengan pengajian mazhab Al-Shafie. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kemasukan buku-buku bercorak agama Islam adalah tertalkuk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Kemasukan buku-buku bercorak agama dikaji dan diteliti. Mana-mana yang bercanggah dengan Islam sehingga boleh menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan keharmonian, akan ditegah kemasukannya.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula program pemulihan penagih dadah kerana mengikutnya semasa di pusat-pusat pemulihan, mereka telah berjaya dipulihkan dan bila kembali ke masyarakat, sebahagian besarnya menagih semula. Mengenai ini, sukalah saya memaklumkan bahawa sistem pemulihan di pusat-pusat pemulihan amat berkesan sekali dan masalah bekas penagih menagih semula selepas tamat menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan, adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang lain yang terkeluar dari kawalan pusat. Di antaranya disebabkan oleh sikap masyarakat kurang memberi perhatian kepada bekas-bekas penagih dadah. Dalam masalah ini pihak Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Ujang juga mencadangkan supaya diperbanyakkan tenaga pengajar agama di dalam pusat-pusat pemulihan. Mengenai cadangan Senator ini, sukacita saya maklumkan bahawa pada masa sekarang ini di setiap pusat terdapat sekurang-kurangnya dua orang tenaga pengajar agama Islam. Di samping itu, pensyarah-pensyarah jemputan juga memberi ceramah mengenai aspek keagamaan di pusat-pusat pemulihan dari masa ke semasa. Mereka yang bukan beragama Islam juga diberi peluang;

mempelajari agama masing-masing dengan membenarkan pengajar-pengajar mereka datang ke pusat-pusat pada masa-masa yang sesuai.

Yang Berhormat Senator Azumu bin Tak metnbangkitkan borang pendaftaran pertubuhan yang tidak boleh dibaca, mencadangkan supaya Pendaftar Pertubuhan menghantarkan wakil ke mesyuarat agung kelab-kelab pertubuhan dan dikenakan lesen tahunan \$100 hingga \$200 ke atas kelab-kelab pertubuhan. Saranan ini saya akan meneliti dan membuat kajian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah tngemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai pelbagai isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah cuba untuk memberi penjelasan-penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya insya Allah akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

**4.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu khususnya mengenai perusahaan kecil, kemasukan penuntut-penuntut ke Maktab Rendah Sains MARA,

peranan KEMAS, pembangunan luar bandar, tanah terbiar dan jenis-jenis tanaman di rancangan FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim telah menyarankan supaya ditentukan bidang-bidang perusahaan kecil yang boleh diceburi oleh pihak swasta bagi mengelakkan pengusaha-pengusaha kecil dari terjejas dan beliau juga mencadangkan supaya satu Pelan Induk Perindustrian Kecil diwujudkan. Kerajaan sememangnya sedar akan masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan kerana itulah Kerajaan telah mengambil beberapa langkah, antaranya ialah:

- (i) menetapkan takrif "perusahaan kecil" sebagai "perusahaan yang mempunyai modal, pemegang saham atau asset bersih sebanyak \$500 ribu atau kurang dari itu". ini bermakna mana-mana perusahaan swasta yang terkeluar daripada takrif tersebut adalah tidak layak diberi apa-apa bantuan dari Kerajaan yang khas diberikan untuk perusahaan kecil termasuklah Industri kecil;
- (ii) menentukan dari masa ke semasa apa-apa bidang industri yang boleh diceburi oleh industri kecil. Misalnya jika didapati sesuatu barang keluaran industri itu telah banyak dikeluarkan oleh industri kecil atau besar dan didapati juga pasaran yang terhad, maka Kerajaan tidak menggalakkan pengusaha-pengusaha baru menceburi bidang industri itu dan juga

mengkhaskan sebanyak 46 jenis barang-barang keluaran industri kecil yang mana pengusaha-pengusaha besar tidak boleh mengeluarkannya.

Cadangan Yang Berhormat Senator itu supaya satu Pelan Induk Perusahaan kecil diwujudkan, sememangnya merupakan satu cadangan yang baik. Kerajaan telah memikirkan perkara ini dan sedang mengkajinya dengan teliti.

Yang Berhormt Senator Haji Shaharom Haji Maasom telah menggesa pertumbuhan industri-industri kecil di kawasan-kawasan desa. Kerajaan sememangnya memberi penekanan yang penting kepada bidang ini. Untuk maksud itu dan untuk memberi kesan yang lebih menyeluruh kepada pembangunan luar bandar supaya penduduknya mendapat faedah yang sewajarnya, Kementerian ini akan memastikan supaya projek-projek industri kecil merupakan projek yang berdaya maju, mampu bersaing dan terus berkembang. Ini bermakna di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk desa, projek-projek industri kecil di kawasan tersebut seharusnya boleh mewujudkan hubungkait ataupun dengan izin, linkages dengan perusahaan lain di kampung-kampung.

Yang Berhormat Senator Haji Hassan Nam telah mencadangkan supaya Kerajaan mengawal mutu hasil kraftangan Orang Asli. Di samping itu, Kerajaan hendaklah menggalakkan perkembangan industri kecil ke kawasan-kawasan Orang-orang Asli.

Mengenai perkara ini, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa peranan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam memajukan kraftangan meliputi kraftangan Orang Asli, lebih-lebih lagi barangan kraft mereka yang mengekalkan rekabentuk dan keasliannya kerana barang-barang tersebut mempunyai pasaran yang tersendiri.

Mengenai pengawalan mutu barangan kraft mereka, PKKM boleh memberi bimbingan dari segi penggunaan bahan-bahan mentah. Saya juga suka menegaskan bahawa sememangnya menjadi satu strategi Kerajaan untuk menggalakkan industri kecil di kawasan-kawasan kurang maju termasuk di kawasan-kawasan Orang Asli. Walau bagaimanapun kawasan-kawasan tersebut perlulah ada kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air dan jalan raya bagi projek industri itu untuk berdaya-maju.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan pemilihan pelajar-pelajar untuk memasuki Tingkatan Satu, Maktab Rendah Sains MARA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom, suka saya menekankan di sini bahawa pemilihan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang berikut:-

- (1) Untuk menduduki peperiksaan MARA, calon-calon mestilah mempunyai kelayakan:
  - (a) keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5, Pangkat 5A ataupun 4A B ataupun 4A 1C, ataupun 3A 2B, ataupun 3A IB dan IC serta memperolehi sekurang-kurangnya Pangkat B dalam matapelajaran Matematik dan juga Sains.



(b) kumpulan pelajar-pelajar yang menduduki Peperiksaan KBSR. Pelajar-pelajar yang mencapai keputusan yang baik dalam Peperiksaan KBSR ini biasanya akan dipilih dan dicalonkan oleh sekolah-sekolah masing-masing.

(2) Kelayakan bagi kemasukan ke MRSM adalah berdasarkan kepada:

- (a) pencapaian yang baik dalam ujian MRSM;
- (b) latar belakang sosio-ekonomi pelajar;
- (c) bilangan kekosongan yang ada di Maktab-maktab Rendah Sains MARA.

Pelajar-pelajar yang telah dipilih oleh pihak Kementerian Pendidikan dan dan juga Maktab Tentera Diraja untuk memasuki Sekolah-sekolah Asrama Penuh kendalian mereka tidak akan dipilih oleh MARA untuk memasuki MRSM. Pelarasan ini telahpun dipersetujui untuk dilaksanakan oleh ketiga-tiga agensi ini.

Mengenai pembinaan MRSM di Bukit Changgang, Selangor, suka saya menerangkan di sini bahawa pihak perunding kini sedang menyiapkan pelan terbaru bangunan MRSM tersebut dan insya Allah, sekiranya tidak ada apa-apa balangan pembinaannya akan dilaksanakan pada tahun 1988. Pelan terbaru bangunan tersebut perlu dibuat bagi menyesuaikan dengan peruntukan yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi menjawab persoalan mengenai jenis tanaman di rancangan-rancangan FELCRA, sebenarnya pemilihan jenis tanaman itu adalah ditentukan berdasarkan kepada kesesuaian tanah dan perkara-perkara teknikal yang lain. Tanaman ditentukan dengan mengambil kira

potensi dayamaju satu-satu rancangan itu dengan jenis tanaman yang berkenaan disamping perkara-perkara lain yang bersangkutan. Turun naik harga tanaman yang diusahakan adalah tertakluk kepada harga pasaran khususnya pasaran dunia.

Mengenai jenis tanaman jangka pendek seperti jagung yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Haji Maasom, FELCRA sedang berusaha meneliti dengan beberapa jenis tanaman berkenaan bagi melihat kesesuaiannya dan usaha ini termasuklah tanaman jagung. FELCRA juga sebenarnya memang ada melaksanakan rancangan tanah untuk Orang-orang Asli di bawah program yang dikenali sebagai RPS ataupun Rancangan Penempatan Semula Orang-orang Asli. Program ini adalah di bawah anjuran bersama Jabatan Orang Asli dan FELCRA. Rancangan-rancangan seperti ini terdapat di beberapa buah negeri seperti di Perak, Pahang Darul-Makmur dan juga di Kelantan. Selain daripada itu terdapat juga projek-projek FELCRA yang lain yang mana peserta-pesertanya juga terdiri daripada Orang-orang Asli yang dilaksanakan di bawah program biasa FELCRA.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee yang mengingatkan tentang keperluan untuk membangunkan kawasan luar bandar di mana terdapat kemiskinan yang masih meluas. Dalam pada itu juga pembangunan sememangnya dilaksanakan di semua kawasan kemiskinan tidak kira kampung ataupun kampung baru sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beberapa kali.

Yang Berhormat Senator Wong Kie Yik menyeru Kerajaan menaikkan taraf jalan luar bandar di negeri Sarawak sementara Yang Berhormat Senator G. Rajoo pula mengenai bekalan air bersih di ladang-ladang. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meagadakan kemudahan asas ini,

seperti jalan luar bandar untuk memberi kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Malah program jalan luar bandar dipercepatkan atau 'accelerated rural road programme', dengan izin, yang dilancarkan pada tahun 1977 adalah bagi memenuhi hasrat tersebut.

Bagi projek bekalan air luar bandar yang dilaksanakan di bawah Kementerian ini tidak meliputi kawasan-kawasan ladang dan rancangan-rancangan FELDA. Bagi kawasan ladang milik swasta, segala kemudahan asas adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan ladang berkenaan untuk menyediakannya. Begitu juga dengan rancangan FELDA, ianya adalah di bawah tanggungjawab FELDA sendiri.

Saya juga ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat Senator Rosnah Mohd. Salleh bahawa penyelarasan dari segi kurikulum adalah tersedia wujud di antara kelas-kelas TDK. Semasa pembentukan kurikulum pendidikan pra-sekolah, Kementerian melalui Bahagian KEMAS telah bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan membincangkan kurikulum tersebut. Kurikulum di kelas TDK KEMAS kini adalah dibentuk berdasarkan kepada kurikulum itu.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Salbiah binti Mohd. Akim, pihak KEMAS senantiasa bersedia memberikan kerjasama kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftarkan pengundi-pengundi baru.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Akhir kata saya sekali ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan dan pandangan yang telah diberikan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengangkutan.

**5.06 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara tertentu terhadap Kementerian Pengangkutan semasa mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pandangan, komen, teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah diambil maklum dan akan diberi perhatian oleh Kementerian Pengangkutan. Pandangan-pandangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan sekiranya didapati sesuai pandangan dan syor-syor tersebut akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada dasar Kementerian Pengangkutan ke arah memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Kementerian.

Yang Berhormat Senator Haji Dahalan Haji Embun telah membangkitkan perkara mengenai keadaan tandas di dalam koc-koc Kelas 2 dan 3 Keretapi Tanah Melayu.

Untuk makluman Yang Berhormat, KTM melantik svarikat kontraktor untuk membersihkan koc-koc penumpang di depot-depot di Butterworth, Kuala Lumpur dan Singapura. Kontraktor ini juga bertanggungjawab untuk membersihkan lantai dan tandas tiap-tiap koc di jajaran tren semasa dalam perjalanan. Kontraktor menempatkan seorang pencuci koc di tiap-tiap tren mel siang dan malam untuk membersihkan tandas-tandas koc. Pada waktu-waktu kurang penumpang, tandas-tandas biasanya bersih tetapi bila penumpang penuh sesak, keadaan tandas tidak dapat langsung dijaga kebersihannya dan tidak terkawal. Bagaimanapun, setiap usaha adalah diambil untuk memastikan kebersihan lantai dan tandas koc ke tahap yang memuaskan.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah menyentuh mengenai Keretapi Tanah Melayu juga dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengucapkan syabas kepada Kementerian Pengangkutan di atas mengadakan sistem penjualan tiket-tiket KTM melalui ejen-ejen.

Untuk makluman Yang Berhormat, Keretapi Tanah Melayu dengan usahasama TDC, MAS, hotel-hotel dan agensi-agensi pelancongan telah berjaya mengenalkan beberapa package percutian. dalam negeri dan bagi pelancong dari luar negeri. Package-package percutian tersebut mendapat sambutan yang baik dari orang ramai. Package percutian dalam negeri adalah seperti. berikut, iaitu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Package Great Value Holiday, See Malaysia By Rail, package percutian dengan hotel-hotel, promosi bersama KTM dengan syarikat kereta sewa dan package card untuk penuntut-penuntut.

Untuk menggalakkan pelancongan antarabangsa, pelancong dari luar negeri layak mendapat tambang murah untuk menjelajah Semenanjung Malaysia dengan keretapi melalui Railcar KTM.

Pihak KTM menyediakan perkhidmatan tren untuk pelancong luar negeri yang berkunjung ke Taman Negara. KTM juga telah melancarkan perkhidmatan "tren kenangan lama", dengan izin, down memory lane, di hujung minggu. Tren tersebut dijalankan dengan menggunakan enjin wap, iaitu seperti cara lama. dan koc penumpang yang dicat khas dengan warna asalnya dari Kuala Lumpur ke Batu Caves dan balik. Perkhidmatan Tren Ekspres Antarabangsa Bangkok - Butterworth - Bangkok dijalankan dengan kerjasama "Royal State Railway Thailand" dan dijalankan pada setiap hari.

KTM telah melantik agensi-agensi menjual tiket di luar negeri dengan kerjasama pejabat TDC di Bandaraya-bandaraya terkemuka, termasuklah Singapura, Hong Kong, Sydney dan Tokyo. Beberapa buah agensi pelancong luar negeri khususnya Jepun telah menganjurkan rombongan pelawat dari Bangkok ke Singapura dengan persinggahan lawatan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dengan keretapi. KTM juga turut serta bersama TDC dalam pameran-pameran Antarabangsa seperti Ekspo Pelancongan Malaysia di Singapura, Berlin, London, Sydney dan Perth. KTM berusaha mempertingkatkan mutu perkhidmatannya supaya dapat memenuhi kehendak para penumpang yang terdiri dari semua lapisan rakyat dan juga pelancong-pelancong yang menaiki keretapi untuk lawatan mereka ke Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah membangkitkan mengenai isu pelaksanaan projek pembinaan Lapanganterbang baru Sibu. Yang Berhormat Menteri Pcnangkutan, Dato' Dr. Ling Liong Sik telahpun membuat satu kenyataan akhbar pada 7hb Disember, 1987 semasa beliau membuat lawatan rasmi ke Sibu bahawa Kementerian Pcnangkutan telahpun memulakan langkah-langkah untuk melaksanakan projek ini untuk membina sebuah lapanganterbang baru di Sibu yang dapat mengendalikan pesawat-pesawat jenis sehingga Boeing 737.

Oleh yang demikian, isu bila projek ini akan dilaksanakan tidak perlulah dibangkitkan lagi, Atas perkara yang sama Yang Berhormat Senator Douglas Sullang telah juga mengalu-alukan kenyataan akhbar yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan itu dan saya bagi pihak Menteri dan Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin telah juga membangkitkan mengenai masalah 'hand luggage' yang berlebihan. Sebenarnya mengikut ketetapan International Air Transport Association (IATA) syarikat-syarikat penerbangan dikehendaki mengenakan had band luggage seperti berikut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "One piece of hand luggage of dimension not exceeding 115 c.m. or 45 inches and of weight not exceeding 10 kg. per passenger." - Bererti, seseorang penumpang hanya dihadkan 10 kg sebagai hand luggage dalam satu bekas yang panjangnya 45 Inchi. 10 kg, rasa saya berat juga untuk diangkat. Berdasarkan kepada ini, semua syarikat penerbangan termasuklah MAS secara amnya mengenakan had, dengan izin, hand luggage, itu berpandukan kepada had seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, adakah menjadi kebiasaan bagi syarikat-syarikat penerbangan termasuk MAS untuk menggunakan kebijaksanaannya untuk membenarkan penumpang, iaitu bergantung kepada keadaan untuk mengangkut lebih dari had hand luggage yang telah ditetapkan itu, iaitu sekiranya kapal terbang itu tidak membawa muatan sepenuhnya, atau, dengan izin, full load, bolehlah hand luggage itu diletakkan sedikit.

Yang Berhormat Senator Hamid Araby bin Md. Salib telah menimbulkan perkara kedai-kedai kosong di Lapangan Terbang Antarabangsa

Pulau Pinang. Pada masa ini hanya 1 lot kedai di Lapangan Terbang Pulau Pinang masih lagi kosong. Jabatan Penerbangan Awam telahpun mengkaji kedudukan kedai-kedai cukai bebas dan kedai-kedai lain supaya langkah-langkah yang sesuai boleh diambil untuk menarik lebih ramai orang datang membeli di kedai-kedai itu.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim telah menyentuh mengenai tambang khas senior citizen, dengan izin.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu mengenai tambang khas senior citizen, dalam perbahasan pada 8hb Disember yang lalu, sukalah saya memaklumkan bahawa pihak MAS mulai bulan Oktober, 1987 telahpun melonggarkan syarat yang sebelum ini telah memerlukan seorang penumpang mengesahkan tempahan dan membuat bayaran bagi tiket sekurang-kurangnya 7 hari sebelum penerbangan bagi maksud menggunakan tambang khas tersebut.

Dalam hal ini seseorang penumpang yang sekarang ingin membuat perjalanan dengan menggunakan tambang khas senior citizen, dengan izin, bolehlah membeli tiket pada bila-bila masa. Tetapi dalam hal ini, walau bagaimanapun pihak MAS tidak dapat memberi jaminan bahawa penumpang itu akan mendapat tempat duduk atas sesuatu penerbangan tertentu yang beliau kehendaki itu. Sebaliknya penumpang itu bolehlah membuat perjalanan atas sesuatu penerbangan tertentu itu tertakluk kepada adanya tempat-tempat duduk yang masih kosong, dengan izin, seat availability. Sekiranya orang penumpang ingin mengesahkan tempat duduknya seperti yang saya sebut tadi di atas sesuatu penerbangan tertentu, beliau bolehlah berbuat demikian dengan membuat pengesahan dan membeli tiket-tiket mengikut syarat yang lama, iaitu sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh penerbangan yang berkenaan.



Akhir sekali Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh telah membangkitkan masalah Jabatan Pengangkutan Jalan Perlis yang terlalu sempit dan sesak.

Saya berterima kasih di atas simpati. yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis mengenai keadaan Pejabat JPJ negeri Perlis itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tetap pun mengambil tindakan untuk menyewa bangunan baru yang berhampiran dengan tapak tanah yang sedia ada memandangkan tiada peruntukan bagi membuat bangunan sendiri bagi Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan negeri Perlis. Apabila Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perlis dapat dipindahkan ke bangunan itu, masalah yang dihadapi sekarang dijangka dapat diatasi dengan kos sewa dan mengubahsuai pejabat baru itu dijangka akan menelan belanja hampir \$100 ribu, dan kerja-kerja pemindahan dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun hadapan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kerjaraya.

### **5.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbahasan mengenai anggaran Perbekalan 1988 yang berkaitan dengan Kementerian Kerjaraya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan komen-komen dan cadangan-cadangan ke atas Kementerian Kerjaraya semasa membahaskan

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 ini. Saya dengan ini sukacita menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan tersebut untuk perhatian dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim telah membangkitkan mengenai ketiadaan sebuah institut penyelidikan dan rekabentuk dalam aspek pembangunan. Beliau juga menyatakan terdapat persaingan antara Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Penyertaan Bumiputera Kementerian Kerjaraya. Selain itu beliau juga telah membangkitkan mengenai projek bekalan air luar bandar Antah-Biwater, mengenai pekerja-pekerja asing, pemberian kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera dan juga mengenai wujudnya sub-kontraktor secara tiba-tiba untuk menjalankan kontrak-kontrak Antah-Biwater.

Mengenai Institut Penyelidikan dan Rekabentuk dalam aspek pembangunan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerjaraya sememangnya sedang membina sebuah Institut Penyelidikan dan Latihan Jabatan Kerjaraya di Serdang, Selangor. Pembinaan sebahagian daripada makmal penyelidikan dijangka siap pada awal tahun 1988. Buat masa sekarang terdapat 2 jenis kerja penyelidikan berhubung dengan aspek Kejuruteraan sedang dijalankan oleh Jurutera-jurutera dari cawangan rekabentuk dan penyelidikan di Ibu Pejabat Jabatan Kerjaraya. Adalah diharapkan banyak lagi kajian-kajian dalam bidang yang lain juga akan dijalankan di masa-masa yang akan datang.

Mengenai persaingan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di antara Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Penyertaan Bumiputra, Kementerian Kerjaraya, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kewujudan unit-unit peneryetaan bumiputera di Kementerian Kerjaraya dan Kementerian-kementerian lain adalah sebenarnya untuk memperkukuhkan usaha-usaha Pusat Khidmat Kontraktor dalam membantu dan membimbing kontraktur-kontraktur bumiputera. Setakat ini belum lagi berlaku kes-kes persaingan di antara Pusat Khidmat Kontraktor dengan agensi-agensi Kerajaan khususnya Unit Penyertaan Bumiputera yang boleh menjejaskan peranan Pusat Khidmat Kontraktor. Malah Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Penyertaan Bumiputera khususnya di Kementerian Kerjaraya saling bantu membantu dan berganding bahu dalam meningkatkan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera.

Mengenai pekerja-pekerja asing yang bekerja dengan Syarikat Antah-Biwater, sukalah saya menyatakan bahawa jumlah mereka ini adalah seperti yang terkandung di dalam kontrak. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada bahagian pengurusan, manakala Jurutera-Jurutera Perunding pula semuanya adalah daripada Jurutera-jurutera Tempatan. Mengenai pembelian kereta-kereta dan kenderaan-kenderaan dari negara asal pekerja-pekerja asing itu, perkara ini tidak benar dan saya telah difahamkan bahawa Antah-Biwater telah membeli lebih kurang 20 buah kereta Proton Saga buatan Malaysia.

Mengenai pemberian kontrak kepada bumiputera, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa 30% kontrak tersebut

hendaklah dikhaskan kepada bumiputera. Kontraktor-kontraktor bumi-putera yang memasuki sub-kontrak adalah kontraktor yang sah dan yang berdattar dengan Pusat Khidmat; Kontraktor. Walau bagaimanapun, perkara ini sememangnya diawasi oleh Jabatan Kerjaraya melalui sebuah Jawatankuasa Penyelarasan supaya syarat-syarat kontrak yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Antah-Biwater dipatuhi.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan mengenai keadaan bekalan air di kawasan Batu Pahat yang sentiasa berlaku kekurangan. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sememangnya sedar dan memberi perhatian yang serius terhadap keadaan bekalan air di kawasan Batu Pahat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan bekalan air yang berlaku itu adalah disebabkan permintaan yang meningkat, gangguan semasa, pembekalan dan pelaksanaan projek bekalan air Johor Barat peringkat kedua Semberong, Bekok tidak dapat disiapkan seperti yang dijadualkan.

Walaupun bagaimanapun, di bahagian Bekok beberapa komponen penting telah pun siap dan bekalan air mula dibekalkan sejak bulan Ogos, 1987 untuk memenuhi permintaan bekalan air di kawasan Batu Pahat. Keadaan bekalan air di kawasan Batu Pahat sekarang secara amnya telah bertambah baik sejak September, 1987.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said telah menimbulkan mengenai kerapnya berlaku kemalangan di Lebuhraya Senawang Air Keroh tersebut dan di samping itu beliau juga meminta Kerajaan menurunkan tol di lebuhraya tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya Senawang Air Keroh adalah direkabentuk dengan mengambil kira faktor-taktor keselamatan pengguna yang mana

adalah setanding dengan lebuh raya-lebuh raya di luar negeri. Menurut apa yang diketahui oleh Kementerian ini kebanyakan daripada kemalangan yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pemandu sendiri umpamanya memandu melebihi had laju yang dibenarkan. Semua papan-papan tanda yang sedia ada di lebuh raya tersebut adalah memadai. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengambil ingatan akan perkara ini dan akan mencari jalan untuk meningkatkan lagi sistem pemasangan papan-papan tanda di lebuh raya itu.

Mengenai kadar tol pula buat masa ini Kementerian Kerjaraya tidak ada cadangan untuk menurunkan kadar tersebut memandangkan kadar yang sedia ada itu adalah wajar dan munasabah serta merupakan kadar terendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar tol di negara-negara asing seperti Indonesia, Jepun, Taiwan dan negara-negara barat.

Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah meminta Kementerian Kerjaraya menyiapkan jalan raya utama negeri Sarawak dalam masa dua tahun hingga tiga tahun. Ahli Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang Anak Gandar juga meminta Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan jalan raya utama negeri Sarawak terutamanya bahagian jalan raya dari Sri Aman ke Sarikei dapat disiapkan pada tahun 1989.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang serius ke atas pembinaan jalan raya di negeri Sarawak, sukalah saya menyatakan kepada Ahli yang Berhormat bahawa jalan raya utama negeri Sarawak daripada Semantan ke Miri adalah terlalu panjang iaitu lebih kurang 1,112 kilometer. Oleh hal yang demikian, pembinaannya sudah tentulah memakan belanja yang besar. Dalam keadaan ekonomi negara yang meleset Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan yang banyak untuk menyiapkan jalan raya tersebut dalam tempoh beberapa tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, apa yang sedang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ialah membina jalanraya tersebut secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga peruntukan bagi pembinaan jalan adalah yang terbesar disediakan bagi negeri Sarawak di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Jumlah peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah sebanyak \$419 juta. Adalah dijangkakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini bahagian jalan dari Miri ke Bintulu, Sibul-Bintulu dan beberapa bahagian kecil jalan dari Sri Aman ke Sibul dijangka siap. Bahagian jalanraya dari Sri Aman ke Sibul akan diteruskan pada tahun 1988. Bahagian-bahagian jalan utama yang lain akan disiapkan dalam Rancangan-rancangan Malaysia yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun telah membangkitkan mengenai Plaza Tol Jalan Kuching yang mana persekitarannya tidak begitu menarik dan terdapat bahagian-bahagian jejambat yang sudah berkarat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan projek tersebut adalah di bawah pengurusan pihak swasta, Kementerian Kerjara akan memaklumkan kepada pihak berkenaan supaya mengindahkan kawasan tersebut. Mengenai jejambat yang kelihatan berkarat itu, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli yang Berhormat bahawa jejambat tersebut adalah dibina dengan menggunakan sejenis waja steel, dengan izin, yang bergelar, anti atmospheric corrosivesteel, dengan izin, yang mana harganya adalah lebih mahal daripada besi biasa. Jenis keluli ini yang diimport dari negeri Jepun memang biasa digunakan di Amerika Syarikat mempunyai ciri-ciri tersendiri yang tidak memerlukan ianya dicac dan mempunyai daya penahanan karat. Pada peringkat awal memanglah ianya berkarat di lapisan luar tetapi lama kelamaan

lapisan karat ini akan hilang dan keluli itu akan bertukar warna kepada hijau tua dan tidak akan berkarat Lagi.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam telah membangkitkan supaya Kementerian Kerjaraya memberi kemudahan jalan dan bekalan air kepada masyarakat orang asli,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sentiasa mengadakan projek-projek untuk kemudahan semua penduduk tanpa mengira bangsa dan keturunan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya mempertingkatkan kemudahan bekalan air dan jalan raya untuk masyarakat orang asli akan dtberi perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay telah membangkitkan mengenai kemalangan di lebuhraya Senawang Air-Keroh dan meminta Kementerian Kerjaraya mengambil tindakan terhadap orang-orang yang tidak bertanggungjawab memotong pagar di lebuhraya tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Lebuhraya memang sedar dan akan mengambil tindakan menguatkuasakan terhadap penguatkuasaan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab yang membiarkan binatang ternakan berkeliaran di lebuhraya yang membahayakan pengguna-pengguna serta terhadap mereka yang memotong pagar-pagar itu.

Yang Berhormat Tuan Mustata bin Awang telah menyentuh mengenai pengambilan pakar-pakar perunding asing di dalam melaksanakan projek-projek Kerajaan sedangkan Jabatan Kerjaraya mempunyai ramai pegawai-pegawai profesional yang berpengalaman seperti Arkitek, Jurutera dan Jurukur Bahan. Mengenai perlantikan pakar-pakar perunding asing, sukalah saya menyatakan bahawa tujuan Kementerian Kerjaraya melantik perunding-perunding asing bagi

melaksanakan projek-projek tertentu ialah kerana projek-projek tersebut memerlukan kepakaran di bidang berkenaan yang mana kadangkalanya Jabatan Kerjaraya sendiri tiada kepakaran mengenainya.

Di samping itu juga dengan melantik Juru Perunding-Juru Perunding ini beberapa projek dapat dilaksanakan dengan lebih cepat lagi. Di samping itu beberapa syarat pinjaman asing seperti Bank Dunia dan sebagainya memang mengenakan syarat supaya Juru Perunding-Juru Perunding antarabangsa di panggil bagi mengendalikan projek-projek tersebut. Secara keseluruhannya tidaklah banyak projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian ini yang menggunakan perlantikan perunding-perunding asing kecuali sebagai contoh projek Empangan Ahng di Kedah dan projek Pelabuhan Kuantan, Pahang. Walau bagaimanapun, perlantikan Juru Perunding-Juru Perunding asing ini biasanya disyaratkan supaya mereka menjalankan kerja secara usahasama dengan perunding-perunding tempatan atau dengan penglibatan pegawai-pegawai Jabatan Kerjaraya sendiri supaya kepakaran mereka di bidang tersebut dapat dipelajari.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan saya bagi menggulung perbahasan mengenai Anggaran Perbekalan 1988 yang berkaitan dengan Kementerian Kerjaraya. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat serta memberi teguran dan pandangan semasa membahaskan Anggaran Perbekalan 1988. Bagi teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, sukalah saya memaklumkan bahawa semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Kerjaraya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Utama.



**5.30 ptg.****Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian saya di bawah perbahasan atas Dasar Belanjawan 1988. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Azumu Tak dari Perak telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan perusahaan timah. Saya suka jelaskan di sini bahawa adalah tidak benar bahawa Perjanjian Timah Antarabangsa (ITA) lebih menguntungkan para pengguna yang menganggotai perjanjian tersebut. Para pengeluar timah yang menjadi anggota perjanjian tersebut telah menikmati peningkatan serta kemantapan harga timah di sepanjang sejarah perjanjian tersebut iaitu antara tahun 1956 sehingga 1985. Kejatuhan pasaran serta harga timah yang dialami sekarang ini adalah berpunca daripada beberapa faktor termasuk resesi di seluruh dunia. ITA Keenam yang berkuatkuasa sekarang ini akan tamat terapohnya pada bulan Jun 1989 dan tiada cadangan untuk menubuhkan satu perjanjian baru. Walau bagaimanapun, sebagai penggantinya, kedua-dua pihak iaitu pengguna dan pengeluar timah sedang berusaha untuk mewujudkan suatu kumpulan kajian dan ini adalah masih dalam peringkat perancangan.

Skim merasionalisasi bekalan timah yang dilancarkan oleh ATPC adalah bertujuan untuk menyusutkan lebihan bekalan timah yang terdapat di dalam pasaran sekarang ini. Skim ini yang telah dilancarkan pada 1hb Mac, 1987 telah menunjukkan kesannya dan ATPC

telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh satu tahun lagi sehingga Februari 1989. Dalam tempoh pelaksanaan skim ini, sudah tentulah tidak ada lombong baru yang boleh dibenarkan untuk beroperasi. Namun, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk menimbangkan kalau ada kes-kes mana pelombong-pelambong yang boleh membuktikan hasrat jelas untuk memulakan operasi melombong sebelum pelaksanaan skim ATPC itu,

Memanglah benar bahawa Akta Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah 1953 sudah lama dan sudah tua tetapi bukan semua yang tua dan lama itu tidak elok dan masih ada provisi-provisi dalam Akta itu yang berkesan. Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta ini dan pihak Lembaga Timah telah diberikan tugas untuk mengkajinya bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti Lembaga sesuai dengan perkembangan semasa dalam perusahaan timah.

Penutupan Biro Timah Malaysia di Washington telah dibuat setelah kajian mendalam diadakan di semua peringkat iaitu oleh pihak Kementerian, Lembaga Timah serta Dewan Perlombongan Timah. Adalah dirumuskan bahawa dengan tertubuhnya ATPC tanggungjawab yang selama ini dipikul oleh Biro berkenaan itu sepatutnya diambil alih oleh ATPC. Malaysia sepatutnya tidaklah menanggung beban sendirian oleh kerana manfaat daripada apa yang diusahakan oleh Biro ini bukan sahaja dinikmati oleh Malaysia tetapi juga oleh semua pengeluaran-pengeluar timah di seluruh dunia. Dengan yang demikian pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membuka semula Biro Timah Malaysia di Washington.

Berhubung dengan cadangan supaya itu Pejabat MMC ditubuhkan di Perak, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mustafa Awang dari Terengganu yang menyarankan supaya Kerajaan berhati-hati dalam memberikan bantuan dan juga penerangan kepada negara-negara lain berhubung dengan penemuan-penemuan baru penyelidikan getah. Sebenarnya memanglah menjadi dasar Kerajaan bahawa setiap hasil daripada kajian itu perlu ditimbang dari segi kepentingan negara ini sendiri dan sebagai satu dasar telah ditetapkan bahawa hanya Kabinet yang boleh meluluskan sesuatu penghantaran biji-biji benih getah ke negara-negara lain. Semua biji-biji benih yang hendak dihantar ke negara-negara lain itu perlu mempunyai pertnic yang khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Berhubung dengan idustri kelapa sawit, saya ingin mengambil perhatian tentang teguran daripada Yang Berhormat supaya tidak menghebahkan penemuan baru penyelidikan kelapa sawit. Saya suka jelaskan bahawa publisiti mengenai kelapa sawit setakat ini adalah dihadkan kepada aspek-aspek tertentu yang melibatkan promotion dan kita tidak heboh-hebohkan tentang penemuan-peneruan saintitik kecuali untuk tujuan menghuraikan ciri-ciri kebaikan minyak kelapa sawit. Secara langsung ia akan mengukuhkan kepercayaan awam terhadap keistimewaan dan ciri-ciri yang baik kepada minyak kelapa sawit sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menangkiskegiatan-kegiatan memburukkan imej minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh pengeluar-pengeluar kacang soya.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang juga membangkitkan masalah nelayan dan mengatakan nelayan ingin menanam tembakau tetapi sekarang ini tidak dibenarkan menanam oleh kerana kuota dipotong. Sebenarnya saya ingin jelaskan bahawa Kementerian sekarang ini

menghadapi masalah. Pasaran rokok merosot sebanyak 8% tahun ini, mungkin kerana adanya kempen anti merokok dan juga kerana banyak orang sudah sedar merokok itu tidak baik. Kemudian ini, ditambah pula dengan stok yang banyak oleh pengilang-pengilang rokok. Jadi, satu cara untuk mengelakkan masalah dari bertambah ialah kita telah membuat keputusan untuk mengurangkan kouta daripada 11.4 juta kilogram pada tahun lalu kepada 8 juta kilogram sahaja pada tahun hadapan. Penurunan kuota ini bukan sahaja tidak membolehkan Kerajaan memberi peluang kepada penanam-penanam baru untuk menanam tembakau, malah penanam-penanam yang sedia ada pun terpaksa juga dikurangkan jumlah tanaman masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa menggesa pengilang-pengilang rokok untuk menggunakan lebih banyak lagi tembakau tempatan dan dengan tujuan ini usaha-usaha adalah dijalankan untuk meningkatkan mutu tembakau yang dikeluarkan oleh penanam-penanam dan pengawet-pengawet. Apabila terdapat kemajuan di dalam permintaan tembakau yang kita keluarkan sendiri yang menyebabkan kuota boleh ditambah, Kerajaan sudah pasti akan memberi perhatian kepada golongan-golongan miskin seperti nelayan sepertimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat Senator Mustafa Awang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit tentang teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator G. Rajoo yang menyatakan Kementerian Perusahaan Utama tidak begitu 'forceful', dengan izin, dalam tindakan mengatasi kempen anti minyak kelapa sawit dan juga segala tindakan yang telah dijalankan tidak begitu berkesan, menurut beliau. Sebelum saya menjawab teguran Yang Berhormat **itu**, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas perhatian beliau kepada masalah ini. Malangnya apa yang disebutkan

oleh Yang Berhormat itu merupakan sedikit salah anggapan atau salah faham oleh pihak beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, umpamanya sewaktu saya menjawab satu soalan pada 30,11.87 yang lalu, saya telah pun memaklumkan dengan panjang lebar tidakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan, rakan-rakan kita dalam ASEAN untuk membanteras kempen anti minyak sawit ini dan saya tidaklah bercadang untuk membuang masa Dewan yang mula ini dengan mengulangi perkara-perkara yang telahpun saya tegaskan itu.

Tetapi saya rasa eloklah saya tambah sedikit, iaitu Kementerian Perusahaan Utama telah berusaha mengambil langkah-langkah menerusi pendekatan politik, saintifik dan teknikal dan juga melalui lobi untuk melawan kempen anti minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat itu. Semua langkah-langkah yang diambil itu kalau dianalisis dan dikumpulkan merupakan satu langkah yang komprehensif dan menyeluruh. Oleh itu, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat **itu**, iaitu Kementerian kita tidak 'forceful' dalam usaha untuk melawan peperangan ini.

Saya perlu tegaskan di sini, bahawa kempen melawan minyak soya ini adalah merupakan satu peperangan yang kita terpaksa lawan di negara luar dan kita berlawan dengan satu pihak yang mempunyai 'resources' ataupun kemampuan kewangan yang amat besar dan juga kejayaannya kita tidak boleh nilai dalam masa yang singkat oleh kerana perlawanan ini masih berterusan dan berlanjutan. Pihak kita bersedia menghadapi apa juga kemungkinan yang akan berlaku di masa depan seperti yang telah kita tegaskan selama ini, iaitu kita tidak berkurangan dari segi 'political will' atau hasrat dari segi politik untuk melawan dakyah-dakyah memburukkan minyak kelapa sawit kita ini oleh kerana ia melibatkan sejumlah 350,000 keluarga yang terlibat secara langsung dalam perusahaan kelapa sawit dan juga boleh kita katakan melibatkan sejumlah satu juta manusia lebih penduduk negara ini yang bergantung hidup kepada minyak kelapa sawit.

Setakat ini langkah-langkah yang kita telah ambil telahpun melihatkan tanda-tanda positif, kesan-kesan yang positif dan kempen memburukkan minyak kelapa sawit itu telah dapat sedikit sebanyak kita bendung. Umpamanya, pihak Pentadbiran Reagan secara terbuka telah menyatakan tentangan dan tidak setuju terhadap ura-ura atau

langkah pihak-pihak tertentu di Amerika untuk melabelkan minyak kelapa sawit kita sebagai minyak tepu dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, langkah itu telah ditolak oleh pihak Jawatankuasa Senate yang mengkaji Rang Undang-undang itu dan tidakpun dibawa kepada Persidangan Kongres Amerika. Begitu juga badan-badan saintifik di Amerika Syarikat seperti FDA (Food and Drug Administration) dan National Institute of Health, sekarang ini sudah mulai sedar tentang khasiat-khasiat minyak kelapa sawit. Oleh itu, pada keseluruhannya dapatlah kita simpulkan bahawa ASA telah tidak berupaya mencapai hasil-hasil seperti yang dihajatkannya dan saya yakin bahawa kempen ASA ini pada akhirnya kelak akan menjejaskan kedudukan minyak soya itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menggulung perbahasan mengenai perkara ini, saya harap penjelasan ringkas ini mencukupi untuk meyakinkan Yang Berhormat Senator Rajoo, iaitu apa-apa juga langkah yang diambil oleh pihak Kementerian ini untuk membanteras kempen anti minyak kelapa sawit itu telah menunjukkan kesan-kesan yang positif dan sudah tentu ini tidak dapat dijayakan jika langkah-langkah tersebut tidak berupa 'forceful'. Saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama semua pihak, termasuk rakan-rakan kita daripada negara-negara ASEAN akan terus berusaha mencari apa juga langkah yang dirasakan perlu dan akan mengambil apa juga tindakan-tindakan yang wajar untuk melindungi kepentingan minyak kelapa sawit kita di masa akan datang.

Saya ingin juga mengambil peluang ini untuk menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat yang menyatakan supaya digalakkan pengeksporthan minyak

kelapa sawit dalam bentuk yang sudah bertapis. Sebenarnya memang kebanyakan minyak kita yang kita eksport adalah minyak yang telah ditapis, Misalnya, dalam tahun 1986 di antara 4.55 juta metrik tan yang telah kita keluarkan, sejumlah 4.44 juta tan metrik adalah dalam bentuk minyak kelapa sawit yang telahpun bertapis dan ini merupakan 98% daripada pengeluaran seluruh minyak sawit negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya telah menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya ada perkara-perkara yang ketinggalan, yang tidak sempat saya jawab, kita akan mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan, jika perlu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertahanan.

**5.46 ptg.**

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haji:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Yang Berhormat Senator kerana telah turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1988, serta yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Pertahanan. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kerana kebanyakan persoalan dan isu-isu yang dibangkitkan itu telahpun saya jawab dalam masa pertanyaan-pertanyaan bagi jawab-mulut di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Hassan Nam, Yang Berhormat Senator Dahalan-Haji Embun dan Yang Berhormat Senator Mustafa Awang masing-masing telah membangkitkan masalah perumahan bagi anggota-anggota tentera. Terima kasih sekali. lagi saya ucapkan terhadap perhatian berat yang ditunjukkan oleh Yang BerhormatYang Berhormat itu.



Sebagaimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya semalam bahawa soal kekurangan rumah untuk anggota tentera memang disedari, malah Kementerian Pertahanan sentiasa peka dengan masalah ini. Oleh sebab itulah usaha serta langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan rumah angkatan tentera sentiasa diambil. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya, pencapaian dan penyelesaian tidak dapat diatasi sepenuhnya.

Kementerian Pertahanan juga sedang mengkaji satu konsep baru untuk mengatasi masalah ini melalui penglibatan pihak swasta dalam projek-projek pembinaan di mana pemaju-pemaju akan membiayai projek perumahan ini untuk kegunaan semasa dan Kerajaan akan membayar balik harga rumah-rumah tersebut secara beransur-ansur. Konsep ini sedang dikaji bersama dengan pihak Perbendaharaan. Saya berharap melalui peruntukan perbelanjaan 1988, Kementerian ini dapat melaksanakan rancangan untuk menambah lagi rumah-rumah angkatan tentera sebanyak 1,025 unit dengan anggaran perbelanjaan \$51.46 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim dan Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin menyentuhkan soal pencerobohan anggota angkatan tentera Singapura di negeri Johor. Isu pencerobohan ini juga telah saya jawab semasa pertanyaan jawab-mulut pada 30hb November, 1987 yang lalu. Oleh itu, saya tidak akan menyentuh perkara itu lagi di sini.

Mengenai saranan supaya Kerajaan mengkaji kekuatan dan kelemahan pertahanan negara serta mempertingkatkan latihan. Di sini suka saya nyatakan angkatan tentera kita mempunyai strategi ketenteraan tertentu untuk mempertahankan kepentingan strategi negara. Keupayaan angkatan tentera Malaysia telah dilancarkan



supaya kekuatannya memenuhi kehendak mempertahankan kepentingan negara. Peringkat keupayaan ini sentiasa dijalankan melalui latihan di antara ketiga-tiga perkhidmatan, iaitu perkhidmatan darat, laut dan udara. Latihan dalam kerjaya tentera adalah perkara yang mesti dan ianya perlu dijalankan bagi mengekalkan tahap kecekapan serta sebagai persiapan untuk perang 'conventional' dan menentang 'insurgency'.

Bagi membantu dasar luar negara untuk mewujudkan keamanan serantau, maka Malaysia telah mengadakan hubungan ketenteraan 'bilateral' dengan beberapa negara-negara ASEAN. Melalui hubungan bilateral ini kerjasama di bidang operasi dan latihan telah dapat dihasilkan. Dalam Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Thailand, beberapa siri latihan bersama dengan tentera Indonesia dan Thailand sentiasa diadakan, Di samping itu, latihan dengan negara-negara di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara, iaitu United Kingdom, Australia, New Zealand dan Singapore diadakan setiap tahun. Latihan-latihan ini bukanlah sahaja untuk meningkatkan kecekapan, tetapi juga untuk mempereratkan kerjasama di antara negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Senator Hajjah Azizah supaya angkatan tentera kita melengkapkan dengan peralatan dan persenjataan moden, di sini sukalah saya jelaskan lagi iaitu Kementerian memang mempunyai rancangan bagi melengkapkan angkatan tentera kita dengan segala peralatan moden tetapi disebabkan keadaan ekonomi sekarang rancangan ini terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun langkah-langkah serta usaha-usaha sentiasa dibuat untuk menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuhnya bagi meningkatkan keberkesanannya.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin meminta Kementerian Pertahanan mempertingkatkan lagi pertahanan ruang udara dan perairan Malaysia sebagai langkah untuk mengesan pencerobohan negara lain. Peranan utama TLDM (Tentera Laut Diraja Malaysia) adalah pertahanan maritim negara. Dalam memikul tanggungjawab ini TLDM dengan kerjasama TUDM sentiasa menjalankan pengawasan maritim, dengan izin, maritime surveillance dan rondaan di sekitar perairan negara termasuklah Zon Ekonomi Eksklusif. Di setiap wilayah laut, satu squadron kapal rondaan ditugaskan untuk menjalankan tugas-tugas pengawasan maritim.

Mengenai rondaan kawalan perikanan dan keselamatan pelantar-pelantar minyak, beberapa buah kapal ronda akan menjalankan rondaan pada satu masa selama 3-5 hari mengikut giliran. Selain daripada itu juga squadron suite juga diadakan dari masa ke semasa yang mengandungi kapal-kapal dari Panglima Armada di Lumut. Kegiatan-kegiatan ini diadakan berterusan demi untuk menjaminkankedaulatan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara,

Di samping itu kalawan-kawalan ketat sentiasa dibuat oleh Angkatan Tentera kita di tempat-tempat strategik yang mungkin terdedah kepada ancaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Lajim dan Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telah menimbulkan soal anggota-anggota tentera yang lari daripada tugas dan mengaitkan dengan peristiwa Prebet Adam. Sebab-sebab dan ulasan saya mengenai kejadian ini telahpun diterangkan dalam jawapan saya sebentar tadi ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah. Walau bagaimanapun, saya suka menyentuh sedikit di sini kes Prebet Adam. Mengikut statistik, kes Prebet Adam adalah satu-satunya kejadian berlaku dalam sejarah ketenteraan kita dan kes ini dianggap kes terpencil, dengan izin, isolated.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan serta ulasan saya terhadap beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Senator mengenai perkara-perkara yang berkaitn dengan Kementerian Pertahanan. Segala pandangan serta syor-syor yang membina itu akan dikaji dan diberi perhatian sekiranya sesuai demi untuk kebaikan Kementerian Pertahanan. Sekian, terima kasih.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**5.53 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (i), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 di hadapan Majlis ini diluluskan, dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Disetujui,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(i), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 di hadapan Majlis ini diluluskan, dan sebaik-baik sahaja selepas itu Majlis ini akan ditangguhkan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988**

**Perbahasan disambung semula.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita berbalik kepada Rang Undang-undang Perbekalan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjawab.

**5.54 ptg.**

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato Leo Moggie anak Irok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai urusan-urusan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1988,

Seruan-seruan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah di dalam perhatian Kementerian ini dan Kementerian akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya agensi-agensi di bawahnya dapat meningkatkan lagi mutu serta memberikan perkhidmatan yang lebih selesa. Walau bagaimanapun, saya cuma bercadang untuk menjawab sebahagian sahaja yang telah disentuhkannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Senator Hajjah Azizah binti Mohd. Said telah membangkitkan lagi masalah gangguan bekalan elektrik di Melaka dan kerugian yang telah dialami oleh pekilang-pekilang, pengusaha kecil dan industri pelancongan.

Kementerian memang sedar mengenai masalah ini dan seperti yang telah dijelaskan di Dewan ini di waktu soal-jawab pada 9hb Disember, 1987 langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dikenalpasti dan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah jangka panjang memerlukan perancangan, sumber kewangan dan gunatenaga yang mencukupi sebelum ianya dapat dilaksanakan.

Saya ingin meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan menerusi Lembaga Letrik Negara (LLN) memang sentiasa peka terhadap sungutan pengguna-pengguna kerana sejumlah besar hasil LLN adalah bergantung kepada jualan tenaga elektrik dan memang menjadi amalan LLN untuk memuaskan pengguna—penggunanya.

Mengenai pemerhatian Yang Berhormat Senator Dahalan bin Haji Etnbun, bahawa banyak tiang dan talian telefon yang terbengkalai di sepanjang laluan keretapi Kuala Lumpur-Ipoh, saya ingin memaklumkan bahawa tiang-tiang dan talian-talian telefon yang terbengkalai itu tidak lagi digunakan oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM). Walau

bagaimanapun, tiang-tiang dan talian-talian telefon itu tidak mendatangkan apa-apa bahaya kepada perjalanan keretapi, pihak STM akan dinasihatkan untuk merombakkan tiang-tiang tersebut.

Berhubung dengan aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Lau Kheng Siong mengenai kelewatan membaiki telefonnya yang rosak, sukacita juga saya dimaklumkan bahawa mengikut rekod, telefon di rumah Ahli Yang Berhormat sendiri telah dilaporkan rosak pada pukul 9.30 pagi 10hb November, 1987. Punca kerosakan adalah alat telefon rosak dan alat telefon ini telah ditukar pada pukul 1.30 petang pada hari yang sama iaitu dalam masa 4 jam.

Berikutnya satu lagi kerosakan telah dilaporkan pada pukul 7.10 minit malam pada 7hb Disember, 1987. Telepon ini telah diperbaiki pada pukul 12.15 tengahari 9hb Disember, 1987 iaitu dalam masa kira-kira 36 jam kemudian. Kerosakan berpunca dari kerosakan talian luar di kotak pembahagian, dengan izin, at the distribution point. Memang benar, terdapat sedikit kelambatan dan ini tidaklah disengajakan kerana memang ada kerosakan telefon lain dilaporkan pada masa yang berkenaan yang juga memerlukan tindakan untuk memperbaikinya.

Mengenai cadangan supaya STM mengumumkan segala kerosakan kepada pelanggan yang terlibat, sebenarnya ini memang menjadi amalan STM jika berlaku satu kerosakan kabel utama atau bangunan exchange yang melibatkan ramai pelanggan dan dijangka memakan masa yang lama untuk diperbaiki. Dalam keadaan serupa itu, STM membuat pengumuman melalui radio, akhbar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk STM mengetahui satu-satu kerosakan jika ianya berlaku kepada talian pelanggan secara Individu sehingga hanya dilaporkan oleh pelanggan itu sendiri.



Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan soal kelewatan pemasangan peti telefon pungut duit secara sewa yang baru di bangunan MCA Muar. Memang benar terdapat kelewatan dalam pemasangan peti telefon yang baru itu tetapi ini adalah di luar kawalan STM oleh kerana pemasangan peti telefon itu adalah dikendalikan oleh syarikat swasta yang lain. Syarikat berkenaan pada masa yang berkenaan tidak mempunyai alat yang mencukupi untuk memasang peti telefon itu.

Walau bagaimanapun, ia telah dipasang pada 10.11.87. iaitu 10 hari lewat dari tarikh ianya dijangka dapat dipasang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah penjelasan yang saya dapat beri atas perkara-perkara yang telah ditegurkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekiranya perkara-perkara yang disentuh tidak diberi jawapan, sukaiah saya memberi keterangan ianya juga akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian **ini**. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

**6.00 ptg.**

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkain terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator di atas pandangan dan cadangan mereka mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya juga mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas beberapa isu yang ditimbulkan oleh mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyentuh mengenai prestasi ahli-ahli sukan kita di Kejohanan Sukan SEA di Jakarta baru-baru ini.

Berhubung dengan prestasi ahli-ahli sukan di Kejohanan Sukan SEA di Jakarta bolehlah dianggapkan sebagai satu prestasi yang boleh dibanggakan. Pungutan sejumlah 144 pingat di kejohanan tersebut merupakan yang terbanyak yang pernah dicapai oleh negara kita dalam 14 kali penyertaan di Sukan SEA sejak tahun 1959 lagi.

Pencapaian 36 pingat emas adalah bilangan kadar terbanyak selepas tahun 1971 di mana pada tahun tersebut athlit kita berjaya memungut 41 pingat emas.

Persiapan Sukan SEA di Kuala Lumpur pada tahun 1989 akan dilaksanakan dengan lebih rapi. Perancangan telah dibuat dan dilaksanakan dengan secara berperingkat-peringkat. Sebuah Jawatankuasa Induk akan ditubuhkan pada awal tahun 1988 yang akan menyelia tugas-tugas Jawatankuasa Kecil serta kemajuan ahli-ahli sukan negara. Sebuah blue print, dengan izin, sedang digubal yang akan menggariskan strategi dan tindakan yang baru ke arah peningkatan prestasi ahli-ahli sukan negara.

Tindakan-tindakan sedang diambil untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 150 jawatan baru di Majlis Sukan Negara untuk membolehkan pegawai dan athlit: mengawasi serta menjalani latihan sepenuh masa. Persediaan ini juga banyak bergantung pada kerjasama dari Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Adalah menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk memperbaiki pencapaian kontinjen negara di Sukan SEA yang akan datang.

Berhubung dengan keahlian pertubuhan-pertubuhan belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang sama, Kementerian ini sememangnya memberi perhatian terhadap integrasi di kalangan ahli-ahli pertubuhan belia. Sebagai sebuah negara berbilang kaum maka adalah menjadi Dasar Kerajaan untuk menggalakkan belia-belia berbagai kaum untuk menjadi ahli-ahli pertubuhan belia serta menekankan aspek menanamkan semangat perpaduan,

Disebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti geografi, terdapat persatuan-persatuan belia yang hanya dianggotai oleh belia dari satu kaum sahaja. Dalam situasi seperti ini tidak hairanlah bagi persatuan-persatuan belia itu dipimpin oleh sesuatu kaum sahaja.

Walau bagaimanapun, memang sudah wujud banyak persatuan-persatuan belia yang dipimpin oleh berbagai kaum. Keadaan begini

terdapat dalam pertubuhan-pertubuhan seperti Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Pertubuhan St. John Malaysia, Persekutuan Pengakap Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Selain daripada itu, program-program Kementerian seperti Lawatan Sambil Belajar, Rancangan Pertukaran Belia, Kem Musim Cuti, Program Pengembaraan, Khemah-Kerja dan Bengkel Pemimpin Belia memang menggalakkan perpaduan dan interaksi belia-belia berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa sukacita dan menyambut baik komen-komen yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin di atas program Belia Berkeliaran di Kompleks Beli Belah Bandaraya yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sungguhpun fenomena penghijrahan belia-belia luar bandar ke bandar-bandar merupakan suatu perkara yang memang berlaku di kalangan belia di negara yang membangun, namun kita merasa cemas kerana masalah penyalahgunaan najis dadah turut berkembang bersama-sama mereka.

Sebagai satu langkah pencegahan dan memandu arah belia-belia yang berpeleseran di kompleks membeli-belah di sekitar Kuala Lumpur, Kementerian ini telah membuka Pusat Penerangan untuk belia-belia ini di Kompleks Daya Bumi dan Sungai Wang Plaza yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang boleh dijadikan garis panduan bagi merancang kegiatan-kegiatan yang berfaedah.

Di bawah program ini, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti Seni Lukis, Rekreasi, Teater, Seni Silat, Seni Tari, Fotografi, Muzik, Khemah-kerja dan Pengembaraan Bermotor. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan ini bukanlah semata-mata mengisi masa lapang belia tetapi mempunyai

pengertian di sebaliknya. Melalui kegiatan tersebut- Kementerian berharap dapat memupuk semangat kenegaraan, kesedaran sivik, nilai-nilai murni dan mencintai alam semula jadi di samping menyerapkan mereka menjadi anggota-anggota pertubuhan yang berdaftar dan sah dari segi perundangan negara.

Kementerian berharap dan berhasrat untuk meluaskan program ini ke seluruh negara. Oleh itu, saya merasa sukacita kiranya Yang Berhormat Yang Berhormat dapat tampil kehadapan untuk membantu Kementerian Belia dan Sukan apabila program seumpama ini dilaksanakan di negeri-negeri lain.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom dan Yang Berhormat Senator Puan Habidah binti Jusoh menyentuh mengenai projek-projek ekonomi yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Rancangan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kementerian ini ialah Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang. Kementerian telah mengwujudkan rancangan-rancangan tersebut dengan tujuan untuk meninggikan taraf hidup serta mengurangkan bilangan pengangguran di kalangan belia di negara ini. Program-program ini juga bertujuan menanamkan semangat berdikari serta dapat meninibulkan kesedaran untuk berusaha sendiri di kalangan belia.

Rancangan Belai Berniaga diwujudkan untuk melahirkan usahawan-usahawan yang gigih dan berjaya bukan sekadar sementara sebelum mereka mendapat pekerjaan tetap.

Sejak tahun 1976, Kementerian ini telah dapat mewujudkan sebanyak 2,718 projek Belia Peladang dengan melibatkan seramai 10,905 orang peserta, sementara di bawah Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Peniaga Kecil sebanyak 2,545 projek dan melibatkan

seramai 2,680 peserta. Sebahagian besar projek-projek tersebut masih berjalan dan mencapai berbagai tahap kejayaan,

Sejak diwujudkan rancangan-rancangan tersebut, Kementerian ini telah mengeluarkan pinjaman sejumlah \$25.5 juta. Segala pinjaman yang disalurkan adalah diawasi supaya wang yang dipinjamkan itu digunakan untuk menjalankan projek-projek yang diluluskan.

Setakat ini Kementerian telah dapat mengumpui balik sebanyak \$2.09 juta. Kutipan itu berada di akaun simpanan Persatuan Usahawan Baru Malaysia. Wang ini akan dipindahkan ke Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah ditubuhkan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat baru-baru ini. Jumlah pinjaman yang akan diberi kepada setiap projek melalui Tabung Amanah ini ialah seperti berikut:-

- (a) Rancangan Peniaga Kecil - tidak melebihi  
\$5,000.00
- (b) Rancangan Belia Berniaga - tidak melebihi  
\$30,000.00
- (c) Rancangan Belia Peladang - tidak melebihi  
\$30,000.00

Pinjaman ini adalah sebagai modal asas bagi memulakan perniagaan atau perusahaan. Peserta-peserta yang bercadang untuk membesarkan perniagaannya adalah digalakkan mendapat pinjaman melalui Agensi-agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang ada kemudahan untuk tujuan itu.

Untuk memastikan kejayaan Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang, Kementerian telah menggunakan konsep pendekatan bersepadu iaitu menyediakan kemudahan latihan kemahiran teknik, kursus motivasi perniagaan, kursus pengurusan perniagaan, pinjaman modal dan khidmat bimbingan dan susulan. Kementerian ini juga memperolehi perkhidmatan pakar-pakar dari luar negeri seperti Sukarelawan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memberi khidmat nasihat. Dengan adanya Tabung Kumulanwang Amanah ini, saya yakin lebih ramai belia yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan pertanian akan bertambah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Senator Habidah binti Yusoh mengenai belia-belia lepasan Pusat-pusat Latihan Belia di bawah Kementerian ini, adalah menjadi matlamat utama Kementerian ini menyediakan belia-belia tersebut dengan kemahiran vokasional di dalam jurusan-jurusan yang tertentu bagi tujuan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan sama ada dengan pihak Kerajaan, swasta atau bekerja sendiri. Mengenai pilihan pekerjaan, ini adalah terserah kepada mereka sendiri membuat pilihan mengikut kelayakan dan keupayaan masing-masing. Jelasnya Kementerian ini tidak menghalang belia-belia kita dari menjawat jawatan di dalam Perkhidmatan Awara ataupun berkhidmat dengan pihak swasta. Sungguhpun begitu, sebelum belia-belia tersebut menamatkan latihan, mereka diberi penerangan dan kursus yang bercorak bimbingan kerjaya bagi membolehkan mereka menghadapi masa hadapan dengan lebih sempurna dan sejahtera.

Di antara panduan dan juga maklumat yang diberikan termasuklah peluang-peluang untuk memperolehi pekerjaan serta peluang-peluang berbentuk perniagaan dan perusahaan yang boleh membawa mereka berdikari sendiri. Kursus ini juga memasukkan unsur-unsur berbentuk motivasi dan dorongan bagi menggalakkan belia-belia yang tidak berpeluang bekerja mendapat pekerjaan dengan menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan pertanian.

Berhubung dengan penubuhan Pusat Latihan Belia Wakaf Tapai yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, Kerajaan Persekutuan telahpun meluluskan projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, oleh kerana kelembapan ekonomi negara sekarang, maka projek tersebut terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya. Pihak Kementerian memang menghargai kerjasama yang erat daripada Kerajaan Negeri Terengganu yang telahpun memperuntukkan satu kawasan di Wakaf Tapai, Kuala Terengganu bagi mendirikan Pusat Latihan Belia. Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan semula peruntukan yang diperlukan bagi memulakan pembinaannya.

Sungguhpun demikian, Kementerian dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri memang melatih belia-belia dengan memberi keutamaan kepada belia-belia dari Negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan untuk mengikuti latihan kemahiran di Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator yang sama juga telah menyentuh mengenai kemudahan sukan seperti mini stadium dan padang permainan di bandar-bandar kecil. Proses pembinaan kemudahan sukan tersebut telah dilaksanakan semenjak tahun 1979. Dalam



Rancangan Malaysia Kelima, pembangunan kemudahan sukan di bandar-bandar kecil dirancang untuk diteruskan tetapi terpaksa dibekukan kerana keadaan ekonomi. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima satu peruntukan khas dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada awal tahun ini untuk melaksanakan tambahan kepada kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar.

Dalam pelaksanaan program tersebut, kajian yang terperinci sememangnya dibuat oleh Kementerian ini untuk menentukan matlamat bagi memenuhi hasrat Kerajaan terhadap rakyat luar bandar yang memerlukan kemudahan-kemudahan sukan itu dapat dicapai. Persetujuan telah dicapai dengan Kerajaan-kerajaan tempatan bagi penyelenggaraan supaya kemudahan-kemudahan itu berada dalam keadaan baik dan matlamat untuk mengadakan kemudahan-kemudahan sukan dapat dicapai.

Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas cadangan, pandangan, teguran dan sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**6.15 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**[Tuan M.G. Pandithan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan serta pandangan mengenai beberapa perkara yang menyentuh Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King telah mencadangkan supaya satu kajian penuh dibuat untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pelaburan kerana faktor-faktor sokongan seperti tenaga buruh dan bahan-bahan mentah yang banyak. Beliau tidak nampak sebab mengapa prestasi industri negara harus lembab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai satu pusat pelaburan yang menarik dan menguntungkan. Oleh kerana persaingan yang begitu hebat daripada negara-negara lain untuk menarik pelaburan asing, berbagai insentif dan kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan untuk para pelabur. Kerajaan juga telahpun menggubal pelan induk perindustrian yang kini sedang dilaksanakan. Pelan ini yang dijadikan sebagai asas dasar perindustrian negara adalah merupakan sebuah rolling plan yang akan dikaji semula dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, program-program dan dasar yang telahpun dibuat akan terus dikaji memandangkan kepada faktor-faktor seperti keadaan kemelesetan ekonomi negara dan dunia sekarang ini. Tindakan ini yang mana akan mengambil secara berterusan akan dibuat dalam 1988 ini.

Berhubung dengan 12 sektor perindustrian yang telah dikenalpasti dalam pelan tersebut, Pasukan-pasukan Petugas berkaitan yang ditubuhkan akan sentiasa mengkaji dan membuat penilaian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King dan Yang Berhormat Habidah binti Yusuh juga telah menegur supaya Kerajaan telah membezakan di antara pengusaha-pengusaha asing dan tempatan memandangkan kepada kebanyakannya kemudahan yang disediakan untuk pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberikan layanan yang sama kepada pelabur tempatan dan pelabur asing insentif-insentif dan kemudahan yang berbagai-bagai telah disediakan oleh Kerajaan serta galakan-galakan cukai dan kemudahan infrastruktur telah ditawarkan kepada semua pelabur asing dan tempatan. Kerajaan telah juga mengambil berbagai langkah untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha.

Yang Berhormat Senator Abu Bakar bin Lajim pula telah menyarankan supaya dibuat kajian perbandingan mengenai pertumbuhan ekonomi negara dengan negara-negara jiran.

Dalam konteks ini, pihak Kerajaan telah berulang kali menekankan perlunya untuk memperbaiki dan memperkuat dasar perindustrian dan perancangan di Malaysia. Sungguhpun tidak terdapat kajian perbandingan secara menyeluruh mengenai pertumbuhan ekonomi Malaysia dibandingkan dengan negara-negara jiran, Malaysia sentiasa mempunyai hubungan rapat mengenai pembangunan ekonomi negara-negara jirannya melalui kerjasama ekonomi dan perdagangan ASEAN. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tertentu telahpun dibuat mengenai bidang persaingan bayaran upahan. Galakan pelaburan kadar-kadar elektrik dan air untuk mengetahui kedudukan Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim dan Yang Berhormat Hassan bin Nam telah mempersoalkan sejauh mana kemajuan dan pertumbuhan industri telah tercapai semenjak Pelan Induk Perindustrian dilancarkan pada tahun 1986. Semenjak pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian 1986, sebuah pelan tindakan yang menyeluruh telahpun disediakan dengan objektif melaksanakan syor-syor yang dibuat dalam PIP tersebut . Sebanyak 13 Pasukan Petugas telahpun ditubuhkan selaras dengan sektor industri yang dikenalpasti dalam pelan tersebut untuk mengawasi kemajuannya. Harulah dinyatakan bahawa terlalu awal untuk mengetahui kemajuan PIP tersebut oleh kerana ianya merupakan sebuah pelan jangka masa panjang, rolling plan. Selaras dengan syor-syor yang telah dibuat, langkah-langkah positif telahpun diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki suasana pelaburan. Tumpuan PIP diberikan kepada

pembangunan sektor-sektor utama yang merangkumi enam sektor industri yang berasaskan sumber asli dan tujuh sektor yang berasaskan bukan sumber asli. PIP juga telah menyarankan tentang ke arah tujuan pembangunan keluaran-keluaran industri tertentu dalam 13 sektor-sektor tersebut dengan mencadangkan strategi serta program yang patut dilaksanakan oleh Kerajaan ke arah memajukan sektor-sektor yang dinyatakan itu. Dalam hal ini PIP telah mengenalpasti keluaran-keluaran industri yang wajar dimaju dan dibangunkan keluaran-keluaran industri yang berpotensi untuk dimajukan bagi pasaran eksport serta keluaran-keluaran industri yang perlu disusun semula kerana tidak kompetitif untuk bersaing di pasaran.

Sektor industri elektrik dan elektronik merupakan sektor yang paling berkesan dalam senarai 16 sektor industri-industri di Malaysia bukan sahaja dari segi bilangan projek-projek yang diluluskan dan peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan, bahkan juga dalam jumlah cadangan modal pelaburan dari Januari hingga Oktober, 1987.

Dalam tempoh tersebut, sejumlah 47 projek-projek telah diluluskan dengan cadangan modal pelaburan sebanyak \$533.4 juta atau 20.5% daripada jumlah cadangan modal pelaburan bagi keseluruhan sektor perkilangan. Ini diikuti oleh industri logam asas dan perkilangan makanan dengan cadangan modal pelaburan masing-masing berjumlah \$480 juta dan \$360 juta.

Dalam tempoh tersebut, negara Jepun merupakan negara asing yang terbesar melabur dalam sektor industri elektrik dan elektronik. Cadangan modal pelaburan Jepun dalam sektor ini berjumlah \$94.4 juta atau 18.1% daripada jumlah cadangan modal pelaburan sektor tersebut. Pelabur-pelabur asing yang kedua dan ketiga terbesar adalah rakyat Amerika dan Singapura. Jumlah cadangan pelaburan mereka dalam sektor ini masing-masing adalah \$26.7 juta dan \$17.2 juta.

Sektor industri elektrik dan elektronik juga dijangka akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan sebanyak 15,789. Ini merupakan 38% daripada jumlah peluang-peluang pekerjaan yang akan diwujudkan oleh keseluruhan projek-projek sektor perkilangan yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Oktober 1987.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abu Bakar Lajim juga telah mencadangkan supaya diwujudkan Pelan Induk Perindustrian Kecil dan Sederhana untuk membantu industri-industri besar.

Kerajaan memang sedar atas pentingnya sumbangan industri-industri kecil dan sederhana dalam membantu perkembangan perindustrian negara. Pelan Induk Perindustrian juga telah menyarankan tentang sumbangan serta strategi dan program bagi kumpulan industri ini demi untuk pembangunan perindustrian keseluruhannya. Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah bagi membantu peningkatan pertumbuhan industri kecil dan sederhana. Rangka strategi dan program

pembangunan kumpulan industri ini sedang digubal oleh Kerajaan. Memandangkan bahawa perkara ini sedang di dalam tindakan Kerajaan, maka cadangan untuk menubuhkan Pelan Induk Perindustrian Kecil dan Sederhana tidaklah berbangkit pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak telah mencadangkan supaya negara-negara ASEAN bekerjasama untuk menarik pelaburan dari luar negeri dan tidak bersaing di antara satu sama lain. Dalam hal ini ASEAN amat sedar atas keperluan untuk bekerjasama bagi meningkatkan pelaburan dari dalam dan luar negeri. Bagi maksud ini, Projek Usahasama Perindustrian ASEAN atau ASEAN Industrial Joint Venture (ATJV) yang menjadi salah satu jentera untuk meningkatkan kerjasama di bidang industri.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**6.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin untuk memberi sedikit penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan di sepanjang perbahasan di atas Belanjawan di Dewan yang mulia **ini**.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam telah membangkitkan soal penglibatan Orang-orang Asli dalam pembangunan tanah, perpindahan perkampungan-perkampungan Orang-orang Asli dan masalah kelewatan untuk mewartakan kawasan-kawasan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa agensi yang khusus menjalankan tugas pembangunan tanah untuk masyarakat Orang Asli ialah FELCRA di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar. Kementerian ini juga tiada peruntukan khas bagi melaksanakan program-program berkenaan di mana tanggungjawab khusus untuk meninggikan taraf hidup ekonomi dan sosial masyarakat Orang-orang Asli ialah terletak kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah Kementerian Dalam Negeri. Namun demikian, agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah seperti FELDA, RISDA dan Lembaga Kemajuan Wilayah seperti DARA juga senantiasa melibatkan masyarakat Orang Asli sebagai peserta rancangan program-program tersebut.

Saya suka menyatakan iaitu di dalam proses pelaksanaan program yang melibatkan pemindahan penduduk-penduduk Orang Asli, mereka hanya dipindahkan ke tempat-tempat lain setelah terlebih dahulu mendapat persetujuan atau bayaran pampasan tertentu. Di samping itu juga jika terdapat mana-mana pemaju tanah yang akan melibatkan penempatan Orang-orang Asli, maka bayaran pampasan akan diberi juga kepada mereka yang terlibat.

Sebagai contoh, di DARA sejak tahun 1979 lagi persetujuan telah dicapai di antara DARA dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli serta Kerajaan Negeri untuk rancangan menempatkan semula penduduk-penduduk di perkampungan Orang-orang Asli. Suka saya jelaskan iaitu kini terdapat 92 buah perkampungan Orang-orang Asli di dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara iaitu DARA. Jumlah penduduk Orang Asli di perkampungan-perkampungan itu ialah seramai 9,809 orang ataupun 2,123 buah keluarga. Perkampungan yang berselerak ini akan ditempatkan semula di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti di bawah Rancangan Penempatan Orang Asli di mana peserta-peserta akan disediakan dengan rumah kediaman, dusun dan kawasan pertanian di samping pusat-pusat penempatan.

Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan asas juga disediakan oleh Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Kesihatan, Pendidikan dan sebagainya manakala dari segi perancangan dan pelaksanaannya diuruskan melalui satu Jawatankuasa Penyelarasan yang mana dianggotai oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, DARA, Pejabat Daerah dan lain-lain Jabatan yang berkaitan dengannya.

Kawasan-kawasan baru ini telah dikenalpasti oleh DARA dengan kerjasama Jabatan Orang Asli.

Dari segi pelaksanaannya, sebanyak 9 buah Rancangan Penempatan Semula telah dikenalpasti dan dirancangan untuk dibangunkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, 3 kawasan akan dimajukan. Kawasan-kawasan itu ialah:

- (1) Rancangan Penempatan Semula Kedaik;
- (2) Rancangan Penempatan Semula di Runchang; dan
- (3) Rancangan Penempatan Semula Bukit Serok.

Daripada 9 buah rancangan yang telah dikenalpasti itu, 2 daripadanya telahpun diwartakan iaitu di. Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kedaik bagi kawasan seluas 1,746 hektar dan Rancangan Penempatan Semula Bukit Serok bagi kawasan seluas 663 hektar. Tujuh kawasan lain telahpun ditanda di atas pelan perancangan,

Bagi tujuan pengwartaan, DARA perlu mengikut; beberapa peraturan pentadbiran yang telah ditetapkan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan dan proses ini biasanya memakan masa tidak kurang daripada 6 bulan, dan kawasan-kawasan yang di dalam permohonan untuk tujuan pengwartaan ini ialah Rancangan Penempatan Semula Runchang yang seluas 1,100 hektar; Post Iskandar 607.28 hektar, Bukit Rok seluas 971.65 hektar, Batu 8 Jalan Pontian seluas 680.16 hektar, RPS Bukit Nipis seluas 1,214.57 hektar, Bukit Gong seluas 1,619.47 hektar dan Kampung Simpai seluas 1,214.57 hektar.



Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan iaitu masalah-masalah yang terdapat di dalam proses peng wartaan kawasan-kawasan ini, termasuklah antaranya kawasan-kawasan yang terlibat didapati masih mempunyai hasil seperti kayu balak dan lombong bijih. Oleh itu, sebelum permohonan untuk tujuan peng wartaan diluluskan, kawasan-kawasan berkenaan perlulah mendapatkan pembebasan hutan dan galian daripada pihak berkuasa negeri melalui Jabatan Hutan dan Merinyu Galian Negeri.

Kedua, proses pembebasan hutan memakan masa antara 8 hingga 12 bulan. Proses untuk mendapatkan pembebasan galian pula memakan masa di antara 12 hingga 24 bulan, bergantung kepada tempoh pajakan yang diberi oleh pihak berkuasa negeri kepada pemegang pajakan. Jadi, inilah di antara perkara-perkara pokok yang menyebabkan kelewatan sedikit di dalam proses untuk mewartakan kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seaator Abdul Hamid Araby telah membangkitkan mengenai soal pembangunan kawasan-kawasan kampung tradisi di PERDA. Suka saya jelaskan iaitu PERDA sememangnya berhasrat daa telahpun mengenalpasti kawasan-kawasan untuk mewujudkan kampung-kampung tradisi yang mempunyai identitinya yang tersendiri di dalam kawasan pengendaliannya di PERDA. Namun demikian, saya suka jelaskan kuasa meluluskan pelan-pelan pembangunan adalah terletak di Majlis Bandaran Pulau Pinang. PERDA hauya boleh meminta kerjasama daripada Majlis Bandaran tersebut mengenai perancangan yang dibuat di kawasau PERDA.

Saya mengalu-alukan padangan untuk membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kita harap ianya dapat diatasi dengan seberapa cepat yang boleh. Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan agar peruntukan PERDA ditambah lagi. Walau bagaim-

manapun, peruntukan yang dicadangkan bagi tahun hadapan adalah dianggarkan mencukupi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan memandangkan kepada keadaan kewangan negara sekarang. Walaupun begitu, Kementerian ini sentiasa berusaha bagi mendapatkan peruntukan yang munasabah untuk tujuan melaksanakan lebih banyak lagi projek-projek pembangunan dari satu masa ke satu masa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pertanian.

### **6.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan pandangan-pandangan dan teguran ke atas Kementerian Pertanian semasa perbahasan Belanjawan tempoh hari. Saya tidak bertujuai, untuk mengulas satu persatu semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom. Beliau telah membangkitkan mengenai mengapa kita masih mendapatkan air batu dari negara jiran dan mengapa kilang air batu tidak didirikan di sini. Ingin saya jelaskan bahawa amalan mendapatkan bekalan air batu daripada negeri jiran hanya berlaku di negeri Perlis dan Kelantan sahaja. Pada lazimnya ianya berlaku pada masa tertentu sahaja bagi bot-bot yang beroperasi di kawasan sempadan, iaitu di Kuala Perlis dan Geting. Pada keseluruhannya bekalan air batu adalah mencukupi kecuali pada musim-musim atau 'peak season' iaitu musim tangkapan yang baik yang hanya berlaku beberapa hari sahaja di dalam tempoh 2 atau 3 bulan. Bilangan mereka yang mengambil air batu daripada negara jiran adalah rendah.

Kerajaan telahpun mengambil tindakan menubuhkan kilang air batu melalui LKIM iaitu sebuah di Geting dengan kapasiti pengeluaran 10 tan metrik sehari dan sebuah di Kuala Perlis dengan kapasiti pengeluaran 50 tan metrik sehari.

Selain daripada kilang-kilang yang dibina oleh LKIM, pihak swasta juga digalakkan menubuhkan kilang-kilang di kawasan yang mana terdapat keperluan air batu selaras dengan perkembangan industri perikanan di negara ini.

Berhubung dengan saranan beliau supaya tanaman-tanaman jagung dan padi diperluaskan dengan menggunakan tanah terbiar, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian menggalakkan tanaman-tanaman kontan untuk diusahakan di kawasan tanah terbiar. Penanaman jagung di kawasan tanah terbiar sedang dikaji untuk menentukan daya maju kewangan pengeluarannya. Pengeluaran padi akan ditumpukan kepada 8 kawasan jelapang padi yang sedia ada dan tanah terbiar di kawasan-kawasan tersebut akan diusahakan dengan padi.

Tuan Yang di-Pertua, soal teknologi serta ketidak upaya pekebun-pekebun kecil untuk memiliki tanah yang luas tidak merupakan penghalang-penghalang utama dalam usaha memajukan sektor pertanian seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim. Ini adalah kerana MARDI telah dan sedang giat membuat penyelidikan-penyelidikan di mana didapati sesuai akan memanjangkan hasil penyelidikan tersebut kepada orang ramai yang berminat dan memerlukannya. Di antara usaha perkembangan dijalankan ialah projek 2L oleh Jabatan Pertanian dan projek mengambil anak angkat, usahawan oleh MARDI. Berhubung dengan tanah pekebun-pekebun kecil oleh menyertai program-program mini estet dan projek-projek bersepadu

serta menyewa tanah bagi mengatasi masalah tersebut.

Berhubung dengan subsidi seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, subsidi yang diberikan kepada sektor pertanian adalah minima, kecuali untuk menanam padi dan untuk makluman Yang Berhormat juga skim pinjaman khas pertanian merupakan satu lagi sumber kredit kepada petani yang mana kadar faedah 4% sahaja dan ia bertujuan membantu petani-petani untuk melabur dalam aktiviti-aktiviti pertanian serta meningkatkan produktiviti. Mengenai kegiatan Pertubuhan Peladang Kawasan atau PPK, adalah dimaklumkan kesemua kegiatan PPK. adalah berteraskan kepada memberikan perkhidmatan kepada peladang-peladang. Harga bahan-bahan keperluan ladang untuk dijual kepada peladang-peladang dan harga hasil-hasil pertanian yang dibeli daripada peladang-peladang adalah istimewa bagi tujuan mengadakan langganan.

Penerangan-penerangan bagi tujuan menggalakkan peladang-peladang menggunakan kemudahan yang disediakan oleh PPK adalah dihebah-hebahkan. Peranan menggalakkan peladang-peladang ini telah diagih-agihkan secara satu bentuk rangkaian pemimpin-pemimpin peladang dan peladang jaya. Sebagai insentif kepada peladang-peladang yang menjadi ahli untuk melebihi langganan dengan PPK, PPK ada memberi bonus atau rebate atas langganan yang diperuntukkan daripada pembahagian keuntungan. Langkah-langkah lain dijalankan pada masa ini ialah memberi penerangan dalam kempen-kempen menamabah ahli.

Berkaitan dengan masalah Pasar tani seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang, di maklumkan bahawa memastikan sistem pengurusan perniagaan yang lebih teratur, pengurusan Pasar Tani juga mempunyai sistem pengurusan perniagaan yang

lebih kurang sama dengan perniagaan-perniagaan yang lain. Setiap orang yang akan menyertai perniagaan di Pasar Tani adalah perlu terlebih dahulu mendaftar dan mendapatkan kelulusan dari Ahli Jawatankuasa Pasar Tani. Latarbelakang bagi setiap peserta akan dikaji terlebih dahulu bagi memastikan mereka terdiri daripada golongan yang layak menyertai Pasar Tani. Kakitangan FAMA bertanggungjawab, Urusetia Pasar Tani perlu bertindak tegas mengikut peraturan bagi memastikan imej dan identiti Pasar Tani dapat dikekalkan. Pihak Kementerian memang menggalakkan anak-anak muda kampung berniaga di Pasar Tani dan mereka perlulah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pasar Tani.

Mengenai barang-barang yang dijual di Pasar Tani memang terdapat sedikit sebanyak barang-barang keperluan dapur dan harian bagi melengkapkan keperluan pengguna. Barang-barang ini biasanya tidak dapat dikeluarkan di dalam negeri, tetapi amat diperlukan oleh para pengguna yang mengunjungi Pasar Tani. Barang-barang tersebut adalah seperti ikan bilis, bawang, ubi kentang, cili kering dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak Urusetia akan memastikan bahawa jualan hasil-hasil ini dihadkan mengikut quota, tidak lebih daripada 10%.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai masalah kecurian ikan oleh nelayan-nelayan asing seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Habibah binti Jusoh. Jumlah 1,000 metrik tan ikan adalah hanya sebagai anggaran sahaja. Untuk mengurangkan masalah kecurian ikan oleh nelayan-nelayan asing ini, Kerajaan telah dan sedang meningkatkan kegiatan penguatkuasaan

di perairan Zon Ekonomi Eksklusif atau ZEE Malaysia melalui Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim atau PPM, yang dianggotai oleh TLDM, TUDM, Polis Marin dan Jabatan Perikanan. Di samping itu dengan adanya vesel-vesel tempatan menangkap ikan di perairan itu, kegiatan ini akan dapat menggalakkan vesel-vesel perikanan daripada negara asing dari mencerobohi perairan tersebut. Dengan adanya projek kerjasama perikanan laut dalam adalah diharapkan akan dapat mengurangkan atau mengelakkan kapal-kapal menangkap ikan daripada negara asing dari mencerobohi perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Dengan ini kecurian ikan oleh mereka daripada perairan berkenaan dapat dikurangkan.

Mengenai latihan kepada nelayan-nelayan dan belia, saya suka maklumkan bahawa ketika ini latihan-latihan untuk nelayan-nelayan dan belia-belia yang ingin bekerja di laut dalam sedang diadakan di Institut Perikanan Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang.

Latihan ini diadakan untuk menyediakan pekerja-pekerja yang berkemahiran, berdisiplin, bersemangat dan rela berkhidmat di dalam bidang perikanan laut dalam. Mengenai syor Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam supaya cukai 5% yang dikenakan ke atas buah-buahan dikaji semula kerana ianya membebankan golongan rendah, adalah dimaklumkan bahawa cukai 5% itu hanya dikenakan ke atas buah-buahan yang diimport, ia tidak membebankan golongan rendah kerana ianya merupakan peratusan yang kecil, perbelanjaan rumahtangga serta ia lebih tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang supaya ditubuhkan suatu bentuk insurans supaya kehidupan keluarga nelayan dapat dibantu, sukacita dimaklutkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian iaitu semua tuan-tuan punya bot dikehendaki mengambil insurans untuk melindungi bot serta peralatannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan di negara ini.

Saya harap bahawa saya telah dapat memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun tidak kepada semua perkara yang telah dibangkitkan. Namun demikian, perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**6.42 ptg.**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Ruet Tze]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim di atas sokongan beliau terhadap usaha Kerajaan di dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan atau R&D di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat telah menyentuh seperkara, **dua**, berhubung dengan R&D semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan ini dan saya ingin memberi sedikit penjelasan kepada tegurannya. Berasaskan kesedaran mengenai pentingnya peranan sains dan teknologi kepada pembangunan negara maka Kerajaan menubuhkan satu badan yang dinamakan Majlis Pendidikan dan Kemajuan Sains Negara atau MPKSN untuk menyelaraskan semua bidang penyelidikan sains dan teknologi.

Tujuan utama MPKSN ialah untuk menyelaraskan dan menyatukan aktiviti R&D supaya ianya selaras dengan keperluan dan matlamat pembangunan negara. Fungsi asas MPKSN ialah sebagai penasihat kepada Kerajaan mengenai semua perkara berhubung dengan R&D di dalam bidang sains dan teknologi. MPKSN bukanlah sebuah agensi pelaksanaan oleh kerana tugas asasnya ialah bercorak memberi nasihat. Dalam hubungan itu beberapa Jawatankuasa ditubuhkan di bawah MPKSN yang mengkaji semua aktiviti dan program R&D dan seterusnya memberi nasihat dan syor untuk dilaksanakan oleh institusi-institusi pendidikan di negara ini.

Namun demikian, MPKSN juga memainkan peranan dalam menggalakkan pendidikan dengan adanya suatu Tabung Amanah Pendidikan dan Kemajuan Sains Negara. Tabung ini telah diberi geran pelancaran sebanyak



\$1 juta daripada Kerajaan dan juga menerima derma daripada pihak swasta. Semenjak tahun 1982 lebih kurang \$800,000 telah diagihkan untuk aktiviti sains dan teknologi di mana kebanyakannya merupakan geran pendidikan dan fellowship dan juga untuk mengelolakan pameran sains, kem-kem komputer, seminar dan persidangan berbentuk saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang dahulu kegiatan R & D tidaklah diselaraskan dengan teratur di mana tiap-tiap agensi Kerajaan dan universiti mempunyai keutamaan pendidikan tersendiri, usaha-usaha sudah diambil untuk menyelaraskan kegiatan tersebut, Mulai dari tahun hadapan penyelarasan ini akan menjadi lebih kukuh dengan MPKSN memainkan peranan baru di bawah mekanisma IRPA, dengan izin, Intensification of Research in Priority Areas Mechanism.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mana sebanyak \$400 juta telah diperuntukkan tetapi ianya belum diagihkan kepada Kementerian. Namun demikian, usaha telah dijalankan untuk mengagihkan peruntukan bagi tahun 1988 dan kajian teliti dibuat oleh beberapa panel IRPA untuk sektor industri, pertanian, perubatan dan strategi. Penelitian ini diselaraskan oleh sebuah Jawatankuasa Penyelaras yang dipengerusikan oleh Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh ketua-ketua jabatan Kerajaan, ketua-ketua institusi R & D dan wakil-wakil dari universiti-universiti tempatan. Anggota-anggota Jawatankuasa Penyelaras ini adalah terdiri daripada mereka yang sedar dan keperluan negara di dalam bidang sains dan teknologi. Dalam pada itu bagi tahun 1988 sebanyak \$95.25 juta telah pun diluluskan oleh pihak Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kegiatan

R & D di 31 buah agensi Kerajaan, institusi R & D dan universiti tempatan. Peruntukan \$95.25 juta ini ialah dari \$400 juta yang disediakan oleh R&D.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang giat berusaha untuk menubuhkan Pusat Maklumat Saintifik dan Teknologi Malaysia atau Malaysian Scientific and Technological Information Centre, ringkasnya MASTIC unfor mengadakan sistem maklumat bagi mengawasi dan menyelaraskan aktiviti R&D.

Pusat ini akan membolehkan Kementerian untuk berhubung dengan agensi-agensi lain di dalam negara melalui satu sistem rangkaian atau network. MASTIC juga boleh digunakan untuk menghubungi agensi-agensi luar negeri bagi mendapatkan maklumat-maklumat baru di dalam bidang sains dan teknologi. Kajian kemungkinan bagi menubuhkan MASTIC di bawah Kementerian akan dijalankan oleh pihak Bank Pembangunan Asia atau Asian Development Bank pada awal tahun hadapan. Pelaksanaan projek MASTIC ini selepas kajian kemungkinan perlu disediakan dengan peruntukan Kerajaan.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim juga menyentuh soal penubuhan Taman Teknologi atau Technology Park. Jawapan yang menyeluruh kepada pertanyaan mulut daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Technology Park telah pun saya berikan pada 3hb Disember ini. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa Technology Park ini tidak akan bertapak di Serdang tetapi akan diusahakan di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu diingatkan bahawa segala usaha dan peruntukan daripada Kerajaan dan juga pihak swasta di dalam R & D merupakan suatu pelaburan jangka masa panjang. Oleh yang demikian, hasilnya tidaklah boleh dilihat dengan serta merta tetapi akan mengambil masa yang tertentu supaya kita dapat menikmati kemajuan yang datang dari penyelidikan sains dan teknologi ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pendidikan.

**6.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan teguran yang sangat-sangat membina terhadap dasar dan aktiviti di bawah Kementerian Pendidikan.

Di sini saya hendak minta maaf dari Ahli-ahli Yang Berhormat kalau saya tidak dapat memberi jawapan yang sangat jelas terhadap soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebab itu saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak akan merasa kecil hati dan sekiranya dalam jawapan atau ucapan saya nanti saya tidak memberi penjelasan yang sangat jelas, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat kalau hendak, boleh berhubung dengan saya atau Kementerian Pendidikan dan saya akan usahakan memberi satu jawapan yang jelas secara bertulis. Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah berasa kecil hati pula sebab dalam jawapan saya sekiranya saya tidak menyentuh nama Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kempen 'Cintai Bahasa Malaysia', maksud Kerajaan untuk mengadakan satu aktiviti bernama 'Gerakan Cintai Bahasa Kita' ialah bertujuan untuk menggalakkan semua rakyat, pegawai-pegawai Kerajaan ataupun orang awam mengambil babagian untuk meningkat dan meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia kita baik atas urusan rasmi ataupun bukan rasmi. Gerakan ini akan diadakan setiap tahun mulai tahun ini.

Untuk makluman Ahli-ahli. Yang Berhormat, esok 11.12.87 pada pukul 9.00 pagi satu upacara untuk merasmikan 'Gerakan Cintai Bahasa

Kita akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Hotel Shangri-la, Kuala Lumpur dan saya mempersilakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyertai upacara itu - minuman dan makanan akan dihidangkan, **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, 'Gerakan Cintai Bahasa Kita' yang akan bermula pada hari esok itu, upacaranya dihiyayi oleh sebuah bank. Maksud kita mengadakan upacara itu di sebuah hotel adalah kerana kita hendak menggalakkan lebih ramai orang awam supaya mengambil bahagian. Kita telahpun mendapat sebuah bank untuk menjadi sponsor atau membiayai upacara perasmian itu dan ini ialah kerana hendak menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peccemaran Bahasa Malaysia, itu adalah tanggungjawab pengguna sendiri untuk Tnengatasi-nya tetapi di dalam bidang murid-murid yang di dalam kawalan Kementerian Pendidikan, kita akan menentukan bahawa semua murid yang belajar akan menggunakan bahasa dengan sebetul-betulnya. Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian yang berat untuk mengurangkan penyalahgunaan atau kecemaran Bahasa Malaysia dengan kempen seperti 'Gerakan Cintai Bahasa Malaysia'.

Berkaitan dengan soalan biasiswa yang di.bangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrabim bin Haji Ujang, Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian kepada cadangan Yang Berhormat itu supaya peringkat persekolahan anak-anak juga diambil kira dalam pemberian biasiswa.

Berkaitan dengan menambahkan biasiswa kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, Tuan Yang di-Pertua, biasiswa dan bantuan ada diberi kepada murid-murid yang yang terdiri dari. keluarga yang sangat

miskin ataupun kepada murid-nmrid dari kawasan luar bandar. Pada tahun 1986 umpamanya, sebanyak \$25.51 juta telah dibelanjakan untuk biasiswa kecil dan dinikmati oleh 86,178 orang murid. Kita tidak dapat menambahkan biasiswa ini sebab kewangan negara kita tidak mengizinkan pada masa sekarang. Apa yang saya sebutkan tadi itu adalah merupakan satu bantuan dengan cara langsung. Bantuan dengan cara tidak langsung pun ada diberikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Skim Pinjaman Buku Teks, Projek Makanan Tambahan dan Projek Susu Sekolah dan sebagainya. Berkaitan dengan Projek Makanan Tambahan dan Projek Susu Sekolah, tiap-tiap tahun Kementerian Pendidikan berbelanja \$10 juta untuk maksud itu.

Berkaitan dengan soalan Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) di seberang laut yang di.bangki.tkan oleh Yang Berhormat Puan Habidah binti Yusof, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudahpun dijawab pada masa Soal-Jawab Mulut beberapa hari yang lalu di Dewan Negara ini. Tetapi saya hendak tegaskan di sini, salah satu tujuan utama pelajar-pelajar dihantar keluar negeri adalah untuk membolehkan mereka berdikari. Oleh itu, tujuan ini tidak akan tercapai sekiranya di dalam semua perkara mereka mengharapakan JPM untuk membantu mereka. Di India JPM, sekarang ini JPM itu mengikut satu dasar atau konsep organisasi bersepadu yang mana perwakilan JPM ini sudah diambilalih oleh PersuruhjayaTinggi Malaysia di India. Tetapi di Indonesia kami masih perlu mengekalkan JPM memandangkan pelajar-pelajar yang dihantar untuk melanjutkan pelajaran di negara Indonesia itu bertambah dari setahun ke setahun.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan mempertingkatkan penggunaan tulisan Jawi, matapelajaran Jawi di sekolah merupakan satu matapelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar Melayu ataupun pelajar-pelajar beragama Islam di peringkat sekolah rendah. Peruntukan masa SP, lama 30 minit sememangnya di beri kepada matapelajaran Jawi ini dan ia diajar oleh guru-guru pendidikan Islam atau guru-guru agama.

Dan pelajaran tulisan Jawi juga diserapkan melalui matapelajaran Pendidikan Agama Islam secara menggabung jalinkan kemahiran membaca teks dan menulis. Dan di Maktab-maktab Pendidikan Guru juga tulisan Jawi merupakan satu kursus wajib dalam bidang Bahasa Malaysia dan mesti diikuti oleh semua guru pelatih yang mengambil Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran. Guru-guru yang membuat pengkursuban dalam Bahasa Malaysia diwajibkan menguasai kemahiran menulis Jawi dan mengetahui kaedah mengajar tulisan Jawi dan buku teks Pendidikan Agama Islam ditulis dalam tulisan Jawi juga.

Untuk membayangkan prestasi pencapaian Jawi, satu kajian Bahagian Pendidikan Islam pada tahun 1987 di atas 492 orang murid Darjah 4 di dua belas kelas sekolah di Sclangor sudah dijalankan dan kita mendapati 67.12% murid boleh membaca Jawi dan 50.08% boleh menulis Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di sekolah membaca/menulis Jawi akan diteruskan di peringkat sekolah menengah melalui matapelajaran Pendidikan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah kekurangan guru, masalah ini dapat diatasi dengan cara melantik guru-guru sandaran dan langkah-langkah jangka panjang sudah diambil oleh Kementerian Pendidikan, iaitu menganjurkan kursus dalam cuti dan tiap-tiap tahun kira mengambil lebih kurang 1,200 guru. Dan untuk mengadakan atau mengelolakan kursus 'conversion' untuk pemegang biasiswa pendidikan Kerajaan yang mempunyai ijazah dalam pelajaran Matematik dan Sains dan memberi kursus orientasi 3 bulan di Institut Bahasa.

Ketiga, menambah pengambilan calon-calon guru untuk memasuki ke Maktab-maktab Perguruan asas, iaitu dahulunya hanya 5,000 orang guru yang dilantik memasuki maktab dan pada dua tiga tahun yang lalu sudah sampai ke 10,000 orang.



Langkah keempat, pemegang-pemegang biasiswa JPA yang mempunyai kursus dalam bidang matapelajaran Sastera dilantik untuk menjadi guru sandaran tanpa latihan dan Kementerian Pendidikan pun memendekkan tempoh kursus latihan perguruan di maktab-maktab dari 6 semester kepada 5 semester dengan tidak membeban atau menjejaskan prestasi guru-gurunya.

Berkaitan dengan hendaklah kita menswastakan latihan perguruan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang membuat demikian sebab kita hendak menjaga prestasi ataupun quality guru-gurunya dan pada tahap sekarang Kementerian Pendidikan lagi mampu untuk melatih guru-guru di maktab-maktab.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekalian, saya tempohkan Dewan ini selama 25 minit sehingga jam 7.30 malam untuk tujuan sembahyang Maghrib.

**Persidangan ditempohkan pada pukul 7.05 malam.**

**Persidangan disambung semula pada pukul 7.30 malam**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambung Kementerian Pendidikan.

7.32 mlm.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal guru-guru yang tidak mahu dipindah ke luar bandar, sebenarnya perkara ini tidak timbul oleh kerana guru-guru yang menerima biasiswa/dermasiswa Kementerian disyaratkan berkhidmat di kawasan-kawasan yang memerlukan khidmat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan buku teks KBSM, Kementerian Pendidikan sentiasa ada menjamin bahawa mutu buku teks itu adalah mutu yang baik, sebab kita ada pakar-pakar untuk meneliti isi kandungan buku-bukunya dan kita ada Lembaga untuk menaksir semua buku-buku teks baru untuk menjamin nilai-nilai bukunya dan buku yang berisi kandungan yang terbaik akan dipilih, sungguhpun kita menghadapi sedikit kesalahan-kesalahan seperti salahguna ejaan. Ini kesalahan kecil dan boleh dibetulkan dengan segera.

Berkaitan dengan buku bacaan tambahan, Kementerian Pendidikan ada menjamin bahawa bukunya adalah mencukupi untuk maksud murid-murid di sekolah-sekolah masing-masing mengikut kadar-kadar yang ditentukan.

Berkait dengan buku Bahasa Cina dan Tamil di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan, jika ada kekurangan atau tidak mencukupi, pihak berkenaan boleh memohon melalui Kementerian Pendidikan untuk menambah bukunya.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah tidak boleh menukar buku teks sewenang-wenangnya melainkan oleh sebab tertentu dan mestilah mendapat kebenaran dari Kementerian Pendidikan.

Berkaitan dengan buku-buku dalam Skim Pinjaman dan pasaran terbuka, Kementerian ada menjamin bukunya mencukupi, dasar-dasar cara-cara seperti melalui pasaran terbuka kepada penerbit-penerbit untuk mengedar lebih awal sekali ke kawasan pedalaman seperti di Sarawak dan Sabah dan menghantar dalam satu bekalan untuk keperluan tiga tahun ada dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peningkatan kebolehan murid-murid membaca dan menghayati Al-Quran dan supaya guru-guru Al-Quran diberi latihan yang khususnya, untuk mencapai tujuan tersebut, Kemenerian Pendidikan sentiasa mengadakan kursus dan aktiviti-aktiviti agama kepada murid-rnurid dengan tujuan untuk tnenggalakkan mereka memahirkan bacaan Al-Quran serta menghayati seperti mengadakan Musabaqah membaca dan menghafal Al-Quran serta menafsirkannya. Bagi mempertingkatkan kebolehan guru-guru agama pula, Keraenterian Pendidikan menganjurkan kursus-kursus bacaan Al-Quran dan Tajwid pada tiap-tiap cuti penggal persekolahan yang sesuai dengan peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pendidikan seks diselitkan dalam KBSM, tajuk ini sudah dimasukkan dalam sukatan baru Sains KBSM dan di dalam kurikulum pendidikan jasmani dan kesihatan dan di dalam KBSM juga isi kandungannya ada memasuki pendidikan kekeluargaan atau family Life education, dengan izin. Dalam isi kandungannya ada memasuki tanggungjawab hal keluarga dan suami-isteri.untuk mewujudkan suasana kekeluargaan yang baik dan memasuki juga aspek sexuality, dengan izin, perancangan keluargaan dan pendidikan kesihatan.

Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan sekolah supaya murid-murid dapat belajar dengan sempurna, Tuan Yang di~Pertua, bagi sektor pendidikan pada Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah \$1.2 ribu juta akan diperuntukkan untuk menyedari kemudahan-kemudahan pendidikan yang lebih baik dan di antaranya \$209 juta disediakan untuk pembinaan bilik darjah di sekolah pendidikan rendah dan \$201 juta untuk sekolah menengah.

Berkaitan dengan tugas-tugas pentadbiran di Jabatan-jabatan Pendidikan dan Kementerian yang disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Habidah binti Yusuf, tugas-tugas di Kementerian Pendidikan dan di Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri bercorak pentadbiran pendidikan yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran profesional di samping pengetahuan dan kemahiran pentadbiran. Oleh itu jawatan-jawatan bagi bidang ini sangat perlu diisi oleh pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang mempunyai latihan dan pengalaman berkaitan dengan bidang ini, dan oleh itu mereka lebih memahami perkara-perkara dan masalah yang hendak ditadbirkan. Mereka juga diberi latihan dalam pengurusan am.

Berkaitan dengan fakulti-fakulti atau disiplin di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), antara disiplin-disiplin yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) Sarjana Muda Sains Asas;
- (ii) Sarjana Muda Sains Gunaan;
- (iii) Sarjana Muda Kejuruteraan;
- (iv) Sarjana Muda Senibina dan Seni Halus; dan
- (v) Sarjana Muda Perubatan.

Berkaitan dengan kelemahan yang terdapat di kolej persendirian atau KPB, Kementerian Pendidikan berpendapat prestasinya adalah baik. Bagi pelajaran-pelajar yang mengikut program American Association Degree, pencapaian sangat memuaskan di mana setakat ini lebih kurang 98% telahpun dapat meneruskan pengajian mereka di universiti-universiti yang kompetitif lagi terkemuka di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, pencapaian program A Level kurang memuaskan. Kementerian Pendidikan ada mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan ini seperti menambahkan pengajian dari dua tahun kepada dua setengah tahun, mengambil pensyarah secara kontrak melalui tahun baru 1988. Bagi menstabilkan kedudukan pensyarah di kolej itu, kolej itu juga diminta membincangkan kemungkinan melantik guru-guru dari Centre for British Teachers.

Di bidang peperiksaan juga Kementerian Pendidikan ada meminta pelajar-pelajar mengambil bahagian di dalam peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga-lembaga Peperiksaan pra-universiti seperti Associate Examination Board, Lembaga Cambridge, selain daripada Lembaga University of London School Examination Board yang ada sekarang.

Soalan dari Yang Berhormat Tuan G. Rajoo berkaitan dengan guru Kategori B1 dan B2 sudah dijawab di dalam masa Soal-Jawab di dalam Dewan Negara **ini**, tidak payah saya mengulangi lagi.

Berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak Orang Asli, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan Orang Asli yang ditadbir atau ditanggungjawabkan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian ada memberi kemudahan dan bantuan yang sama kepada sekolah-sekolah Orang Asli seperti yang sudah diberi kepada sekolah-sekolah biasa. Untuk sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pula, Kementerian Pendidikan ada menolong untuk mengambil guru-gurunya memasuki kursus dalam cuti untuk memberi latihan kepada mereka. Kementerian Pendidikan ada memberi kerjasama kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk menyusun kurikulum baru yang sesuai dan bagi melatih guru-guru di sekolah-sekolah Orang Asli untuk mengajar KBSR, iaitu pelajaran baru.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada yang sudah saya jawab ataupun tidak, akan diberi perhatian yang berat dan Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk mencapai cadangan yang membina itu mengikut kemampuan Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu disediakan oleh pegawai-pegawai atau disediakan sendiri? Kalau disediakan sendiri, saya mengucapkan tahniah tetapi kalau disediakan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan, saya harap pegawai itu haruslah didisiplinkan sedikit kerana dialah banyak menggunakan bahasa yang tidak berapa betul kerana memikirkan ini adalah merupakan Kementerian yang penting sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau Yang Berhormat tidak puas hati di atas isi ucapan yang disediakan itu, yang dikeluarkan dari Kementerian berkenaan, hantarlah sepucuk surat sampai kita dapat penjelasan yang lebih luas lagi daripada Kementerian berkenaan. Kementerian Luar Negeri.

**7.44 mlm.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan memberi pandangan mereka mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo telah membuat teguran tentang perkembangan di Fiji. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu di Fiji yang memuncak sehingga rampasan kuasa tentera berlaku adalah amat rumit. Perkara ini bukan sahaja berkenaan soal minoriti ataupun majoriti daripada segi jumlah penduduk semata-mata, apa yang dipertarungkan adalah kehilangan kuasa ekonomi dan politik kaum bumiputera Fiji yang serius dalam jangka masa 17 tahun yang lalu. Keadaan ini kemudiannya telah menimbulkan perasaan curiga dan hilang

kepercayaan yang amat meruncing di kalangan kaum bumiputera Fiji yang boleh menimbulkan pertelingkahan kaum sekiranya sesuatu tindakan tidak diambil.

Malaysia tidak menyokong tindakan rampasan kuasa yang berlaku, sebaliknya Malaysia sentiasa berharap keadaan di Fiji akan pulih kepada pemerintahan bercorak demokrasi. Proses ke arah pemerintahan awam ini sedang pun dijalankan. Malaysia percaya sikap kesederhanaan oleh semua pihak di Fiji dapat dijalankan untuk membentuk satu Kerajaan yang akan memberi manfaat kepada semua golongan rakyat di Fiji yang berasaskan kepada perpaduan nasional di samping membantu kaum butniputera Fiji mencapai hasrat mereka.

Semasa lawatan Menteri. Luar Malaysia ke Fiji baru-baru ini, Malaysia dapat melihat tanda-tanda positif dan usaha-usaha Kerajaan Fiji di masa hadapan mungkin akan bergerak ke arah perpaduan dan kestabilan.

Malaysia tidak bersetuju yang keadaan di Fiji boleh dibandingkan dengan apa cara sekalipun dengan isu-isu di Afrika Selatan ataupun di Afghanistan.

Mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam tentang kehadiran tentera India di Sri Lanka sebagai tindakan menjajah, perlu dijelaskan di sini bahawa kehadiran tentera India ke Sri Lanka adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan ataupun syarat Perjanjian Damai yang ditandatangani oleh Perdana Menteri India serta Presiden Sri Lanka pada 29hb Julai, 1987 untuk menamatkan pertelingkahan kaum di Sri Lanka. Dalam perjanjian tersebut, India dikehendaki untuk menghulurkan bantuan daripada segi ketenteraan sebagai pasukan pengatnan dan tnembantu pihak berkuasa Sri Lanka apabila diminta untuk mengembalikan keamanan di negara itu.



Mengenai bangunan Perwakilan Malaysia di luar negeri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Azman Atar, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri memberi perhatian yang berat kepada bangunan-bangunan perwakilan terutama kepada bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan kita. Oleh kerana keadaan iklim, alam sekitar dan juga undang-undang tempatan yang berbeza dari sesebuah negara dengan negara yang lain, amatlah sukar untuk kita membina ataupun menyLwa bangunan yang boleh menunjukkan unsur-unsur negara kita dalam rekabentuk bangunan-bangunan berkenaan. Di mana Kerajaan membina bangunan-bangunannya sendiri dan di mana terdapat keadaan-keadaan dan undang-undang tempatan membenarkan, unsur-unsur rekabentuk Malaysia tetap digunakan.

Bagi penyelenggaraan bangunan-bangunan yang sedia ada, Kementerian akan membincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi supaya bangunan-bangunan tersebut sentiasa di dalam keadaan baik dan terjaga.

Tentang persoalan Senator Puan Ainon Ariffin mengenai isu Antartika, saya juga ingin memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memperjuangkan isu ini di Forum Antarabangsa terutamanya sekali di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di mana perkara ini telahpun dimasukkan ke dalam agenda Perhimpunan Agung yang ke-A3 di tahun hadapan.

Bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin dan Yang Berhormat Tuan Azman Atar tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini tidak akan tinibul semasa Sidang Kemuncak ASEAN oleh kerana masalah tuntutan ke atas Sabah adalah masalah dua hala, sedangkan Sidang Kemuncak ASEAN adalah yang bercorak, dengan izin, multi-lateral. Malaysia tidak

mengiktirafkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dan menganggap bahawa isu tuntutan Sabah sebagai masalah Filipina sendiri dan oleh yang detnikian harus diselesaikan oleh Kerajaan Filipina.

Berhubung dengan kenyataan akhbar bahawa Filipina telah menggurkan tuntutan ke atas Sabah dan suatu perjanjian penarikan tuntutan tersebut akan ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN, untuk" makluman Yang Berhormat, perkara Ini masih lagi dibahaskan di Kongres Filipina dan keputusan muktamad belum dicapai setakat ini.

Menyentuh teguran Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin lagi tentang bidang skim perindustrian usahasama ASEAN, ataupun dengan izi.il, ASEAN Industrial Joint Venture, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini akan dibincangkan semasa Sidang Kemuncak di Manila di mana banyak dan berbagai inisiatif-inisiatif baru telahpun dimasukkan dalam skim tersebut untuk mempertingkatkan perkembangan industri di rantau ini.

Berhubung dengan padangan-pandangan Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin juga tentang usaha-usaha penerangan mengenai Malaysia di luar negeri, sukacita dijelaskan di sini bahawa Wisma Putra sentiasa memberi keutamaan kepada perkara ini. Usaha penerangan ini dilakukan dengan mengambil kira nilai dan kecenderongan masyarakat dan golongan-golongan masyarakat sesebuah negeri itu.

Ini penting untuk menentukan keberkesanan usaha ini dan mengelakkan dari menjadi counter-productif, dengan izin.

Dalam kes penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri itu, Wisma Putra telahpun memberikan perhatian yang khas dan khusus. Intisari teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen pada 20hb Oktober misalnya, telahpun disampaikan kepada kesemua Perwakilan kita di luar negeri dengan kawat pada hari itu juga dengan penekanan diberikan kepada sebab-sebab kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam sebagai asas yang telah menyebabkan Kerajaan mengambil tindakan tersebut. Ini pula disusuli oleh penyampaian kertas latar dan panduan kepada Perwakilan-perwakilan kita itu. Didapati bahawa Perwakilan-perwakilan kita pada umumnya telahpun berusaha menjelaskan kedudukan perkara yang sebenarnya termasuk menangkis tuduhan bahawa Malaysia sekarang berada di bawah pemerintahan tentera kononnya kepada masyarakat di luar negeri. Ini telah diusahakan melalui saluran tertentu dan

berdasarkan maklumat-maklumat latar dan bantuan yang telahpun diberikan kepada mereka dan juga di atas kebijaksanaan mereka sendiri.

Di antara bentuk usaha perwakilan kita itu termasuklah penulisan kepada akhbar-akhbar seperti dibuat di Hong Kong, Canberra dan London untuk menjawab beberapa tuduhan yang tidak benar, yang telah dileraparkan kepada negara kita. Walau bagaimanapun, Wisma Putra sedar bahawasanya masih wujud anggapan yang negatif terhadap negara kita. Anggapan sedemikian ternyata dipegang oleh mereka yang sentiasa mempunyai prasangka terhadap negara kita dan akan menggunakan apa juga alasan yang boleh memperkuat prasangka mereka itu dan bukan sahaja tidak akan mahu mendengar apa jua alasan yang bertentangan dengan prasangka mereka itu, bahkan akan memutarbelitkan alasan sedemikian supaya tercucuk dengan sentimen prasangka mereka itu sendiri. Bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini setakat ini belum ada bukti yang jelas bahawa perkara ini telah dilakukan oleh rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang tidak sempat saya sebutkan di sini akan diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian saya dari masa ke semasa. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kesihatan.

**7.54 mlm.**

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran-teguran di dalam perbahasan di atas Kepala Bekalan Kementerian Kesihatan.

Buat permulaan sukalah saya menyentuh rayuan dari Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King. Buat raasa sekarang peruntukan untuk memulakan pembinaan hospital baru Sibu masih belum dapat disediakan. Walau bagaimanapun, peruntukan kerja-kerja penyediaan pelan-pelan sehingga ke peringkat panggilan tawaran untuk satu Konsortium Perundingan Swasta dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telahpun diberi. Kerja ini sedang berjalan dengan lancar.

Sebagai langkah sementara, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti projek-projek yang baru untuk dilaksanakan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan perubatan di Hospital Lau King Hoe khasnya dan Daerah Sibu pada amnya. Dua buah projek yang diluluskan khas bagi hospital tersebut untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah:

- (i) Sambongan Dewan Bedah yang sudahpun siap dibina baru-baru ini.
- (ii) Tambahan satu wad ortopidik yang dijadualkan mula dibina dalam tahun 1988.

Sebuah poliklinik baru sedang juga dalam proses pembinaan dan diharapkan dengan adanya poliklinik ini kesesakan yang dialami di Hospital Sibu dapat dikurangkan.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji keperluan mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar terutama sekali di kawasan-kawasan pendalaman di seluruh negara termasuklah negeri Sarawak. Dalam usaha ini sebanyak 65 buah projek telah dikesan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima khasnya bagi negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan peruntukan hanya 31 buah projek dapat disediakan untuk pembinaan dalam jangka masa yang sama.

Di samping itu antara lain peruntukan yang diberi kepada negeri Sarawak ialah untuk membina 4 buah Hospital Daerah yang baru di Bau, Betong, Simunjan dan Daro.

Menjawab teguran dari Ahli Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan memang berhasrat untuk membina sebuah hospital daerah di Kuala Brang sejak Rancangan Malaysia Keempat lagi. Walau bagaimanapun, oleh sebab kekurangan peruntukan, hospital ini tidak dapat dibina dalam jangka-masa itu. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, di mana peruntukan juga terhad, Kementerian Kesihatan mencadangkan untuk membina hospital itu secara berfasa, bermula pada akhir tahun 1988 ataupun 1989.

Mengenai tapak Hospital Kuantan yang dikatakan telah diubah-ubahkannya itu, bukanlah di atas kemahuan Kementerian Kesihatan sendiri. Permintaan untuk menukarkan tapak asal di Telok Cempedak ke tapak baru di kawasan pembangunan baru di Atabara adalah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Oleh kerana Kementerian Kesihatan mendapati bahawa tapak yang ditawarkan di Atabara itu kurang sesuai, Kementerian Kesihatan telah membuat keputusan, dengan persetujuan dari pihak Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan juga agensi-agensi pusat, untuk membangunkan semula Hospital Kuantan di tapak Hospital Kuantan lama yang sedia ada.

Seterusnya suka saya menjawab tiga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh. Pertama-nya, mengenai kempen kebersihan, Semenjak Kempen Kebersihan Seluruh Negara dilancarkan pada 2hb Oktober, 1983, kerja-kerja menyelenggarakan kebersihan persekitaran, termasuk tandas-tandas awam, diteruskan sehingga tempoh hari ini dan akan diteruskan pada masa akan datang, Satu Jawatankuasa Kebangsaan Kebersihan Seluruh Negara-negara dikenali dengan pendeknya sebagai JKSN, telah

diwujudkan pada bulan Ogos 1983 atas arahan Jemaah Menteri, bagi maksud mempertingkatkan kebersihan persekitaran di dalam dan luar bandar di seluruh negara.

Kempen Kebersihan adalah satu aktiviti yang giat dan sedang di-amalkan di tiap-tiap daerah di seluruh negara. Laporan kempen tersebut adalah disampaikan dari masa ke semasa oleh Pegawai-pegawai Daerah tiap-tiap bulan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri di Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat itu sendiri.

Aktiviti ini sedang dijalankan dengan lancarnya dan Pengarah-pengarah Perkhidmatan Kesihatan di peringkat negeri dan pegawai-pegawai kesihatan di peringkat daerah sentiasa memberi kerjasama dan nasihat kepada pihak-pihak Penguasa Tempatan di dalam kempen kebersihan ini.

Perkara yang kedua ialah mengenai pemberian keraudahan perubatan kepada i-bu bapa pegawai bukan setakat isteri dan anak pegawai sahaja seperti yang terdapat sekarang. Kemudahan dan perkhidmatan perubatan yang diberikan kepada pegawai serta isteri dan anak-anaknya adalah mengikut peruntukan yang terdapat dalam Perintah Am, Bab F. Saranan Ahli Yang Berhormat itu untuk memanjangkan kemudahan tersebut kepada ibu bapa pegawai adalah melibatkan perkara-perkara yang pokok dan dasar dan perlu penelitian yang sewajarnya.

Perkara yang ketiga, Ahli Yang Berhormat meminta supaya dibenarkan suami berada di sisi isteri yang hendak bersalin di hospital-hospital Kerajaan. Sebenarnya keadaan di hospital-hospital Kerajaan adalah berlainan jika dibandingkan dengan hospital-hospital swasta. Sebab itu, Kementerian Kesihatan tidak menggalakkan para suami ada bersama isteri melahirkan anak di hospital memandangkan di kebanyakan hospital-hospital Kerajaan, di 'labour room' atau tempat bersalin itu terdapat beberapa buah katil untuk ibu-ibu lain yang juga sudah sampai masa untuk melahirkan anak. Oleh itu adalah tidak wajar bagi para suami masuk ke 'labour room' itu di mana terdapat beberapa orang ibu lain yang sedang menunggu, kadangkala di dalam kesakitan untuk isteri, bukan untuk suami.



Menjawab teguran-teguran dari Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa jenis-jenis ubat yang disenaraikan di dalam buku biru di Kementerian Kesihatan itu, ada diperolehi di dispensari, Hospital Besar Pulau Pinang. Pesakit-pesakit tidak pernah diminta, saya diberitahu untuk membeli ubat di luar sekiranya ia ada di dalam simpanan.

Berkenaan dengan X-Ray untuk IVP, biasanya terdapat senarai menunggu yang agak panjang. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes keceemasan, rawatan boleh diberi serta merta. Bagi kes-kes yang tidak serius, mereka perlulah menunggu mengikut masa yang dijadualkan untuk sementara waktu ini.

Bagi C.T. Scan, rawatan ini tidak terdapat di Hospital Besar Pulau Pinang pada masa ini. Kes-kes biasa dirujuk kepada Hospital Besar Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan dan sementara kes-kes dalam kecemasan itu pesakit-pesakit dirujuk kepada hospital swasta untuk diselenggarakan dan jika perlu secara percuma.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini apabila selesainya rancangan baru untuk membina Central Services Block di Hospital Besar Pulau Pinang, Hospital itu dijangka akan memperolehi satu unit C.T. Scan. Dengan yang demikian, ianya akan dapat memberikan perkhidmatan rawatan kepada pesakit-pesakit yang berkaitan di hospital itu juga.

Menyentuh soal bantuan pakaian seragam hanya diberi \$10 sepasang, saya suka memaklumkan bahawa elaun jahitan yang dibayar kepada pekerja-pekerja hospital sekarang ialah \$10 seperti dikatakan untuk sepasang pakaian seragam dan juga untuk sepasang overall.

Kelulusan telah diberi untuk kenaikan elaun ini kepada \$20 sepasang pakaian dan \$13 bagi setiap overall untuk tahun .987, Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan untuk Anggaran Belanja Mengurus adalah terhad bagi tahun 1987, maka Kementenan Kesihatan terpaksa menangguhkan pelaksanaan kenaikan elaun jahitan itu. Bagi makluman Yang Berhormat, kenaikan elaun jahitan akan dilaksanakan beberapa hari sahaja lagi mulai Ihb Januari, 1988 kerana pemntukan telah pun sedia ada dalam Anggaran Belanja Mengurus tahun 1988 untuk maksud ini.

Akhir sekali, saya suka menjawab teguran Ahli Vang Berhorrnat Tuan G. Rajoo iaitu mengenai rawatan bagi pesakit-pesakit buah pinggang (kidney) melalui mesin haemodialysis dan sebagainya. Kita pada masa ini mempunyai 62 mesin haemodialysis untuk memberi perkhidmatan di beberapa buah hospital besar di negara kita, seperti di Hospital Besar Kuala Lumpur di mana terdapat 36 mesin, Hospital Besar Pulau Pinang 4 mesin, Hospital Besar Alor Setar 3 mesin, Hospital Besar Johor Bahru 7 mesin, Hospital Besar Ipoh 7 mesin, Hospital Lau King Hoe, Sibu 2 dan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu 3 buah mesin. Jumlahnya 62, yang digunakan juga secara bergiliran atau secara shift. Malangnya, pesakit-pesakit dari Ipoh dan lain-lain tempat hanya dapat diberi rawatan haemodialysis di tempat-tempat mereka yang saya sebutkan tadi tetapi mereka terpaksa lah disahkan untuk rawatan yang ada pakar penyakit buah pinggang yang hanya ada di Hospital Besar Kuala Lumpur pada masa ini. Jika

terdapat pakar-pakar ini pada masa akan datang kita akan tempatkan juga mereka di hospital-hospital lain tetapi untuk follow-up dan haemodialysis melalui mesin-mesin itu mereka boleh pergi ke pusat-pusat satelit yang saya sebutkan tadi.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perbelanjaan yang harus disediakan bagi sesebuah mesin dan rawatan pesakit itu melalui haemodialysis aualah mahal. Di samping itu diperlukan disediakan kakitangan-kakitangan dan kemudahan-kemudahan khas. Oleh itu buat masa sekarang, Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan untuk sementara waktu bagi menambahkan perkhidmatan mesin haemodialysis ini di lain-lain hospital, terutamanya di hospital-hospital daerah.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada beberapa teguran dan masalah yang ditimbulkan dan saya harap perkara-perkara yang lain yang ditimbulkan juga dapat diambil untuk perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya di Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Buruh.

**8.08 mlm.**

**Timbalan Menteri Buruh [Tuan Kalakau Untol]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai isu-isu di bawah Kementerian Buruh. Semua pandangan, teguran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah diambil ingatan untuk diberi perhatian dan pertimbangan dengan sewajarnya oleh Kementerian Buruh. Di sini saya tidak bercadang untuk menjawab

riatu-persatu isu yang telah dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, saya mengambil peluang memberi penjelasan ke atas beberapa isu utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan C. Krishnan di mana, antara lain, beliau telah membangkitkan perkara bahawa sejak syarikat-syarikat ladang diambil alih oleh badan-badan tempatan seperti Perbadanan Nasional Berhad, Multi Purpose dan sebagainya, kebajikan pekerja-pekerja ladang telah diabaikan oleh majikan-majikan ini. Perkara ini mengikut pandangan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan kurang diawasi dan kurang diberi perhatian oleh Kementerian Buruh,

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat perlu untuk meuegaskan di sini bahawa tanggungjawab Kementerian Buruh terhadap bak dan kepentingan pekerja-pekerja di negara ini tidak hanya terbatas kepada pekerja-pekerja disektor ladang sahaja. Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa pekerja-pekerja ladang diabaikan oleh kerana pekerja-pekerja ini mendapat hak dan perlindungan yang sama di bawah Undang-undang Buruh seperti juga pekerja-pekerja lain.

Ketnenterian Buruh, melalui pegawai-pegawainya menjalankan pemeriksaan berkanun terhadap tempat-tempat pekerjaan di negara ini termasuk tempat-tempat pekerjaan di sektor ladang. Memandangkan bilangan pegawai-pegawai di Kementerian Buruh tidak begitu ramai jika dibandingkan dengan bilangan tempat pekerjaan di negara ini maka pemeriksaan berkanun tidak mungkin dapat dilakukan ke atas semua tempat pekerjaan. Walaupun begitu, Kementerian Buruh sentiasa berusaha setakat mana yang boleh untuk memeriksa seberapa banyak

tempat pekerjaan di negara ini, termasuk sektor adang untuk memastikan segala Undang-undang Buruh dipatuhi.

Pada amnya, mengikut rekod-rekod Kementerian Buruh adalah didapati bahawa pekerjaan di sektor ladang di negara ini tidaklah begitu buruk seperti yang dikatakan. Kebanyakan ladang-ladang, terutamanya yang besar termasuk juga ladang-ladang yang dibeli dan diambil alih oleh syarikat-syarikat tempatan ada menyediakan kemudahan-kemudahan yang baik dan syarat-syarat pekerjaan yang munasabah.

Walau bagaimanapun, saya juga tidak menafikan bahawa memang terdapat majikan-majikan ladang yang memberi kemudahan-kemudahan yang kurang baik kepada pekerja-pekerjanya, terutama sekali majikan-majikan ladang yang kecil dan ladang-ladang yang terletak di kawasan-kawasan yang terpencil. Di mana dan apabila dikesan wujudnya keadaan yang kurang baik **itu**, Kementerian Buruh tentu sekali akan bertindak segera untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perumahan pekerja pula, suka saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian Buruh sentiasa mengawasi keadaan perumahan pekerja serta bekalan air dan kemudahan kesihatan pekerja-pekerja di ladang-ladang. Penguatkuasaan undang-undang terhadap ladang-ladang dijalankan tanpa mengira siapa yang memiliki ladang-ladang tersebut. Di samping itu, Kementerian Buruh juga menggalakkan majikan-majikan ladang supaya meningkatkan lagi mutu perumahan dan kemudahan asas yang disediakan di ladang-ladang mereka. Perlulah ditegaskan di sini bahawa perkara seumpama ini merupakan proses berterusan dan mungkin memakan masa yang panjang kerana ia melibatkan kerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan,

Skim Memiliki Rumah Pekerja adalah satu skim sukarela dan adalah tidak wajar majikan-majikan dipaksa untuk melaksanakannya. Namun demikian, Kementerian Buruh akan terus menggalakkan sektor ladang untuk mengadakan skim tersebut supaya pekerja-pekerjanya mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri. Setakat ini, di sektor ladang, sebanyak 8 buah ladang yang telah menyiapkan sebanyak **1,080** unit rumah. Setain daripada **itu**, skim perumahan di empat belas buah lagi ladang sedang berada dalam beberapa peringkat pelaksanaan. Sejumlah 7,895 unit rumah dijangka dibina oleh ladang-ladang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang peka terhadap hasrat pekerja-pekerja memiliki rumah sendiri. Oleh itu, sejak tahun 1973, Kerajaan telah menggalakkan Skim Pemilikan Rumah Pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong. Selain daripada itu, Kerajaan telah juga menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah di bandar dan di luar bandar. Para pekerja ladang adalah bcbas untuk memohon rumah-rumah tersebut. Sebagai langkah bagi membantu pekerja-pekerja membiayai kos pembelian, Kerajaan telah juga metninda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi membolehkan mereka mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga menjadi dasar Kementerian Buruh bahawa syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja dirunding dan dlpersetujui di antara kedua-dua pihak pekerja dan majikan. Sehubungan dengan ini Kementerian Buruh hanya boleh menggalakkan majikan-majikan supaya memberi pertimbangan kepada keperluan perumahan pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi Kementerian Buruh memaksa majikan-majikan menyediakan skim perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan teguran dan cadangan bagi kebaikan bersama. Mana-mana perkara yang tidak saya sentuh dan jawab, akan juga diberi perhatian yang sewajarnya dan mana-mana cadangan yang didapati sesuai akan dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut peringkat-peringkat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**8.15 mhm.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Husein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya suka menyampaikan ucapan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan fikiran yang membina di dalam Dewan ini,

Berhubung dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat saudara Mustata Awang, memang sejajar dengan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa rekabentuk-rekabentuk rumah-rumah awam kos rendah telahpun disediakan oleh pihak Kementerian dan rekabentuk-rekabentuk ini telahpun diedarkan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri bagi dilaksanakan di negeri masing-masing. Berhubung dengan rumah-rumah yang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, sukacita saya maklumkan sebenarnya masalah itu di luar daripada bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Namun demikian, insya Allah pandangan yang telah diberikan diperpanjangkan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diberi pandangan oleh seorang lagi sahabat saya Yang Berhormat saudara Lau Keng Siong, memang telah ada di dalam pengetahuan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa sebanyak empat rancangan sebagaimana yang dimaksudkan yang mana satu daripadanya telahpun disiapkan di dalam bulan Ogos 1986 dan tiga lagi baru disiapkan. Namun demikian, masih ada lagi perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan sekarang sedang di dalam proses pelaksanaan iaitu untuk mendawai bagi membekalkan bekalan elektrik dan memasang paip-paip untuk perbekalan



air dan saya yakin apakala ini semua selesai nanti, bagi pihak Penguasa Kerajaan Negeri akan mengadakan pemilihan bagipenghuni-penghuni untuk menduduki di rumah-rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang telah diberi oleh sahabat saya saudara Yang Berhormat C. Krishnan, sebagaimana yang telah saya maklumkan di dalam jawapan Soalan Mulut saya di Dewan ini beberapa hari yang lalu bahawa 54 daripada 182 projek yang telah dikenal pasti telah dipulihkan dan yang selebihnya sedang di dalam proses pengkajian dan usaha insya Allah juga kemungkinan untuk dipulihkan.

Berkaitan dengan masalah akaun projek perumahan, inipun setimpal dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, memang satu usaha telahpun disusulkan untuk mewujudkan satu sistem akaun projek perumahan atau project account system, dengan izin, sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Insya Allah, apakala sistem ini wujud nanti maka bagi pihak institusi-institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada pihak pemaju-pemaju sama ada end-financing atau bridging finance, dengan izin, kepada pihak pemaju-pemaju akan mengambil tindakan bagi menguruskan sebagaimana apa yang dimaksudkan.

Sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sumbangan fikiran kepada pihak Kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Penerangan.

8.18 min.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1988, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini

telah menyentuh beberapa perkara mengenai Jabatan Penerangan, RTM dan Kementerian Penerangan.

Untuk semua teguran yang membina ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mereka. Saya mohon izin di sini untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu dengan secara umum.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang pertama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim pada 4hb Disember, 1987 menanyakan mengapa Institusi Latihan Ilham yang dicadangkan dalam tahun 1982 belum lagi ditubuhkan, sedangkan institusi ini adalah penting untuk melatih kakitangan dalam meningkatkan kefahaman dasar-dasar Kerajaan. Ingin saya maklumkan bahawa keadaan ekonomi sekarang tidak mengizinkan Institusi Latihan Ilham tersebut ditubuhkan. Walau bagaimanapun, Jabatan Penerangan sedia menjalankan berbagai-bagai kursus-kursus bagi kakitangan Jabatan Penerangan dan institut itu akan ditubuhkan apabila keadaan kewangan Kementerian mengizinkan kelak.

Beliau juga menyatakan bahawa penerbitan risalah-risalah mengenai dasar-dasar Kerajaan harus dipertingkatkan supaya dapat dibaca oleh 10% daripada penduduk negara kita. Ingin saya maklumkan bahawa buku-buku penerbitan dan risalah-risalah mengenai dasar-dasar Kerajaan yang diterbitkan dan diedarkan oleh Jabatan Penerangan adalah merupakan saluran bantuan kepada usaha-usaha Jabatan Penerangan menyibar dan menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat melalui kegiatan-kegiatan penerangan secara bersemuka. Penerbitan-penerbitan tersebut diedarkan kepada orang ramai yang boleh membaca dan dipercayai belum memahami lagi tentang sesuatu dasar Kerajaan. Jabatan Penerangan akan menambahkan lagi jumlah bilangan penerbitannya apabila dan di mana perlu daripada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kempen-kempen nasional seperti penyalahgunaan dadah, kemalangan jalanraya, rogol dan orang-orang hilang yang juga disentuh oleh beliau, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian ini akan terus mengadakan kempen-kempen seperti di atas supaya rakyat tidak menjadi mangsa kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ujang daripada Negeri Sembilan pada 7hb Disember, 1987 telah mencadangkan supaya filem-filem berunsur pendidikan ditayangkan pada awal malam. Juga beliau mencadangkan filem-filem yang lama tidak disiarkan dan meminta supaya filem-filem yang disiarkan selepas masa sembahyang adalah bersesuaian dengan waktu tersebut. Ingin saya menyatakan di sini bahawa RTM telah menyusun rancangan-rancangannya dengan mengambilkira masa-masa yang sesuai bagi penonton-penonton. Walau bagaimanapun, RTM tidak dapat memenuhi kehendak semua pihak dan

semua penonton. Namun begitu, cadangan-cadangan Yang Berhormat itu akan diambilkira dalam penyesuaian rancangan-rancangan XV di masa akan datang.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said pada 7hb Disember, 1987 telah mencadangkan supaya RTM dapat mengadakan rancangan bagi mengingatkan rakyat mengenai perlunya membayar cukai dan mengeneppikan rancangan-rancangan TV yang menjolok mata dan boleh mengakibatkan kes-kes rogol. Beliau juga meminta supaya setnua filem-filem melalui TV dialihbahasakan ke dalam Bahasa Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian ini dan Jabatan Kilem Negara, iaitu sebuah agensi Kementerian sering menyiarkan melalui RTM rancangan-rancangan yang mengingatkan orang ramai tentang kepentingan untuk membayar cukai. Ini juga dibuat melalui Radio. Rancangan-rancangan begitu memang akan dibanyakkan lagi.

Mengenai soal pengalihan bahasa filem, RTM sudah banyak mengalihbahasakan filem-filem bercorak pendidikan ke Bahasa Malaysia dengan tujuan untuk memberi maklumat yang berfaedah kepada penonton-  
penontot tempatan. Filem-filem barat yang tidak dialihbahasakan disediakan dengan sarikata Bahasa Malaysia supaya dapat difahami oleh penonton-penonton. Untuk makluman Yang Berhormat, sesuai dengan dasar mempertingkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sememangnya menjadi matlamat RTM bahawa RTM pada akhirnya atau dalam satu masa yang tidak dapat ditetapkan akan menjadi rangkaian Bahasa Malaysia yang sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pada masa ini penambahan penggunaan Bahasa Malaysia dibuat dengan cara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat yang mana setakat ini sudah mencapai tahap kepada lebih kurang di antara 75% hingga ke 80%.

Berkenaan dengan adegan-adegan ghairah dalam filem-filem, ingin saya menyatakan bahawa RTM menapis filem-filemnya sendiri selepas ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem dan adegan-adegan ghairah telah ditapis seberapa yang boleh di dalam filem-filem siaran RTM yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan pada 8hb Disember, 1987 telah mencadangkan supaya RTM di samping menyiarkan filem-filem Tamil, juga menyiarkan drama-drama yang mempromosikan kebudayaan Tamil. Beliau juga meminta supaya perkataan-perkataan Tamil disebut dengan betul semasa menghebahkan intisari rancangan dan semasa awal satu-satu rancangan Tamil.

Mengenai drama-drama bercorak kebudayaan Tamil, RTM sedia menyiarkan dengan lebih banyak jika ada syarikat-syarikat yang dapat mengeluarkan dan ada syarikat-syarikat penaja yang dapat menajakan penyiaran drama-drama tersebut.

Mengenai sebutan perkataan Tamil semasa menghebahkan intisari rancangan dan semasa awal rancangan, perkara ini adalah dalam perhatian RTM dan akan diperbaiki daripada masa ke masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim pada 8hb Disember, 1987 telah menyentuh tentang beberapa pegawai Jabatan Penerangan yang tidak diberi gaji penuh semasa membuat ijazah di universiti. Mengenai pegawai-pegawai tersebut, mereka telah memohon mengikuti pengajian ijazah tersebut melalui Jabatan dan telah mengambil cuti tanpa gaji. Selepas selesainya pengajian mereka bolehlah kembali ke Jabatan asal mereka sementara memohon jawatan yang sesuai seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang dari Terengganu pada 9hb Disember, 1987 telah menyentuh bahawa walaupun Kerajaan berusaha untuk menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya, RTM masih menayangkan gambar-gambar yang di mana pelakon tidak berpakaian sempurna dan menjolok mata. Mengenainya, ingin saya menyatakan di sini bahawa dengan tindakan penapisan oleh RTM, adegan-adegan mengghairahkan telah diminimakan seberapa yang boleh. RTM sentiasa mengambil berat tentang perkara ini.

Beliau juga telah meminta supaya RTM mengkaji semula tindakan menggam lagu-lagu nyanyian oleh penyanyi-penyanyi yang terlibat dalam dadah. Ingin saya menegaskan di sini tindakan RTM adalah sejajar dengan kempen anti dadah Kementerian ini untuk menghapuskan pengaruh najis dadah di kalangan pemuda-pemuda negara kita.

Beliau juga mencadangkan supaya keperluan ucapan-ucapan Ahli-ahli Dewan Negara diedarkan untuk pengetahuan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengatakan di sini bahawa Jabatan Penerangan sedia mengedarkan ucapan-ucapan penting mengenai dasar-dasar Kerajaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sesuatu Kementerian. Setakat ini Kementerian ini tidak ada bercadang untuk mencetak dan mengedarkan ucapan-ucapan penting Ahli-ahli Dewan Negara. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan sentiasa diambil perhatian dan dikaji kesesuaiannya daripada masa ke semasa.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan sekali lagi sebanyak-banyak terima kasih kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana telah memberi teguran-teguran yang bernas terhadap tugas Kementerian Penerangan dan kepada mereka yang mana soalnya tidak disentuh di sini, saya mohon maaf dan apa juga yang ditimbulkan semasa perbahasatt akan diambil perhatian. Terima kasih..

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

**8.28 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan**

**[Tuan Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas dasar am Belanjawan 1988 dan telah memberi cadangan, pendapat serta teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom mengenai kebudayaan, saya amat bersetuju dengan pandangan bahawa kebudayaan kebangsaan itu adalah kebudayaan bangsa Malaysia. Memanglah kebudayaan bukanlah tarian, bukanlah kompong atau permainan mercun sahaja kerana kebudayaan ini meliputi seluruh aspek cara hidup. Kesenian hanya merupakan sebahagian dari kebudayaan dan kesenian itu juga bermacam-macam bidangnya. Umpamanya sebagai contoh, harimau itu adalah haiwan tetapi tidak semua haiwan adalah harimau. Samalah juga dengan kesenian. Kesenian tergolong dalam kebudayaan, tetapi kebudayaan itu bukanlah kesenian.

Mengenai kebudayaan kebangsaan memang telah ditentukan bahawa unsur-unsur Islam merupakan unsur-unsur yang utama di dalam proses pemupukan kebudayaan kebangsaan. Matlamat kebudayaan kebangsaan adalah bagi mencapai perpaduan negara dan ihi bermakna selain dari aktiviti-aktiviti kesenian, kita juga memupuk nilai-nilai budaya seperti kerajinan bekerja, hormat-menghormati, budibahasa, daya tahan, daya saing, budaya membaca dan persamaan nilai-nilai kehidupan masyarakat walaupun mereka itu terdiri dari berbagai kaum.



Kita memupuk persamaan-persamaan cara hidup di kalangan rakyat bukannya perbezaan-perbezaan. Mana-mana perbezaan dalam adat resam, bahasa atau cara-cara istiadat suku kaum adalah bagi diamalkan oleh suku kaum masing-masing. Tni bermakna nilai-nilai yang sama adalah nilai-nilai yang boleh diamalkan oleh semua kaum dan nilai-nilai inilah yang disebutkan sebagai kebudayaan kebangsaan seperti kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi negara, bahasa yang menyatipadukan bangsa. Demikian juga perancang bandar dan perumahan adalah semestinya mengambil kira bentuk-bentuk seni bina yang melanibangkan keperibadian Malaysia. Masalah kebudayaan adalah masalah identiti, misalnya bagaimana rakyat Malaysia berpakaian dalam acara-acara rasmi, acara-acara penganugerahan, istiadat rasmi yang berhubung dengan Raja dan sebagainya.

Dalarn kebudayaan, aspek-aspek mental, spiritual adalah ditekankan bukan sahaja aspek fizikal, seperti dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur atau kemudahan sosial semata-mata. Kita percaya satu negara dengan satu bangsa yang bersatu hanya boleh dipupuk menerusi nilai-nilai baik yang dimiliki bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kepada ingatan beliau supaya di dalam usaha menjual Malaysia untuk menarik pelancong, kita jangan sampai menggadaikan maruah dan moral negara. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan terus berusaha untuk menarik kedatangan pelancong ke Malaysia dengan menjalankan berbagai aktiviti penggalakan sesuai dengan pasaran yang ditumpukan. Dalam usaha ini kita tidak akan cuba mengikut apa yang dibuat oleh negara-negara

lain ataupun negara-negara jiran tetangga, tetapi sebaliknya akan menggunakan tarikan yang hanya unik kepada negara ini, terutama dari segi keaslian alam setnulajadi dan menonjolkan kebanggaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan mempunyai warisan kebudayaan yang kaya serta senang bermesra dengan berbudi bahasa dan bersopan santun.

Pokoknya Dasar Kebudayaan Kebangsaan akan menjadi teras di dalam segala usaha aktiviti penggalakan pelancongan yang dijalankan oleh Kerajaan. Semoga maruah dan moral bangsa Malaysia akan tetap kekal terjamin dan ini akan menjadi daya tarikan kepada pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajl Ibrahim Ujang dan Yang Berhormat Puan Hajjah Salibah binti Mohd. Akim tielah metnbangkitkan mengenai gejala-gejala negatit yang dibawa oleh pelancong supaya tidak mempengaruhi masyarakat terutama di kalangan anak-anak muda. Sebenarnya Kementerian ini memang sedar dan sentiasa mengambil berat mengenai perkara ini, Saya bersetuju bahawa memanglah apabila kita memikirkan kebudayaan kita adalah memerhatikan nilai-nilai yang positif dan progresif. Nilai-nilai ini sama ada berasaskan nilai-nilai yang sedia ada dalam masyarakat bumiputera seperti gotong royong, muafakat, kerjasama atau lain-lain resam kehidupan tetapi juga dengan megembangkan nilai-nilai Islam yang boleh menjadi amalan di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Tanggungjawab membina sesuatu kehidupan bangsa yang bermaruah atau mempunyai keperibadian sendiri. adalah menjadi tanggungjawab ktta setnua, baik Kerajaan mahupun swasta, baik masyarakat mahupun individu. Rakyat harus sedar bahawa tata-susila kita yang tinggi

itu hendaklah digambarkan kepada masyarakat kita sendiri dan juga di kalangan pelancong.

Adalah tidak benar pada pandangan jika dikatakan kecenderungan kebudayaan boleh melibatkan keruntuhan akhlak dan moral. Soal akhlak dan moral adalah bergantung kepada pendidikan individu atau proses kemasyarakatan atau pengalaman individu sepanjang hidup mereka. Kes-kes seperti perzinaan atau jenayah atau maksiat yang lain hendaklah dilihat dari aspek yang berbagai. Peranan ini hendaklah di.n.ainkan di semua peringkat supaya masyarakat terdidik dan generasi muda benar-benar faham mengenai kebudayaan dan keperluan agama mereka. Cita cita budaya adalah bagi melahirkan bangsa yang mempunyai peribadi, bangsa yang sedar tentang sejarah tanahairnya dan tidak berfikiran sempit.

Apa yang perlu dibina menerusi kebudayaan adalah cita-cita bagi meletakkan Malaysia sebagai satu bangsa yang kuat dalam semua bidang baik dari segi penggunaan bahasa, ilmunya, persuratan, kesenian, falsafah, petnikiran, nilai-nilai dan norma-nornia yang positif, lambang-lambang kebendaan yang menunjukkan bangsa kita berbudaya dan sebagainya. Apa yang perlu juga kita perhatikan ialah unsur-unsur budaya yang negatif. Kawalan mungkin perlu dibuat melalui peraturan-peraturan tertentu supaya unsur-unsur budaya barat yang tidak sesuai tidak dibiarkan berkembang.

Generasi muda juga harus dididik dengan nilai-nilai budaya positif dan program-program budaya hendaklah dilaksanakan ke arah perpaduan dan aktiviti-aktiviti yang sama di kalangan rakyat. Keperibadian bangsa dan negara sekarang yang difahami sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab semua pihak.

Program-program Kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan serta cita-cita perlembagaan hendaklah diterjemahkan ke dalam program dan akti.vi.ti masing-masing. Budaya kerja umpamanya adalah suatu nilai yang cukup baik yang perlu dikembangkan supaya sama ada penduduk bandar ataupun luar bandar mempunyai sikap yang tepat bagi meningkatkan pengeluaran atau hasil usaha. Pendeknya nilai-nilai agama dan kebudayaan dalam konteks Kebudayaan Kebangsaan adalah kukuh. Soal budaya suku kaum adalah soal masing-masing kaum. Manakala soal Kebudayaan Kebangsaan adalah hak negara bagaimana menentukannya sesuai dengan dasar-dasar negara yang telah ditetapkan.

Pandangan-pandangan Ahli Yang Rerhormat tetap ada dalam pandangan Kementerian ini dan akan diambil perhatian selanjutnya dalam program-program yang dilaksanakan,

Mengenai syor Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said dan juga Yang Berhormat Ng Peng Hay supaya Kementerian menyediakan bantnan dan ketnudahan pelancongan di negeri Melaka supaya dapat menarik pelancong ke negeri tersebut, sukalah saya menyatakan bahawa penyediaan projek pelancongan, contohnya 'light and sound" dan lain-lain termasuk kemudahan bagi menarik pelancongan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kementerian pula melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) akan sentiasa memasarkan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini termasuklah negeri Melaka di pasaran dalam dan luar negeri. ini akan dilaksanakan melalui aktiviti-akt:iviti pasaran seperti pengiklanan, promosi, perhubungan awam dan seranta, penyebaran penerangan dan juga melalui aktiviti usaha sama yang dijalankan melalui program bersama dengan sektor swasta dan negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Hongkong.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat Senator Dahalan Haji Embun supaya peruntukan pembangunan kepada negeri Perlis ditambah bagi memajukan tempat-tempat pelancongan di negeri berkenaan, saya yakin pihak Perbendaharaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada perkara-perkara tersebut sekiranya permohonan dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan Ahli Yang Berhormat Sehator G. Rajoo mengenai Malaysia Fest '87, suka dimaklumkan bahawa pesta tersebut harus dianggap sebagai satu aktiviti penggalakkan pelancongan yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama pihak swasta. Oleh kerana tempoh masa ketika merancang berkenaan dengan pelaksanaan Malaysia Fest itu sangatlah singkat, maka yang demikian publisiti mengenainya hanya ditumpukan kepada pascan tempatan dan negara-negara jiran sabaja. Penentuan tarikh mengadakan pesta ini dibuat dengan mengambil kiiid kehendak pasaran iaitu dari segi penawaran bilik-bilik hotel dan juga kemudahan pelancong yang lain.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pengunjung akan bertambah sekiranya ianya dianjurkan semasa cuti sekolah tetapi pengusaha-pengusaha hotel lebih mengambil berat tentang masa-masa luar cuti di mana perjalanan pelancong adalah terhad dan kadar penginapan di hotel adalah rendah. Dengan itu penganjuran Malaysia Fest di luar musim cuti ini akan dapat mengurangkan masalah tersebut. Tarikh ini juga telah ditentukan supaya serentak dengan perayaan Tatro Angkatan Tentera dengan tujuan untuk menggalakkan pertunjukan Tatro tersebut.

Kementerian sememangnya bercadang untuk mengadakan pesta ini sekurang-kurangnya setahun sekali dan untuk tahun-tahun yang akan datang publisiti yang lebih meluas akan dibuat di peringkat antara-bangsa untuk menarik kedatangan pelancong asing. Pada tahun-tahun yang lepas, Kementerian sememangnya menghadapi masalah dari segi kewangan untuk tujuan penggalakkan pelancongan ke Malaysia. Tetapi dengan peruntukan sebanyak \$100 juta, Kerajaan yakin jumlah kedatangan pelancong luar negeri ke Malaysia akan meningkat pada tahun akan datang.

Selaras dengan itu, Kementerian telah mengenalpasti supaya langkah-langkah memperkenalkan Malaysia dipergiatkan lagi melalui aktiviti pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyiaran maklumat di semua pasaran yang berpotensi. Di samping itu Kerajaan juga akan memberi perhatian yang lebih serius kepada dua pasaran baru iaitu Taiwan dan Perancis, dengan cadangan menubuhkan pejabat baru di pasaran-pasaran berkenaan.

Kita harus sedar perbelanjaan dari segi penggalakkan pelancongan merupakan pelaburan jangka panjang di mana ianya tidak boleh menunjukkan hasil dalam tahun yang sama. Dalam hal ini tindakan yang konsisten perlu diambil bagi memastikan bahawa minat untuk melancong ke Malaysia dapat dikekalkan di kalangan para pelancong luar negeri,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Azumu Tak dari Perak mencadangkan supaya Perpustakaan Negara memberhentikan pembelian buku-buku di peringkat pusat dan menumpukan pembelian buku-buku perpustakaan di peringkat negeri..

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Jabatan Perpustakaan Negara memperolehi bahan-bahan perpustakaan adalah untuk membina koleksi negara di peringkat pusat. Cadangan untuk memberhentikan

pembelian ini adalah tidak wajar oleh kerana ianya akan menjejaskan sumber rujukan dan penyelidikan. Di peringkat Negeri., peruntukan untuk pembelian buku bagi Perpustakaan Awam adalah disediakan oleh Perbadanan Perpustakaan Negeri sendiri. dari peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perpustakaan Negara memang ada memberikan geran pembelian buku kepada" Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dari semasa ke semasa dari peruntukan pembangunan. Pembelian buku-buku adalah dibuat oleh perbadanan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas pandangan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin mengenai Muzium Negara, sukalah saya menyatakan bahawa Muzium Negara adalah merupakan muzium umum di peringkat kebangsaan yang mempamerkan bahan-bahan sejarah kebudayaan dan ilmu kejadian. Selain daripada bahan yang dipamerkan, pihak Muzium Negara juga mempunyai berbagai jenis bahan-bahan kebudayaan dan ecology yang boleh dijadikan bahan rujukan kepada pelajar-pelajar dan orangramai yang berminat. Perkara ini memang telah berjalan sejak Muziutn ini dibuka sejak tahun 1963.

Muzium Negara sebenarnya memang terkenal bukan sahaja di peringkat Asia Tenggara tetapi juga di peringkat antarabangsa,terutamanya tentang suoibangannya terhadap pendekatan bidaug permuziuman yang baru iaitu berfalsafahkan sebagai muzium rakyat.

Sebagai manifestasi dari penghormatan ini sebuah muzium dari Los Angeles telah menjemput pihak Muzium Negara untuk mengadakan pameran bahan-bahan kebudayaan Malaysia di salah sebuah muzium di Los Angeles pada tahun 1988 nanti. Di samping itu banyak para-para sarjana di luar negeri telah menggunakan koleksi rujukan Muzium Negara sebagai bahan utama untuk rujukan mereka. Insya Allah, jika Yang Berhormat-Yang Berhormat sudi saya sendiri akan meminta pihak Muzium Negara menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat melawat ke Muzium Negara untuk mengetahui dengan secara mendalam tentang berbagai aktiviti yang dijalankan oleh Muzium Negara supaya dapat membuat perbandingan di antara Muzium Negara dengan muzium-muzium negara di negara-negara lain terutama kawasan Asia-Pasifik.

Di samping itu adalah kurang tepat jika dikatakan pihak Muzim tidak berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan lama negara yang berada di



luar negeri. Memang banyak telah kita dapat bantuan-bantuan daripada negara-negara lain. Dan pihak Muzium Negara akan terus berusaha di mana yang mungkin.

Di samping itu dari segi dokumen-dokumen lama yang bermakna atau mempunyai nilai ianya disimpan di Arkib Negara dan memang ini menjadi tanggungjawab pihak Arkib Negara.

Mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hong mengenai pemeliharaan bangunan-bangunan sejarah di Melaka, adalah dimaklumkan bahawa seirua bangunan sejarah di negeri Melaka yang diwartakan adalah di bawah jagaan Jabatan Mueium Negara. Jabatan ini telahpun mengadakan sebuah pejabat yang bertempat di Muzium Budaya Melaka. Jabatan ini juga telah menyediakaa seorang pegawai, Penolong Kurator Tingkatan Kanan, seorang Pembantu Muzium, empat orang buruh am di bandar Melaka dan seorang di Alor Gajah untuk menjaga bangunan sejarah yang diwartakan di negeri Melaka itu.

Dari segi peruntukan Jabatan ini tidak menetapkan jumlah tertentu pada setiap tahun, tetapi menyediakan peruntukan mengikut projek yang hendak dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan. Bagi maksud pemeliharaan bangunan sejarah, sehingga kini Jabatan Muzium telah membelanjakan sebanyak \$75,000 bagi negeri Melaka.

Berhubung dengan saranan supaya kajian dibuat di atas barang-barang pameran sebelnm ianya dipamerkan dalam Muzium-muzium Negeri, perlu saya jelaskan di sini bahawa pentadbiran Muzium Negeri adalah di bawah kelolaan Lembaga Muzium sesebuah negeri yang mempunyai jawatankuasa tertentu di dalam menguruskan pemilihan dan pembelian barang-barang yang hendak dipamerkan. Jawatankuasa ini adalah lebih arif dalam mengenali barang-barang sejarah, kebudayaan dan ilmu kejadian bagi sesebuah negri.

Walau bagaimanapun, di dalam Enakmen Muzium Negeri, Ketua Pengarah Muzium Negara atau wakilnya menjadi ahli kepada Jawatan-

kuasa ini di dalam mesyuarat-mesyuarat pemilihan dan pembelian barang-barang untuk dipatnerkan di Muzium Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah roemberikan teguran, pandangan dan cadangan yang membina kepada Kementerian. Sekiranya terdapat mana-mana pandangan yang tidak sempat saya menjawab atau memberi ulasan, insya Allah, pandangan-pandangan itu akan diberi perhatian dan mana yang wajar akan digunakan untuk merancang strategi dan program-program Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kebajikan Masyarakat.

**8.44 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagiau untuk memberi beberapa pandangan, teguran dan pendapat mengenai Kementerian Kebajikan Masyarakat di Dewan Negara yang mulia ini dan di sini saya sukalah memberi jaminan bahawa semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan serta pendapat-pendapat tersebut akan diambil ingatan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dan akan mengkajinya untuk dlguaakan bagi meningkatkan lagi prestasi Kementerian di masa hadapan.

Mengenai perkara bantuan banjir yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Terengganu, kepada mangsa-mangsa banjir sukalah dinyatakan di sini bahawa bantuan bagi mangsa banjir diberikan terus kepada ketua keluarga setelah ditentukan mereka itu benar-benar terlibat sebagai mangsa banjir.

Manakala mereka yang tinggal di pusat pemindahan, diberikan makanan yang dimasak secara beramai-ramai dengan bantuan tenaga sukarelawan dan mangsa banjir sendiri. Setiap mangsa diperlukan

racndattar bagi pihak keluarganya dan semua bantuan yang dikeluarkan adalah berasaskan kepada pendaftaran itu.

Pada kebiasaannya, pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat berhubung rapat dengan Ketua Kampung atau Penghulu bagi menentukan semua mangsa yang perlukan bantuan menerima bantuan seberapa awal yang boleh.

Yang Berhormat wakil dari Terengganu juga menyentuh soal pengemis-pengemis. Di sini sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian ini tidak menghalang pemberian sedekah secara bersendirian, tetapi pihak Jabatan ini lebih menggalakkan orangramai supaya menderma atau bersedekah kepada badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menguruskan berbagai perkhidmatan kenada mereka yang kurang bernasib baik.

Dalam hal ini Kementerian sekali lagi menekankan pentingnya usaha bersepadu dari saudara mara dan masyarakat supaya bersama-sama bertanggungjawab terhadap kebajikan orang-orang papa supaya mereka tidak terus menjadi pengemis.

Sekiranya orangramai terus memberikan sedekah kepada pengemis-pengemis yang berkeliaran di bandar-bandar maka berterusanlah fenomena ini di negara kita. Pada masa ini terdapat sebuah Pusat Pemulihan Pengemis di Mersing yang dapat menampung seramai 450 orang pengemis di dalam sesuatu jangka masa. Dan pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan sebuah lagi pusat pemulihan pengemis di dalam rancangan pembangunannya.

Mengenai masalah pemuzik-pemuzik buta, sukalah saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa menjemput mereka dari masa ke semasa untuk memberikan persembahan di majlis-majlis tertentu anjuran Kementerian dan mereka juga dijemput untuk membuat persembahan oleh badan-badan lain serta keluarga di dalam berbagai upacara dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, buat penutupnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi berbagai pandangan dan pendapat berhubung dengan perjalanan dan pentadbiran Kementerian Kebajikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kewangan.

**8.50 mlm.****Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Terima kasih juga diucapkan di atas segala sokongan dan penadangan yang diberi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan ke atas beberapa perkara utama yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Secara amnya Belanjawan 1988 telah diterima dengan baik. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan di sini tentang betapa perlunya semua pihak berusaha lebih keras lagi supaya ekonomi negara dapat berkembang dengan lebih pesat, terutamanya memandangkan keadaan ekonomi dunia yang kian tidak menentu.

Unjuran-unjuran mengenai prestasi ekonomi negara bagi 1988 telahpun mengambil kira kadar pertumbuhan yang rendah di kalangan negara-negara maju serta pertumbuhan yang sederhana dalam perdagangan dunia. Walau bagaimanapun, kejatuhan harga saham di Bursa-bursa Saham seluruh dunia mungkin menyulitkan sedikit proses pemulihan. Oleh yang demikian, semua pihak, baik sektor awam mahupun sektor swasta, perlu berusaha lebih gigih lagi bagi mengukuhkan asas ekonomi negara demi menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan. Selain dari itu, kerjasama yang lebih erat antara sektor awam dan sektor swasta adalah penting untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar dari hasil Kerajaan Persekutuan masih datang dari sektor petroleum. Pada masa sekarang ini kita tidak dapat memastikan sama ada harga petroleum mentah dapat dikekalkan pada tahap AS\$18 setong. Bekalan petroleum mentah di pasaran dunia sekarang adalah lebih dari mencukupi dan harga petroleum mentah sejak beberapa minggu kebelakangan ini telah menurun sedikit. Adalah diharapkan bahawa Persidangan OPEC yang sedang berjalan sekarang akan mempertahankan harga petroleum mentah pada tahap sekarang. Jika harga petroleum jatuh, kutipan hasil negara akan terjejas dan keupayaan Kerajaan untuk menanggung perbelanjaan pada tahap yang ada sekarang akan turut sama terjejas. Ini adalah kemungkinan yang kita perlu menghadapinya berikutan daripada perkembangan-perkembangan semasa di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah meminta Kerajaan Persekutuan menambah peruntukan pembangunan. Kerajaan sedar peruntukan pembangunan yang lebih besar dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan sekarang, peruntukan pembangunan yang telah disediakan adalah wajar. Dalam keadaan sekarang, adalah tidak wajar Kerajaan membuat lebih banyak lagi pinjaman-pinjaman semata-mata untuk menambahkan perbelanjaan pembangunan, tanpa meruncingkan lagi kedudukan pinjaman luar negeri. Sungguhpun kedudukan kewangan Kerajaan masih menghadapi kesulitan, Kerajaan sebenarnya telah menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$2,000 juta untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Ini adalah selaras dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menambah perbelanjaan pembangunannya. Sejumlah \$750

juta dari pertambahan ini telah diuntukkan dalam tahun 1988. Kerajaan akan memastikan supaya projek-projek yang dilaksanakannya akan benar-benar dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Mengenai gesaan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan metnas-tikan peruntukan yang disediakan untuk luar bandar akan memberi manfaat kepada kumpulan-kumpulan yang ditujukannya, sukalah saya nyatakan bahawa tiap-tiap projek pembangunan luar bandar adalah di-rancang dan dilaksanakan dengan teliti. Semua projek pembangunan, termasuk projek-projek pembanguaan yang sedang dan akau dilaksanakan di kawasan luar bandar dikesan melalui sistem berkomputer setia yang terletak di Bahagian Penyelarasan dan Pelaksana, Jabatan Perdana Menteri. Melalui sistem ini, kemajuan satu-satu projek dari segi prestasi, kewangan dan fizikalnya akan dapat diketahui dengan cepat. Oleh itu, tindakan segera dapat diambil bagi mengatasi apa-apa masalah yang dihadapi di berbagai-bagai peringkat pelaksanaan projek-projek tersebut.

Kerajaan sedar bahawa masih ada kawasan-kawasan terpencil di luar bandar yang belum menerima kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan api sepenuhnya. Walaupun kemudahan-kemudahan ini tidak dapat disediakan sekaligus, Kerajaan akan terus berusaha bagi memastikan penduduk-penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas.

Seperti yang telah ditegaskan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 di Dewan Rakyat dahulu, Kerajaan kini meng-utamakan pertumbuhan kegiatan sektor swasta untuk mempelopori pertumbuhan ekonomi dalam tahun-tahun akan datang. Selaras dengan tujuan ini, Kerajaan telahpun menyediakan beberapa kemudahan untuk menggalak pertumbuhan sektor swasta dan keusahawanan. Langkah-

langkah ini telahpun diperkuatkan lagi dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan cukai syarikat dalam jangka panjang, mewujudkan Tabung Penyelarasan Industri atau, dengan izin, Industrial Adjustment Fund. Di samping membantu pertumbuhan industri dan perusahaau kecil, Kerajaan juga telah melonggarkaa syarat-syarat berkaitan dengan pelesenan dan hakmilik serta melicinkan prosedur memproses pelaburan. Sekali lagi saya ingin menggesa sektor swasta dan pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengambil peluang-peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah pengangguran yang kini telahpun melebihi 9 peratus dari jumlah tenaga buruh. Masalah ini hanya dapat diatasi menerusi proses pertumbuhan ekonomi yang pesat. Memandangkan kepada kelemahan kedudukan kewangan, Kerajaan tidak dapat lagi memainkan peranan (utama dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan seperti pada tahun-tahun lepas. Proses penyediaan peluang pekerjaan juga bergantung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Sektor Swasta dalam usaha untuk memesatkan kegiatan ekonomi. Walaupun demikian, Kerajaan akan sentiasa membantu usaha meniugkat peluang pekerjaan seperti mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan buruh, Adalah diharapkan pihak majikan dan persatuan sekerja dapat bekerjasama untuk mengurangkan kos pengeluaran di negara ini. Jika kadar upah dapat diturunkan, pelaburan swasta dan pelaburan asing dapat dipertingkatkan lagi dan seterusnya menambahkan lagi peluang pekerjaaa dalam negara.



Dalam hal ini, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memperbaiki iklim pelaburan, terutamanya dengan menyediakan tapak-tapak perindustrian di tempat-tempat yang lebih baik serta pada harga yang lebih murah dan meagurangkan krenah pentadbiran ataupun birokrasi, dengan izin, usaha-usaha ini dapat membantu usaha-usaha Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi pelaburan. Adalah juga penting bagi agensi-agensi, ini adalah sebutan Baku, di peringkat negeri dan tempatan memperbaiki proses menimbangkan cadangan pelaburan dari pihak swasta.

Ada Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa Kerajaan kurang memberi perhatian kepada sektor pembinaan. Ini tidaklah begitu tepat kerana jika dilihat dari segi peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1988, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut melibatkan juga kegiatan pembinaan. Dalam pada itu, sektor pembinaan masih mengalami kelembapan kerana terdapat banyak bangunan yang masih belum dijual. Selain dari itu, mereka masih membina rumah-rumah yang tidak selaras dengan permintaan. Saya seringkali meuasihatkan pemaju-pemaju perumahan supaya meagurangkan harga jualan. Harga-harga ini telahpun turun sedikit. Dengan penurunan harga jualan tersebut, ada kemungkinan masalah sektor perumahan dapat diatasi. Peningkatan sektor pembinaan, seperti yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menerusi skim perumahan akan hanya menggentingkan lagi masalah sektor binaan.

Memanglah diakui dalam keadaan ekonomi yang belum begitu pulih, terdapat banyak kontraktor yang terjejas kedudukannya, terutama kontraktor bumiputera yang sangat bergantung kepada kontrak-kontrak Kerajaan. Selama ini, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bertujuan menambahkan lagi penglibatan bumiputera dalam kegiatan pembinaan, Tetapi Kerajaan hanya

boleh menyediakan galakan dan kemudahan kerana kejayaan seseorang itu bergantung kepada usaha yang bersungguh-sungguh dari dirinya sendiri. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat seperti mewujudkan institusi penyelidikan dan Kumpulan Wang Amanah Negara adalah baik tetapi memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan yang lemah sekarang ini, keutamaan perbelanjaan akan ditumpukan kepada projek-projek yang dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Adalah lebih baik lagi jika cadangan-cadangan seperti itu dilaksanakan secara bersama oleh kontraktor-kontraktor bumiputera sendiri. Kerajaan menyokong penuh usaha-usaha seperti ini kerana ia adalah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya sektor swasta memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Tabung Pusingan \$500 juta yang dicadangkan untuk syarikat-syarikat yang tenat terutama bumiputera, yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, sukalah saya nyatakan di sini. bahawa pertimbangan untuk Tabung ini sedang di peringkat yang akhir. Bank Negara sedang mengkaji butir-butir mengenai Tabung ini dan pengumuman mengenainya akan dibuat dalam sedikit masa lagi, bersabarlah. Tabung ini akan menyediakan pinjaman kepada syarikat-syarikat yang tenat, yang berdaya maju dan yang viable, dengan izin.

Mengenai cadangan supaya sektor pembinaan juga dibenarkan memperoleh pinjaman dari Tabung Pelaburan Baru, ataupun, dengan izin, New Investment Fund, Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan ini memandangkan terdapat, dengan izin, overcapacity, dalam sektor hartanah. Lagipun tabungan yang diperuntukkan untuk Tabung ini sejumlah \$1.7 ribu juta sudahpun hampir habis dikeluarkan. Sehingga hari ini sejumlah \$1,345 ribu juta telahpun dikeluarkan sebagai pinjaman di bawah Tabung ini.

Mengenai gesaan supaya bank-bank memberikan moratorium, dengan izin, bagi pinjaman yang tidak dapat dibayar balik oleh syarikat-syarikat bumiputera yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi., Kerajaan tidak boleh mengarah bank-bank berbuat demikian. Walau bagaimanapun, bank-bank telahpun diminta bersikap lebih simpati terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh pelanggan mereka, malah Kementerian Kewangan telahpun mengadakan satu mesyuarat dengan bank-bank tersebut sebanyak lebih kurang 47 semuanya dalam satu mesyuarat sekaligus. Saya diberitahu bahawa bank-bank sedia memberi moratorium berdasarkan tiap-tiap satu kes. Kesediaan bank-bank memberikan moratorium bergantung kepada cadangan yang dikemukakan oleh para peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyarankan supaya langkah Kerajaan untuk mengenakan cukai jualan ke atas bahan-bahan makanan dan industri pembinaan dikaji semula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengenalan semula cukai jualan adalah bertujuan untuk memperluaskan skop cukai tersebut. Ini adalah selaras dengan konsep cukai jualan sebagai suatu jenis cukai yang mempunyai asas yang luas atau, dengan izin, a broad based tax system. Walaupun pengenalan cukai ini mungkin melibatkan kenaikan harga, ia tidak akan menjejaskan kos penghidupan rakyat biasa kerana barang-barang yang terlibat bukan merupakan barang-barang keperluan asas.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta agar skim bayaran ansuran cukai pendapatan dikaji semula kerana ianya akan menimbulkan masalah aliran mudah tunai (cash flow) kepada syarikat-syarikat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, skim ini telahpun dicadangkan untuk mengatasi masalah tunggakan cukai. Skim ini seharusnya tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada syarikat-syarikat kerana cukai yang kena dibayar adalah berasaskan pendapatan yang telahpun diterima oleh syarikat-syarikat. Syarikat-syarikat sepatutnya memperuntukkan sebahagian daripada pendapatan yang diterima bagi tujuan cukai pendapatan, bukan berbelanja lebih daripada pendapatan.

Mengenai cadangan supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri mengutip zakat daripada orang-orang Islam dan menghantarnya ke Baitulmal Negeri-negeri pada masa ini, Akta Cukai Pendapatan, 1967 tidak mempunyai peruntukan-peruntukan bagi taksiran dan pungutan zakat. Dengan itu mengikut undang-undang yang sedia ada, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat taksiran dan kutipan zakat bagi orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah meningkatkan pertumbuhan ekonorai yang dirangka oleh Kerajaan tidak akan berhasil jika iklim sosio-politik negara ini tidak menggalakkan. Oleh yang demikian, semua rakyat harus sedar betapa pentingnya kestabilan politik bagi membantu pemulihan kegiatan ekonomi. Saya berharap rakyat Malaysia dari semua golongan sama-sama berusaha ke arah mewujudkan sebuah negara yang aman dan stabil dengan mengurangkan percakaran - saya ulangi - dengan mengurangkan percakaran sesama kita. Tindakan Kerajaan baru-baru ini telahpun mengembalikan kejernihan suasana politik dan iklim pelaburan negara. Suasana ini hendaklah dipertahankan dan terus diperbaiki.

Seperti yang saya nyatakan pada mula-mula tadi, perkembangan terakhir ekonomi dunia terutama kejatuhan nilai saham di bursa-bursa saham dunia dan tindakan Amerika Syarikat untuk mengurangkan defisit dagangannya, akan menjejaskan perkembangan perdagangan dunia. Di samping itu, adalah tidak pasti sama ada negara maju yang lain sanggup mengembangkan ekonomi mereka untuk membantu perkembangan perdagangan dunia. Paras harga petroleum juga masih menjadi tandanya. Oleh itu, kita perlu terus berhati-hati dalam perbelanjaan kita demi memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan memastikan proses pemulihan ekonomi negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan teguran yang bernas terhadap Belanjawan Negara, **[Tepuk]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Negara 53(2), saya dengan ini mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan ini sudah selesai urusan mesyuarat hari ini. Mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 3.00 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 9.08 malam.**